

PROFIL KELUARGA  
FAMILY PROFILE  
MALAYSIA

APB

1019334

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
1 JUN 2001



LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA,  
MALAYSIA  
NATIONAL POPULATION AND FAMILY DEVELOPMENT BOARD,  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR, 1999

## PERINTAHAN



### MENTERI PERPADUAN NEGARA DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MALAYSIA

Bismillahirrahmanirrahim,

Keluarga merupakan unit asas masyarakat dan memainkan peranan utama dalam pembangunan masyarakat dan negara. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Malaysia melalui Rancangan Malaysia Ketujuh telah merancang untuk menubuhkan satu jawatankuasa peringkat tinggi antara agensi untuk menggubal dasar dan program bagi meningkatkan lagi pembangunan sosial dan keluarga. LPPKN sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam bidang kependudukan dan pembangunan keluarga telah banyak melaksanakan kajian-kajian mengenai penduduk dan keluarga dan penerbitan buku ini adalah wajar dan tepat pada masanya. Hasil-hasil kajian yang dimuatkan dalam buku ini boleh dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat khususnya para penggubal dasar dan program pembangunan sosial dan keluarga.

Saya percaya buku ini juga dapat dijadikan bahan bacaan serta rujukan oleh para pembaca dalam dan luar negara. Maklumat-maklumat mengenai keluarga yang ada dalam buku ini dapat memberi gambaran tentang perubahan-perubahan yang sedang berlaku pada keluarga-keluarga di Malaysia setelah mengalami pembangunan sosio-ekonomi yang pesat sejak lebih kurang satu dekad yang lalu.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di atas kejayaannya menerbitkan buku Profil Keluarga: Hasil-Hasil Kajian.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zaleha Ismail".  
**DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BT. ISMAIL**

## PRAKATA

Y.BHG. TAN SRI DATO' DR. ABDUL KHALID BIN SAHAN  
PENGERUSI  
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Usaha LPPKN menerbitkan buku Profil Keluarga: Hasil-Hasil Kajian ini bertujuan untuk menyediakan satu sumber rujukan maklumat keluarga hasil daripada aktiviti-aktiviti kajian. Adalah diharapkan maklumat yang terkandung dalam buku ini akan dapat dimanfaatkan oleh mana-mana sektor untuk membantu mereka menyusun program-program kekeluargaan dan kemasyarakatan yang berkesan. Maklumat mengenai keluarga dari hasil-hasil kajian adalah lebih tepat dan boleh dijadikan panduan untuk merancang program pembangunan keluarga dan keibubapaan serta lain-lain program yang memberi faedah kepada kebajikan keluarga.

Pembangunan Keluarga adalah salah satu fokus utama program LPPKN dan aktiviti penyelidikannya dapat membantu corak dan aliran perubahan-perubahan yang berlaku dalam keluarga dan masyarakat amnya. Penerbitan buku ini juga adalah salah satu saluran mekanisma penyebaran maklumat hasil-hasil kajian LPPKN agar penggunaannya lebih meluas dan berkesan. LPPKN akan berusaha dengan lebih giat untuk melaksanakan kajian-kajian mengenai keluarga dan bidang-bidang berkaitan dengannya bagi tujuan memperkayakan lagi sumber maklumatnya. Penyebaran maklumat melalui berbagai saluran untuk menggalakkan penggunaannya adalah di antara matlamat aktiviti program sokongan pusat sumber LPPKN.

Selaku Pengerusi LPPKN, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah dan kakitangan yang telah menyedia dan menjayakan penerbitan buku ini.



TAN SRI DATO' DR. ABDUL KHALID SAHAN  
Pengerusi  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

## PENGENALAN

Buku Profil Keluarga: Hasil-Hasil Kajian ini mengandungi maklumat daripada hasil kajian-kajian LPPKN seperti Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984 dan 1994, Kajian Kesan Penuaan Penduduk keatas Sosio-Ekonomi Malaysia, 1986, Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988, Kajian Penduduk Daerah, 1992, 'A survey on the Effects of Economic Development on Family and Gender Relations in Kuala Lumpur, 1995', Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95, Kajian Kesihatan Reproduktif dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/95, Kajian Perilaku Sosial Remaja Kuala Lumpur, 1993 dan Terengganu, 1995. Hasil kajian-kajian ini telah disusun dan dianalisis mengikut corak dan aliran perubahan-perubahan yang telah berlaku pada keluarga berasaskan penemuan-penemuan yang terdapat dalam kajian-kajian LPPKN sejak tahun 1986. Di antara kajian-kajian ini ada yang mewakili seluruh Semenanjung Malaysia dan ada yang meliputi hanya sebahagian kawasan Semenanjung Malaysia. Namun demikian gambaran yang didapati daripada hasil kajian-kajian ini adalah konsisten dan boleh diyakini.

LPPKN sebuah badan berkanun yang dipertanggungjawabkan dalam melaksanakan program perancang keluarga sejak tahun 1966 dan program kependudukan dan pembangunan keluarga sejak tahun 1984; mempunyai pengalaman yang lama dalam aktiviti penyelidikan. Kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan penyelidikan; berpengetahuan, berkemahiran dan berkeupayaan untuk menjalankan kajian-kajian menggunakan metodologi serta teknik-teknik yang menjamin kualiti data yang dikumpul. Walaubagaimanapun dalam setiap kajian sudah pasti ada hadnya seperti respon yang diperolehi daripada responden tertakluk kepada kejujuran responden itu sendiri dan di luar kawalan penyelidik. Namun demikian penilaian yang dibuat ke atas data oleh pengkaji-pengkaji LPPKN mendapati corak respon yang diperolehi adalah konsisten dengan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada banci dan lain-lain kajian.

Kandungan buku ini dijangka dapat memberi gambaran dan panduan kepada para pembaca dari segenap lapisan masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selaku Ketua Pengarah LPPKN, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua kakitangan LPPKN yang telah menjayakan penerbitan buku ini.



(DATUK DR. RAJ BINTI ABDUL KARIM)

*Ketua Pengarah*


*Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara  
Malaysia.*

## INTRODUCTION

The book on Family Profile: Findings of Studies contains information from studies done by NPFDB namely Population and Family Survey, 1984 and 1994, The Socio-Economic Effects of Population Ageing in Malaysia, 1986, Malaysian Family Life Survey 1988, Sub-National District Population Survey (Kajian Penduduk Daerah) 1992, A survey on the Effects of Socio-Economic Development on Family and Gender Relations in Kuala Lumpur, 1995, Adolescents Social Behaviour in Malaysia 1994/95, Adolescents Social Behaviour in Kuala Lumpur, 1993 and Terengganu, 1995 and Adolescents Reproductive Health and Sexual Behaviour in Malaysia, 1994/95. The findings of these studies have been analysed and arranged according to the changing patterns and trends that have occurred to families since 1986. Some of these studies are representative of Peninsular Malaysia while others are confined only to certain areas of the Peninsular. Nevertheless, the description of situations derived from these findings are consistent and reliable.

NPFDB a statutory body responsible in implementing family planning programmes since 1966 and population and family development programmes since 1984; has had a long experience in research activities. Personnel involved in implementing research are knowledgeable, skilled and able in conducting surveys using methodologies and techniques which determine the quality of data collected. However, in every survey there are limitations such as reliability of responses from respondents which depend very much on the honesty of the respondents and this is beyond the control of the data collectors. Still, evaluation on the data done by NPFDB's researchers find that the pattern of responses obtained are consistent with the information found in the census and other studies.

The contents of this book is expected to provide a guide and description of the changes that have occurred to families in Malaysia for readers at both national and international level. As the Director General of NPFDB, I would like to take this opportunity to thank and record my appreciation to all personnel who have contributed to the success of this publication.



DATUK DR RAJ KARIM  
Director General  
National Population And Family Development Board

## KANDUNGAN CONTENTS

	Muka Surat <i>Page</i>
PERUTUSAN <i>MESSAGE</i>	i
PRAKATA <i>PREFACE</i>	ii
PENGENALAN <i>INTRODUCTION</i>	iii
SENARAI JADUAL <i>LIST OF TABLE</i>	x
SENARAI RAJAH <i>LIST OF FIGURE</i>	xii
LATARBELAKANG <i>BACKGROUND</i>	xx
1. KELUARGA MALAYSIA <i>MALAYSIAN FAMILIES</i>	1
2. PERKAHWINAN DAN KESTABILAN PERKAHWINAN <i>MARRIAGE AND MARITAL STABILITY</i>	3
2.1. Status Perkahwinan <i>Marital Status</i>	4
2.2. Umur Min Perkahwinan Pertama <i>Mean Age At First Marriage</i>	5
2.3. Kestabilan Perkahwinan <i>Marriage Stability</i>	9
2.4. Perkahwinan Semula <i>Remarriage</i>	11
3. ISIRUMAH DAN KELUARGA <i>HOUSEHOLD AND FAMILY</i>	12
3.1. Struktur Isirumah <i>Household Structure</i>	12
3.2. Struktur Keluarga <i>Family Structure</i>	13
3.3. Saiz Isirumah <i>Household Size</i>	14

	Muka Surat <i>Page</i>
3.4. Ketua Isirumah <i>Head Of Household</i>	15
3.5. Ibu Bapa Tunggal <i>Single Parent</i>	15
3.6. Perubahan Kitaran Berkeluarga <i>Changes In Family Life Cycle</i>	16
<b>4. AMALAN-AMALAN HIDUP BERKELUARGA <i>FAMILY LIFE PRACTICES</i></b>	<b>19</b>
4.1. Pembuat Keputusan Dalam Isirumah <i>Decision Maker In The Household</i>	19
4.2. Persepsi Isteri Terhadap Asas Utama Kebahagian Keluarga <i>Wife's Perception On The Main Basis For A Happy Family</i>	21
4.3. Persepsi Isteri Terhadap Punca Utama Masalah Keluarga <i>Wife's Perception On The Main Cause For Family Problem</i>	22
4.4. Masalah Keluarga Yang Merunsingkan Isteri <i>Family Problem Which Worried Female Spouse</i>	23
4.5. Kebimbangan Dan Kerisauan Harian Dalam Keluarga <i>Daily Anxieties And Worries Of Families</i>	24
4.6. Persepsi Terhadap Norma-norma Keluarga <i>Perception Towards Family Norms</i>	25
4.7. Persepsi Terhadap Norma-norma Keluarga Di Kalangan Negara-negara Asia <i>Perception Towards Family Norms Among Asian Countries</i>	28
4.7.1. Persepsi Terhadap Seks Sebelum Kahwin <i>Perception Towards Premarital Sex</i>	28
4.7.2. Persepsi Terhadap Pendidikan Seks <i>Perception Towards Sex Education</i>	29
4.7.3. Persepsi Terhadap Menghormati Wargatua <i>Perception Towards Respect To Elders</i>	30
4.7.4. Persepsi Terhadap Perceraian <i>Perception Towards Divorce</i>	31
<b>5. REMAJA <i>ADOLESCENT</i></b>	<b>32</b>
5.1. Remaja Dan Keluarga <i>Adolescents And Family</i>	34

5.1.1.	Hubungan Dengan Ibu Bapa <i>Relationship With Parents</i>	34
5.1.2.	Tanggapan Remaja Terhadap Ibu Bapa <i>Adolescents' Perception Towards Parent</i>	36
5.1.3.	Sifat Ibu Bapa <i>Nature Of Parents</i>	37
5.1.4.	Pengharapan Ibu Bapa <i>Parents' Aspiration</i>	38
5.1.5.	Perhatian Ibu Bapa <i>Parents Attention</i>	41
5.1.6.	Sikap Remaja <i>Adolescents Attitude</i>	43
5.2.	Remaja Dan Rakan Sebaya <i>Adolescent And Peer Group</i>	45
5.2.1.	Akil Baligh <i>Puberty</i>	46
5.2.2.	Haid <i>Menstruation</i>	47
5.2.3.	Ihtilam <i>Wet Dreams</i>	48
5.2.4.	Hubungan Seksual <i>Sexual Relationship</i>	49
5.2.5.	Pergaulan Bebas Lelaki Dan Perempuan <i>Mixing Freely Among Boys And Girls</i>	51
5.2.6.	Jika Ada Masalah <i>If Having Problems</i>	52
5.3.	Remaja Dan Media <i>Adolescent And Media</i>	54
5.3.1.	Media Elektronik <i>Electronic Media</i>	54
5.3.1.1.	Televisyen <i>Television</i>	54
5.3.2.	Media Cetak <i>Print Media</i>	55
5.3.2.1.	Surat Khabar <i>News Paper</i>	55
5.3.2.2.	Majalah <i>Magazine</i>	57

5.4.	Aspirasi Remaja <i>Adolescents Aspiration</i>	61
5.4.1.	Tahap Minima Akademik <i>Minimum Academic Level</i>	61
5.4.2.	Kerjaya <i>Carer</i>	63
5.4.3.	Umur Perkahwinan Pertama <i>Age At First Marriage</i>	66
5.5.	Perilaku Sosial Remaja <i>Social Behaviour Of Adolescents</i>	68
5.5.1.	Ponteng Sekolah <i>School Absenteeism</i>	68
5.5.2.	Vandalisme <i>Vandalism</i>	70
5.5.3.	Mencuri <i>Stealing</i>	71
5.5.4.	Bergaduh <i>Fighting</i>	73
5.5.5.	Merokok <i>Smoking</i>	75
5.5.6.	Lari Dari Rumah <i>Running Away From Home</i>	76
6.	PENJAGAAN ANAK <i>CHILD CARE</i>	78
6.1.	Jenis Penjagaan Anak <i>Child Care Arrangement</i>	79
7.	WARGATUA <i>ELDERLY</i>	82
7.1.	Indeks Keumuran <i>Ageing Index</i>	83
7.2.	Sokongan Terhadap Wargatua <i>Support For The Elderly</i>	85
7.3.	Status Aktiviti Ekonomi Wargatua <i>Economic Activity Status Of Elderly</i>	86
7.4.	Aturan Kediaman Wargatua Malaysia <i>Living Arrangement Of Malaysian Elderly</i>	89

7.5.	Persepsi Generasi Kini Terhadap Aturan Tempat Tinggal Di Masa Hadapan <i>Perception Of The Present Generation Towards Future Living Arrangement</i>	91
7.6.	Sokongan Emosi Kepada Wargatua <i>Emotional Support For Elderly</i>	92
7.7.	Kesihatan Dan Penjagaan Kesihatan Wargatua <i>Health And Health Care Of The Elderly</i>	93
7.8.	Bantuan Ekonomi Daripada Anak-anak Yang Tidak Tinggal Bersama ibu Bapa Wargatua <i>Economic Support From Children Living Away From Aged Parents</i>	96
7.9.	Perkara Yang Membimbangkan Wargatua <i>Things That Worry The Elderly</i>	97
7.10.	Persepsi Kemudahan Yang Diperlukan Oleh Wargatua <i>Perceived Facilities Needed By Elderly</i>	98
7.11.	Putus Haid Di Kalangan Wargatua Berumur 40-49 Tahun <i>Menopause Among Women Aged 40-49 Years</i>	99
7.11.1.	Umur Putus Haid <i>Age Of Menopause</i>	99
7.11.2.	Simpton Dan Tanda-tanda Putus Haid <i>Symptoms And Signs Of Menopause</i>	99
RUMUSAN DAN PENUTUP <i>SUMMARY AND CONCLUSIONS</i>		100
GLOSARI <i>GLOSSARY</i>		102

**SENARAI JADUAL**  
**LIST OF TABLES**

Muka Surat  
Page

**PERKAHWINAN DAN KESTABILAN PERKAHWINAN**  
**MARRIAGE AND MARITAL STABILITY**

Jadual 2.1 :	Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (15-49) Mengikut Strata	7
Table 2.1 :	<i>Mean Age At First Marriage For Women (15-49) By Stratum</i>	
Jadual 2.2 :	Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (15-49) Mengikut Etnik	7
Table 2.2 :	<i>Mean Age At First Marriage For Women (15-49) By Ethnic</i>	
Jadual 2.3 :	Nisbah Perkahwinan Pertama Wanita 15-49 Mengikut Etnik	9
Table 2.3 :	<i>Proportion Of First Marriage Among Women 15-49 By Ethnic</i>	

**ISIRUMAH DAN KELUARGA**  
**HOUSEHOLD AND FAMILY**

Jadual 3.1 :	Peratusan Perubahan Dalam Bilangan Tahun Digunakan Dalam Setiap Peringkat Kitaran Hidup Antara 1984 Dan 1994	16
Table 3.1 :	<i>Percentage Change In The Number Of Years Spent In Each Stage Of The Life Cycle Between 1984 And 1994</i>	

**AMALAN HIDUP BERKELUARGA**  
**FAMILY LIFE PRACTICES**

Jadual 4.1 :	Kekerapan Suami Membantu Isteri Dalam Kerja Rumah Mengikut Taraf Gunanegara Isteri	20
Table 4.1 :	<i>Frequency Of Husband Helping Wife In Household Chores By Wife's Employment Status</i>	

**REMAJA**  
**ADOLESCENT**

Jadual 5.1 :	Taburan Peratus Tahap Keyakinan Remaja Dalam Memenuhi Pengharapan Ibu Bapa Mengikut Kumpulan Umur Remaja Dan Isu Terpilih	39
Table 5.1 :	<i>Percentage Distribution Of The Confidence Level Of The Adolescents In Fulfilling Parents Aspiration By Age-Group And Selected Issue</i>	
Jadual 5.2 :	Taburan Peratus Tanggapan Remaja Terhadap Tahap Akademik Minimum Mengikut Jantina Dan Lapisan Tempat Tinggal	61
Table 5.2 :	<i>Percentage Distribution Of Adolescents' Perception Towards Minimum Level By Sex And Stratum</i>	
Jadual 5.3 :	Taburan Peratus Kerjaya Yang Diharap Mengikut Jantina Dan Lapisan Tempat Tinggal Remaja	64
Table 5.3 :	<i>Percentage Distribution Of Aspired Career By Sex And Stratum Of Adolescents</i>	

Jadual 5.4 :	Taburan Peratus Umur Sesuai Berkahwin Mengikut Lapisan Dan Umur Semasa Remaja	66
Table 5.4 :	<i>Percentage Distribution Of Suitable Age For Marriage By Stratum And Current Age Of Adolescents</i>	
 <b>WARGATUA ELDERLY</b>		
Jadual 7.1 :	Umur Min Putus Haid Mengikut Etnik, Semenanjung Malaysia, 1994	99
Table 7.1 :	<i>Mean Age Of Menopause By Ethnic, Peninsular Malaysia, 1994</i>	
Jadual 7.2 :	Peratus Wanita 40-49 Yang Mengalami Tanda-tanda Putus Haid Mengikut Tanda-tanda Putus Haid, Semenanjung Malaysia, 1994	99
Table 7.2 :	<i>Per Cent Of Women 40-49 Who Experienced Symtoms And Sign Of Menopause By The Symtoms Of Menopause, Peninsular Malaysia, 1994</i>	

**SENARAI RAJAH**  
**LIST OF FIGURES**

Muka Surat  
Page

**PERKAHWINAN DAN KESTABILAN PERKAHWINAN**  
**MARRIAGE AND MARITAL STABILITY**

Rajah 2.1 : Status Perkahwinan Mengikut Jantina, Malaysia (Umur 15 Tahun Dan Ke Atas)	4
<i>Figure 2.1 : Marital Status By Sex, Malaysia (Age 15 Years And Above)</i>	
Rajah 2.2 : Umur Min (singulate) Perkahwinan Pertama Mengikut Jantina, Malaysia 1980 Dan 1991	5
<i>Figure 2.2 : Singulate Mean Age At First Marriage By Sex, Malaysia, 1980 And 1991</i>	
Rajah 2.3 : Umur Min (Singulate) Perkahwinan Pertama Semenanjung Malaysia, 1984, 1988 Dan 1994	6
<i>Figure 2.3 : Singulate Mean Age At First Marriage Peninsular Malaysia 1984, 1988 And 1994</i>	
Rajah 2.4 : Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (25-49) Mengikut Umur	8
<i>Figure 2.4 : Mean Age At First Marriage For Women (25-49) By Age</i>	
Rajah 2.5 : Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (25-49) Mengikut Taraf Pendidikan	8
<i>Figure 2.5 : Mean Age At First Marriage For Women (25-49) By Education Level</i>	
Rajah 2.6 : Sebab Perceraian (Perkahwinan Pertama)	10
<i>Figure 2.6 : Reasons For Divorce (First Marriage)</i>	
Rajah 2.7 : Peratus Berkahwin Semula Di Kalangan Wanita (15-49) Mengikut Etnik	11
<i>Figure 2.7 : Percentage Remarriage Among Women (15-49) By Ethnic</i>	

**ISIRUMAH DAN KELUARGA**  
**HOUSEHOLD AND FAMILY**

Rajah 3.1 : Struktur Isirumah Mengikut Strata	12
<i>Figure 3.1 : Family Structure By Stratum</i>	
Rajah 3.2 : Struktur Keluarga Mengikut Strata Dan Etnik	13
<i>Figure 3.2 : Family Structure By Stratum And Ethnic</i>	
Rajah 3.3 : Purata Saiz Isirumah Untuk Malaysia Mengikut Strata	14
<i>Figure 3.3 : Average Household Size For Malaysia By Structure</i>	

Rajah 3.4 :	Taburan Peratus Ketua Isirumah Mengikut Jantina, Malaysia 1980 Dan 1991	15
Figure 3.4 :	<i>Percentage Distribution Of Head Of Household By Sex, Malaysia 1980 And 1991</i>	
Rajah 3.5 :	Perubahan Kitaran Hidup Berkeluarga	17
Figure 3.5 :	<i>Change In Family Life Cycle</i>	
AMALAN-AMALAN HIDUP BERKELUARGA <i>FAMILY LIFE PRACTICES</i>		
Rajah 4.1 :	Taburan Peratus Orang Yang Membuat Keputusan Dalam Isirumah	19
Figure 4.1 :	<i>Percentage Distribution Of Persons Who Are Decision Maker In The Household</i>	
Rajah 4.2 :	Peratus Persepsi Isteri Terhadap Asas Utama Kebahagian Keluarga Mengikut Kumpulan Umur	21
Figure 4.2 :	<i>Percentage Of Wife's Perception On The Main Basis For A Happy Family By Age Group</i>	
Rajah 4.3 :	Peratus Persepsi Isteri Terhadap Punca Utama Masalah Keluarga Mengikut Kumpulan Umur	22
Figure 4.3 :	<i>Percentage Of Wife's Perception On The Main Cause For Family Problem By Age Group</i>	
Rajah 4.4 :	Peratus Isteri Yang Menyatakan Masalah Keluarga Yang Merunsingkan Mereka Mengikut Kumpulan Umur	23
Figure 4.4 :	<i>Percentage Of Wives Who Mentioned Family Problem Worrying Them The By Age Group</i>	
Rajah 4.5 :	Peratus Isteri Yang Menyatakan Kebimbangan Dan Kerisauan Harian Dalam Keluarga Mengikut Jenis Kebimbangan	24
Figure 4.5 :	<i>Percentage Of Wives Who Mentioned Daily Anxieties And Worries Of Families By Type Of Anxiety</i>	
Rajah 4.6 :	Persepsi Terhadap Norma-norma Keluarga Mengikut Jantina	25
Figure 4.6 :	<i>Perception Towards Family Norms By Sex</i>	
Rajah 4.7 :	Persepsi Terhadap Norma-norma Keluarga Mengikut Kumpulan Umur	26
Figure 4.7 :	<i>Perception Towards Family Norms By Age Group</i>	
Rajah 4.8 :	Persepsi Terhadap Norma-norma Keluarga Mengikut Kumpulan Etnik	27
Figure 4.8 :	<i>Perception Towards Family Norms By Ethnic Group</i>	

Rajah 4.9 : Peratus Yang Bersetuju Ke Atas Kenyataan "Elakkan Seks Sebelum Berkahwin" Mengikut Jantina Dan Negara <i>Figure 4.9 : Percentage Who Agree On The Statement "Avoid Premarital Sex" By Sex And Country</i>	28
Rajah 4.10 : Peratus Yang Bersetuju Kenyataan "Pendidikan Seks Perlu Diajar Secara Terbuka" Mengikut Jantina <i>Figure 4.10 : Percentage Who Agree On The Statement "Sex Education Should Be Taught Openly" By Sex</i>	29
Rajah 4.11 : Peratus Yang Bersetuju Ke Atas Penyataan "Menghormati Orang Tua Adalah Penting" Mengikut Jantina Dan Negara <i>Figure 4.11 : Percentage Who Agree On The Statement "Respect For Elderly Is Important By Sex And Country.</i>	30
Rajah 4.12 : Peratus Yang Bersetuju Penyataan "Perceraian Patut Dibenarkan Sekiranya Ada Alasan Munasabah" Mengikut Jantina <i>Figure 4.12 : Percentage Who Agree On The Statement "Divorce Should Be Permitted If There Are Justifications" By Sex.</i>	31

**REMAJA  
ADOLESCENT**

Rajah 5.1 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Kedua Ibu Bapa <i>Figure 5.1 : Percentage Distribution Of The Intimate Relationship Between Adolescent And Their Parents</i>	34
Rajah 5.2 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Bapa Mengikut Etnik <i>Figure 5.2 : Percentage Distribution Of The Intimate Relationship Between Adolescent And Their Father By Ethnic</i>	35
Rajah 5.3 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Ibu Mengikut Ciri-ciri Ibu <i>Figure 5.3 : Percentage Distribution Of The Intimate Relationship Between Adolescent And Their Mother By Mother's Characteristics</i>	36
Rajah 5.4 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Kedua Ibu Bapa Mengikut Ibu Bapa Bertimbang Rasa Atau Tidak <i>Figure 5.4 : Percentage Distribution Of The Intimate Relationship Between Adolescent And Their Parents By Whether Parents Are Considerate Or Not</i>	37

Rajah 5.5 :	Taburan Peratus Tahap Keyakinan Remaja Memenuhi Pengharapan Ibu Bapa Mengikut Isu Terpilih	40
Figure 5.5 :	<i>Percentage Distribution Of Adolescent's Level Of Confidence In Fulfilling Their Parents Aspiration By Selected Issues</i>	
Rajah 5.6 :	Peratus Remaja Yang Mempunyai Hubungan Kurang Baik Dengan Ibu Bapa Mengikut Samada Ibu Bapa Beri Perhatian Atau Tidak Kepada Beberapa Perkara Terpilih	42
Figure 5.6 :	<i>Percentage Adolescents Having Poor Relation With Mother And Father By Whether Parents Give Attention Or Not On Selected Items</i>	
Rajah 5.7 :	Peratus Remaja Yang Mempunyai Hubungan Kurang Baik Dengan Ibu Bapa Mengikut Samada Minta Izin Atau Tidak Untuk Melakukan Aktiviti Sosial Terpilih	44
Figure 5.7 :	<i>Percentage Adolescents Having Sour Relationship With Father And Mother By Whether Permission Was Asked Or Not To Do Selected Social Activities</i>	
Rajah 5.8 :	Peratus Remaja Yang Berbincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Bagi Perkara Tertentu	45
Figure 5.8 :	<i>Percentage Of Adolescents Ever Discussed With Parent And Peer Group For Selected Items</i>	
Rajah 5.9 :	Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Perubahan Fizikal Semasa Akil Baligh Mengikut Kumpulan Umur Remaja	46
Figure 5.9 :	<i>Proportion Of Adolescent Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Physical Changes During Puberty By Age Group Of Adolescents</i>	
Rajah 5.10 :	Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Haid Mengikut Kumpulan Umur Remaja	48
Figure 5.10 :	<i>Proportion Of Adolescent Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Menstruation By Age Group Of Adolescents</i>	
Rajah 5.11 :	Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Ihtilam Mengikut Kumpulan Umur Remaja	49
Figure 5.11 :	<i>Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Wet Dreams By Age Group Of Adolescent</i>	
Rajah 5.12 :	Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Hubungan Seksual Mengikut Kumpulan Umur	50
Figure 5.12 :	<i>Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Sexual Relationship By Age Group Of Adolescents</i>	

Rajah 5.13 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Pergaulan Bebas Lelaki Dan Perempuan Mengikut Kumpulan Umur Remaja	51
<i>Figure 5.13 : Proportion Of Adolescent Who Discussed With Parent And Peer Group Regarding Boys And Girls Mixing Freely By Age Group Of Adolescents</i>	
Rajah 5.14 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Jika Mereka Ada Masalah Mengikut Kumpulan Umur Remaja	53
<i>Figure 5.14 : Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group If They Are Having Problem By Age Group Of Adolescents</i>	
Rajah 5.15 : Taburan Peratus Rancangan Televisyen Yang Paling Diminati Oleh Remaja	54
<i>Figure 5.15 : Percentage Distribution Of Enthusiastic Television Programs By Adolescents</i>	
Rajah 5.16 : Taburan Peratus Ruangan Akhbar Yang Paling Diminati Oleh Remaja	56
<i>Figure 5.16 : Percentage Distribution Of Enthusiastic Newspaper Column By Adolescent</i>	
Rajah 5.17 : Peratus Remaja Yang Meminati Ruangan Akhbar Tertentu Mengikut Etnik	57
<i>Figure 5.17 : Percentage Of Adolescent Who Show Enthusiasm In Selected Column Of Newspaper By Ethnic</i>	
Rajah 5.18 : Peratus Remaja Yang Membaca Majallah Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Majalah	58
<i>Figure 5.18 : Proportion Of Adolescents Who Read Magazine By Age Group And Type Of Magazine</i>	
Rajah 5.19 : Peratus Remaja Yang Membaca Majalah Mengikut Keakraban Hubungan Dengan Ibu Bapa Dan Jenis Majalah	60
<i>Figure 5.19 : Proportion Of Adolescent Who Read Magazine By Intimate Relationship With Parents And Type Of Magazine</i>	
Rajah 5.20 : Peratus Tanggapan Remaja Terhadap Tahap Akademik Minimum Terpilih Mengikut Umur Remaja	62
<i>Figure 5.20 : Percentage Of Adolescents' Perception Towards Selected Minimum Academic Level By Age Of Adolescent</i>	
Rajah 5.21 : Peratus Cita-cita Kerjaya Terpilih Mengikut Umur Remaja	65
<i>Figure 5.21 : Percentage Of Selected Aspired Career By Age Of Adolescent</i>	

Rajah 5.22 : Timbun-tambah peratus umur sesuai berkahwin mengikut Jantina	67
<i>Figure 5.22 : Cumulative percentage of suitable age for marriage by sex</i>	
Rajah 5.23 : Peratus Remaja Pernah Ponteng Sekolah Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga, Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993	69
<i>Figure 5.23 : Proportion Of Adolescent Ever Absent From School By Age Group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993</i>	
Rajah 5.24 : Peratus Remaja Pernah Melakukan Vandalsme Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga, Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993	70
<i>Figure 5.24 : Proportion Of Adolescent Ever Involved In Vandalism By Age Group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993</i>	
Rajah 5.25 : Peratus Remaja Pernah Mencuri Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga, Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993	72
<i>Figure 5.25 : Proportion Of Adolescents Ever Steal By Age Group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993</i>	
Rajah 5.26 : Peratus Remaja Pernah Bergaduh Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga, Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993	74
<i>Figure 5.26 : Proportion Of Adolescent Ever Involved In A Fight By Age Group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993</i>	
Rajah 5.27 : Peratus Remaja Pernah Merokok Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga, Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993	75
<i>Figure 5.27 : Proportion Of Adolescent Ever Smoked Cigarette By Age Group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993</i>	
Rajah 5.28 : Peratus Remaja Pernah Terfikir Lari Dari Rumah Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga, Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993	77
<i>Figure 5.28 : Proportion Of Adolescent Ever Think Of Running Away From Home By Age Group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993</i>	

## PENJAGAAN ANAK CHILDCARE

Rajah 6.1 : Jenis Penjagaan Anak Mengikut Umur Anak Dan Strata	79
<i>Figure 6.1 : Child Care By Age Of Child And Stratum</i>	

Rajah 6.2 : Penjagaan Anak Mengikut Status Pekerjaan Ibu 80  
*Figure 6.2 : Child Care By Occupation Status Of The Mother*

Rajah 6.3 : Jenis Penjagaan Anak Mengikut Status Pekerjaan Ibu 81  
*Figure 6.3 : Type Of Children By Work Status Of The Mother*

**WARGATUA  
ELDERLY**

Rajah 7.1 : Tahap Penuaan Penduduk (60+) Di Antara Negara-negara Asean, Anggaran Pertengahan Tahun 1997 83  
*Figure 7.1 : The Level Of Ageing Of Population (60+) Among Asean Countries, Mid-year Estimates 1997*

Rajah 7.2 : Indeks Keumuran Masakini Dan Masa Hadapan Bagi Malaysia, 1990-2020 84  
*Figure 7.2 : Current And Future Ageing Index For Malaysia, 1990-2020*

Rajah 7.3 : Nisbah Wargatua Kepada Orang Bekerja Bagi Malaysia 1990-2020 85  
*Figure 7.3 : The Ratio Of Elderly To The Working Population For Malaysia 1990-2020*

Rajah 7.4 : Wargatua Masih Aktif Dari Segi Ekonomi, Malaysia 1994 86  
*Figure 7.4 : Elderly Who Are Active Economically, Malaysia 1994*

Rajah 7.5 : Status Pekerjaan Wargatua Mengikut Kumpulan Umur Malaysia 1994 87  
*Figure 7.5 : Employment Status Of The Elderly By Age Group Malaysia 1994*

Rajah 7.6 : Sektor Aktiviti Ekonomi Wargatua Mengikut Negara 88  
*Figure 7.6 : Economic Activity Sector Of The Elderly By Country*

Rajah 7.7 : Peratus Wargatua (60+) Mengikut Aturan Kediaman, Semenanjung Malaysia 1994 89  
*Figure 7.7 : Percentage Of Elderly (60+) By Living Arrangement Peninsular Malaysia 1994*

Rajah 7.8 : Peratus Wargatua Mengikut Aturan Kediaman Di Beberapa Negara 90  
*Figure 7.8 : Per Cent Of Elderly By Living Arrangement For Various Countries*

Rajah 7.9 : Taburan Peratus Responden Mengikut Persepsi Aturan Tempat Kediaman, Semenanjung Malaysia, 1994 91  
*Figure 7.9 : Percentage Distribution Of Respondents By Perceived Living Arrangement, Peninsular Malaysia, 1994*

Rajah 7.10 : Taburan Peratus Jawapan Responden Mengikut Perkara Yang Boleh Dilakukan Supaya Wargatua Merasa Diberi Perhatian	92
<i>Figure 7.10 : Percentage Distribution Of Responses Of Respondents By Things That Could Be Done To Make Elderly Feel They Are Given Attention</i>	
Rajah 7.11 : Persepsi Taraf Kesihatan Wargatua Mengikut Strata Dan Kumpulan Umur	93
<i>Figure 7.11 : Perceived Health Status Of The Elderly By Stratum And Age Group</i>	
Rajah 7.12 : Peratus Wargatua Yang Memerlukan Penjagaan Mengikut Strata Dan Kumpulan Umur	94
<i>Figure 7.12 : Percentage Of Elderly Who Need Care By Stratum And Age Group</i>	
Rajah 7.13 : Taburan Peratus Wargatua Mengikut Jenis Penjagaan Semasa Mereka Sakit Dan Mengikut Jantina, Semenanjung Malaysia 1992	95
<i>Figure 7.13 : Percentage Distribution Of Elderly By Type Of Care When They Are Ill And By Sex, Peninsular Malaysia, 1992</i>	
Rajah 7.14 : Taburan Peratus Jenis Bantuan Untuk Wargatua Mengikut Strata, Semenanjung Malaysia, 1994	96
<i>Figure 7.14 : Percentage Distribution Type Of Support To Elderly By Stratum, Peninsular Malaysia, 1994</i>	
Rajah 7.15 : Peratus Wargatua Yang Menyatakan Kebimbangan Mereka Mengikut Jenis Kebimbangan	97
<i>Figure 7.15 : Percentage Of Elderly Who Mentioned Their Anxiety, Worries By Type Of Anxiety</i>	
Rajah 7.16 : Peratus Persepsi Kemudahan Yang Diperlukan Oleh Wargatua Mengikut Jenis Kemudahan, Semenanjung Malaysia, 1994	98
<i>Figure 7.16 : Percentage Of The Perception On Perceived Facilities Needed By Elderly By Type Of Facilities, Peninsular Malaysia, 1994</i>	

## LATARBELAKANG BACKGROUND

Malaysia hari ini yang terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah wujud sejak tahun 1963. Pada tahun 1965, Singapura yang menyertai Malaysia pada tahun 1963 berpisah dari Malaysia. Semenanjung Malaysia mencapai kemerdekaan terlebih dahulu iaitu pada bulan Ogos, tahun 1957. Keluasan kawasan Malaysia ialah 330,000 kilometer persegi. Semenanjung Malaysia yang terletak di Pantai Barat Malaysia dipisahkan 530 kilometer Lautan Cina Selatan daripada Sabah dan Sarawak. Malaysia terbahagi kepada 14 negeri iaitu 12 di Semenanjung Malaysia dan dua lagi ialah Sabah dan Sarawak. Cuaca di Malaysia adalah panas dan lembab serta hujan mengikut musim-musim tertentu. Agama resmi negara ialah Islam tetapi rakyatnya bebas mengamalkan apa saja agama yang di anut. Bahasa Malaysia adalah bahasa resmi negara tetapi rakyat juga bebas bertutur dalam apa jua bahasa yang mereka suka.

Penduduk Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Orang Asli, Cina, dan India yang kebanyakannya tinggal di Semenanjung Malaysia. Kaum etnik lain yang kebanyakannya bermastautin di Sabah dan Sarawak terdiri daripada suku kaum Dayak, Kayan, Kenyah, Kelabit, Murut, Punan, Penan, Melanau, Kedayan, Bisayah, Kadazan, Bajau, Dusun, Murut, Loh Dayuh, Bisaya, Kadayun, Orang Sungai dan Suang Latut. Penduduk Bumiputra merupakan penduduk asal negara ini dan kaum Cina dan India adalah migran ke Malaysia pada abad ke-19 pada zaman penjajahan British. Pentadbiran Inggeris pada masa itu telah menggalakar kemasukan orang-orang Cina dan India secara besar-besaran sebagai buruh untuk mengusahaikan lombong bijih dan bekerja di ladang getah. Proses penghijrahkan secara besar-besaran ke negara ini berterusan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Peristiwa-peristiwa ini muncorakkan keadaan struktur ekonomi, politik dan masyarakat Malaysia hari ini.

*Malaysia which consist of Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak was established in 1963. In 1965, Singapore which joined Malaysia in 1963 was separated from Malaysia. Peninsular Malaysia became independent much earlier and that was in August, 1957. The land area for Malaysia is 330,000 square kilometers. West Malaysia consist mainly of fourteen states which make up Peninsular Malaysia and is separated from Sabah and Sarawak by 530 kilometers of the South China Sea. Its temperature is hot and humid and sometimes rainy. The official religion is Islam but the people are free to practice any religion they believe in. Bahasa Malaysia is the official language but the people are also free to communicate in any other languages they wish.*

*Malaysia's population is multi-ethnic and they are namely Malays, Orang Asli, Chinese, Indians and these groups reside mainly in Peninsular Malaysia, and the remaining ethnic groups who live mainly in Sabah and Sarawak are Dayaks, Kayan, Kenyah, Kelabit, Murut, Punan, Penan, Melanau, Kedayan, Bisayah, Kadazan, Bajau, Dusun, Loh Dayuh, Bisaya, Kadayun, Orang Sungai and Suang Latut. Chinese and Indians are grouped as non-Bumiputras and the remaining ethnic groups as Bumiputras. The Bumiputras are the indigenous population of Malaysia whilst the Chinese and Indians came to the country as migrants during the British colonial era in the nineteenth century. They came in large numbers to meet the needs of labour in the tin mines and rubber estates by the British colonial government. The migration process continued until the Second World War. These events have structured the present social, economic and political scenario in Malaysia.*

Semasa pentadbiran British struktur kegiatan ekonomi penduduk Malaysia khususnya Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan kaum di mana sektor perladangan getah dipenuhi dengan tenaga kerja masyarakat India, perlombongan diwakili sebahagian besar masyarakat Cina dan sektor pertanian pekebun kecil oleh masyarakat Melayu. Struktur kegiatan ekonomi ini juga telah mencorakkan taburan penduduk Malaysia hari ini. Kaum Cina dan India terutama di kawasan pusat kegiatan ekonomi eksport, terutama di bandar-bandar sedangkan kaum Melayu kekal di kawasan luar bandar khususnya di desa-desa. Pembangunan infrastruktur seperti kemudahan perhubungan jalanraya dan lain-lain jenis perhubungan lebih tertumpu di kawasan-kawasan bandar dan ini menyebabkan pembangunan luar bandar jauh ketinggalan di belakang. Selepas merdeka, oleh kerana ketidakseimbangan pembangunan ini, kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan tujuan untuk membasmi kemiskinan dan untuk menyusun semula masyarakat.

Hasil Dasar Ekonomi Baru ini kemajuan yang telah dicapai dari segi ekonomi dan sosial adalah membanggakan. Sebelum timbulnya kegawatan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998, ekonomi Malaysia telah mencapai pertumbuhan sebanyak lapan (8) peratus setahun sepanjang Rancangan Malaysia Keenam. Dengan wujudnya asas ekonomi yang kukuh maka ekonomi Malaysia dijangka akan terus maju dan berkembang pada masa akan datang. Ahli-ahli perancang ekonomi telah mengakui bahawa dalam perancangan program pembangunan keutamaan adalah untuk mewujudkan kualiti hidup keluarga. Sebagai institusi asas sosial, keluarga adalah pewaris dan juga penyumbang kepada pembangunan. Peranan keluarga sebagai sumber tenaga manusia telah diberi perhatian dalam perancangan lima tahun Malaysia sejak permulaan Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Sumber tenaga manusia, institusi kemanusiaan, nilai dan kemahiran rakyat adalah faktor-faktor yang akan menentukan corak dan tahap pembangunan negara.

Kini Malaysia sedang menghadapi peralihan ke arah negara dan masyarakat maju. Dalam peringkat peralihan ini berbagai perubahan berlaku dalam ekonomi dan sosial. Jumlah

*During the British Administration, the structure of economic activities of the Malaysian Population especially in Peninsular Malaysia was based on ethnic line whereby rubber estates were filled mainly with Indian labour; tin mines mainly with Chinese labour and the small holders farming activities mainly by the Malays. This economic structure has influenced the distribution of the three main ethnic groups as seen in Peninsular Malaysia today. Chinese and Indians are concentrated mainly in export oriented economic activities in urban areas whilst the Malays remain in rural areas. Infrastructure development such as roads and other types of communication facilities were more concentrated in urban areas and this caused the underdevelopment in rural areas. However, after independence this unbalanced development was remedied by the government with the introduction of the New Economic Policy with the main objective of eradicating poverty and restructuring society.*

*Consequently, development achieved in terms of economy and social has been impressive. Before the economic crisis in 1997 and 1998, the Malaysian economy has achieved an eight (8) percent growth per annum throughout the Sixth Malaysia Plan. The Malaysian economy, with its strong economic fundamentals is expected to continue growing in the future. Economic planners recognise that in any development planning emphasis should be on the quality of family life. As a basic social unit, families contribute and benefit from development programmes. The role of the family as a reservoir of human resource has been recognised in all Five Year Malaysia Plans since the beginning of the Fourth Malaysia Plan (1981-1985). Human resource, human institution, values and skill are the factors that will determine the level and pattern of national development.*

*Today Malaysia is undergoing a transition towards a developed country and society. In this transition stage various changes take place in the economy and*

penduduk Malaysia pada pertengahan tahun 1998 berjumlah dua puluh dua juta (22 juta) orang dan dijangka akan meningkat kepada tiga puluh tiga juta orang (33 juta) pada tahun 2020. Bilangan kanak-kanak berumur lima belas tahun ke bawah akan meningkat daripada 7.5 juta orang pada tahun 1998 kepada 10.1 juta orang pada tahun 2020. Hampir setengah daripada jumlah ini adalah wanita, 33.4 peratus kanak-kanak berumur 14 tahun ke bawah, 62.2 peratus berumur 15-64 tahun dan 3.8 peratus berumur 65 tahun ke atas. Bilangan wargatua berumur 60 tahun ke atas akan turut meningkat daripada 1.3 juta orang atau 5.8 peratus pada tahun 1995 kepada 1.4 juta orang atau 6.3 peratus dalam tahun 2000 dan seterusnya kepada 3.3 juta orang iaitu 9.8 peratus pada tahun 2020. Perubahan juga berlaku di peringkat keluarga dan masyarakat. Struktur keluarga hari ini banyak terdiri daripada keluarga asas (nuclear) dan bilangan isirumah dan keluarga pula semakin mengecil. Umur perkahwinan pertama di kalangan wanita semakin meningkat. Bilangan wanita berpendidikan tinggi dan yang menyertai tenaga buruh turut bertambah.

Dengan secara langsung atau tidak langsung perubahan-perubahan ini telah mempengaruhi gaya hidup dalam keluarga dan masyarakat. Gaya hidup ini ada yang positif dan ada juga negatif. Nilai-nilai tradisi keluarga dan masyarakat semakin tercabar dengan unsur-unsur moden agak asing pada keluarga dan masyarakat. Implikasi perubahan-perubahan ini ada yang baik dan ada yang tidak diterima oleh masyarakat dan ada pula membebankan. Kesan negatif yang dialami dalam zaman peralihan ini ialah dari segi rmasalah sosial dalam masyarakat.

Penemuan-penemuan hasil kajian LPPKN ada menggambarkan sedikit sebanyak tentang perubahan-perubahan yang sedang berlaku dalam keluarga dan masyarakat kini. Hasil-hasil kajian LPPKN yang dipaparkan dalam buku ini adalah sejak tahun 1988. Metodologi kajian adalah saintifik untuk menentukan sampel yang boleh diyakini dan kualiti data dipastikan melalui penyeliaan yang rapi semasa kerja lapangan dan pemerosesan data serta penganalisisan.

society. Malaysia's total population at mid year 1998 was twenty two million people (22 million) and is expected to increase to thirty three million people (33 million) in the year 2020. Out of the current total population, almost half are women, 33.4 percent children aged 14 years old and below, 62.2 percent aged 15-64 years old and 3.8 percent aged 65 years old and above. The number of children below 15 years old will increase from 7.5 million in 1998 to 10.1 million in 2020. Similarly, old people aged 60 years old and above will increase from 1.3 million or 5.8 percent in 1995 to 1.4 million or 6.3 percent in the year 2000 and this will continue to increase to 3.3 million or 9.8 percent in the year 2020. There are also changes taking place at both the family and society's level. In terms of family structure, there are now more nuclear families and the number of members in the household and family are also getting smaller. The mean age at first marriage among women and the number of women getting tertiary education as well as participating in the labour force is increasing.

All these changes directly or indirectly have influenced the life style in the family and society. These life styles can be both positive or negative. Local traditional values are challenged by modern values which are foreign to families and society. Some of the implications of these changes are acceptance, adoption and adaptation; and conflict, confusion, rejection and burdensome. The negative effects experienced during this transition are social problems.

LPPKN'S studies will highlight on some of the changes that have taken place in Malaysian families and society today. Findings of studies shown in this book come from the various sample surveys conducted since 1988. The methods used in conducting the surveys are scientifically designed to provide reliable sample and quality of data is ensured through supervision on the field and during data processing and analysis.

## 1. KELUARGA MALAYSIA MALAYSIAN FAMILIES



Malaysia sedang mengalami perubahan demografi akibat daripada pembangunan sosio-ekonomi yang pesat. Proses ini telah mempengaruhi corak dalam pembentukan keluarga, kehidupan berkeluarga serta perubahan yang agak ketara ke atas komposisi dan struktur keluarga. Pembangunan sosio-ekonomi yang pesat juga telah membawa perubahan kepada kitaran hidup berkeluarga, carayaga hidup berkeluarga, norma serta nilai, perhubungan dalam keluarga, sikap terhadap perkahwinan, penjagaan anak dan penjagaan wargautua.

Keluarga merupakan unit asas dalam masyarakat. Ia menyediakan persekitaran yang pertama bagi proses sosialisasi. Keluarga terdiri daripada sepasang suami isteri yang dihubungkan melalui ikatan perkahwinan yang sah dari segi agama, adat resam dan undang-undang, termasuklah anak-anak serta individu-individu lain yang mempunyai pertalian darah atau angkat. Pada dasarnya, terdapat dua jenis struktur keluarga iaitu keluarga asas dan keluarga luas.

*Malaysia is currently experiencing demographic transition due to rapid socio-economic development. This process has influenced the pattern of family formation, family life and major changes in family composition and structure. The rapid socio-economic development has also brought about changes in family life cycle, family life style, norms and values, family relationship, attitudes towards marriage, child care and care of the elderly.*

*Family is a basic unit of society. It provides the first environment for the process of socialization. A family consist of a husband and wife who are legally married from the aspect of religion, custom and law. It also include children of the married couple and other individuals related through blood or adoption. There are two family structures namely nuclear and extended family.*

Keluarga di Malaysia terdiri dari pelbagai kaum dan keturunan. Antaranya ialah keluarga Melayu, Cina dan India di Semenanjung Malaysia serta Iban di Sarawak dan Kadazan di Sabah. Sehubungan dengan itu, keluarga Malaysia mempunyai pelbagai gaya hidup berdasarkan kepada agama, kepercayaan dan adat resam sesuatu kaum.

Agama Islam merupakan pegangan hidup bagi kaum Melayu di Malaysia. Justeru itu segala amalan dan budaya yang diamalkan oleh kaum Melayu adalah berdasarkan kepada hukum Islam. Bagi kaum Cina, ajaran Buddha adalah ajaran yang dianuti oleh kebanyakan mereka manakala agama Hindu pula adalah agama yang dianuti oleh kebanyakan kaum India.

Kepelbagaian kaum memperkayakan lagi budaya Malaysia dan keharmonian hidup antara kaum membawa kepada asimilasi budaya. Ziarah-menziarahi di musim perayaan dan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan mempereratkan lagi perpaduan di antara kaum. Walau bagaimanapun, penggunaan Bahasa Inggeris serta bahasa-bahasa ibunda sesuatu kaum seperti Mandarin, Tamil dan bahasa-bahasa tempatan yang lain tetap digalakkan.

Pembentukan keluarga baru dan isirumah berasarkan serta migrasi telah mengubah corak struktur keluarga di Malaysia yang dahulunya lebih kepada keluarga luas yang kini beralih kepada keluarga asas. Komposisi keluarga pula semakin kecil iaitu tiga orang anak bagi sepasang suami isteri.

Sungguhpun masyarakat Malaysia hidup secara moden namun norma dan nilai tradisi masih tetap diamalkan oleh kebanyakan keluarga. Perhubungan dalam keluarga juga mesra di mana hubungan anak-anak dan ibu bapa masakini tetap hormat menghormati. Hubungan kekeluargaan dipereratkan lagi melalui ziarah menziarahi dan budaya balik kampung yang diamalkan sewaktu musim perayaan.

*Malaysian families are multiracial and of various descendants. The three main ethnic groups are the Malays, Chinese and Indian who live mainly in Peninsular Malaysia while the Ibans live in Sarawak and Kadazan in Sabah. These families practice different life-style, religion, beliefs and customs.*

*The Malays who are Muslims have customs and beliefs that are based on the Islamic teachings. For most of the Chinese, they are followers of Buddhism, whilst the Indians are mainly Hindus.*

*Malaysia's multiracial society has enriched the country's socio-cultural practices. Integration through visits among family members, friends and neighbours during the festive seasons also enhances racial unity in the country. The use of Bahasa Malaysia, the National Language further enhances unity among the population. However, other languages such as English, Mandarin, Tamil and so forth are encouraged.*

*Family formation and the establishment of new households after marriage as well as migration has brought about changes to the family structure from extended to nuclear families. The family composition has decreased to three children for a couple.*

*Although Malaysia is a modern society the traditional norms and values are still being practiced by most of the families in Malaysia. Family ties remains strong. Relationship between children and their parents are strengthened through regular visits and the practice of "balik kampung" especially during festive seasons.*

## 2. PERKAHWINAN DAN KESTABILAN PERKAHWINAN MARRIAGE AND MARITAL STABILITY



Pembentukan keluarga di Malaysia bermula dengan perkahwinan yang sah. Pemilihan pasangan berdasarkan suka sama suka tetapi nasihat ibubapa dan orang tua-tua masih diminta dan dihormati. Mengikut undang-undang umur minima untuk berkahwin bagi wanita ialah 16 tahun dan bagi lelaki 19 tahun.

Data dari Banci dan Kajian LPPKN (1980-1994), menunjukkan umur perkahwinan pertama bagi penduduk Malaysia semakin meningkat, lantaran disebabkan oleh faktor pendidikan dan pekerjaan. Kini lebih ramai wanita di Malaysia mendapat pendidikan tinggi dan menumpukan masa terhadap kerjaya mereka.

Pada masa lalu, kebanyakan penduduk di Malaysia pada umumnya berkahwin awal lebih-lebih lagi wanita. Peranan wanita dalam keluarga pada ketika itu tertumpu kepada melahir dan membesarkan anak dan juga menguruskan rumah tangga.

Disebabkan proses pemodenan, perindustrian dan pencapaian tinggi dalam tahap pendidikan, ramai wanita telah menyertai tenaga buruh. Ini telah membawa kepada perubahan kepada peranan wanita iaitu sebagai isteri, ibu dan pekerja. Selain daripada itu corak hidup bagi kebanyakan wanita turut berubah di mana membujang dan kahwin lewat

*Family formation in Malaysia begins with marriage according to law. Married couples nowadays choose their own partners although parents and elder's advice are still sought. According to law, minimum age at first marriage for women is 16 years old and for men it is 19 years old.*

*Data from census and studies by NPFDB (1980-1994) showed that the age at first marriage for the population of Malaysia has increased. This has been attributed to factor related to education and employment. Today more Malaysian women are obtaining higher education and concentrate more time in carrier development.*

*In the past, Malaysian people generally married at an early age especially among women. The main role of women in the family then was centered around child birth, child rearing and housekeeping.*

*Due to the process of modernization, industrialization and high achievement in the level of education, more women are entering the labour force. These have brought about changes in the role of women who has to be a wife, a mother and a working woman. The life style for most women have also changed whereby single hood and late marriages*

menjadi satu norma hidup yang dapat diterima oleh masyarakat. Mempunyai saiz keluarga yang kecil juga menjadi satu norma hidup berkeluarga hari ini.

Perubahan ini mempunyai beberapa implikasi khususnya ke atas saiz keluarga dan isi rumah dan bilangan serta struktur umur penduduk.

## 2.1. Status Perkahwinan


Kestabilan dalam perkahwinan merupakan elemen yang penting dalam mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni. Ini seterusnya akan mewujudkan satu suasana yang bersesuaian untuk perkembangan ahli-ahli keluarga.

Malaysia kini menekankan pentingnya keluarga yang stabil dan berdaya tahan kerana keluarga memainkan peranan penting dalam penerapan nilai-nilai murni masyarakat seperti menghormati orang yang lebih tua, kreatif, inovatif, berdaya tahan dan disiplin diri kepada generasi akan datang.

Data mengenai status perkahwinan di Malaysia pada tahun 1980 dan 1991 menunjukkan peratus membujang telah meningkat manakala peratus yang berkahwin, bercerai/berpisah dan yang kematian pasangan telah berkurangan sedikit.

Rajah 2.1 : Status Perkahwinan Mengikut Jantina, Malaysia (Umur 15 Tahun Dan Ke Atas)

Figure 2.1 : Marital Status By Sex, Malaysia (Age 15 Years And Above)



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia  
Source : Department of Statistics, Malaysia

*become a norm and this is now accepted by the community. Small family size too has become an accepted family norm.*

*These changes have some implications especially on the family and household size and the number as well as age structure of the population.*

## 2.1. Marital Status

*Stability in marriage is a very essential element in creating a happy and harmonious family. This in turn will provide a favourable environment for the development of the family members.*

*Malaysia is currently emphasizing the importance of stable and resilient families which plays an important role in inculcating the future generations with good social moral values, such as being respectful of elders, creative, innovative, resilient and self-disciplined.*

*Data on marital status in Malaysia for 1980 and 1991 shows an increase in the proportion single while the proportion currently married, divorced/separated and widowed show a slight decrease.*

Walaupun status perkahwinan bukannya satu indikator yang baik untuk mengukur kekuhan perkahwinan, namun peratus yang bercerai sedikit sebanyak menggambarkan ketidakstabilan perkahwinan.

*Although marital status cannot be a good indicator for marriage stability, nevertheless the proportion of divorces to some extent does give some indication of marriage instability.*

## 2.2. Umur Min Perkahwinan Pertama


Data Banci Penduduk Jabatan Perangkaan menunjukkan peningkatan umur min perkahwinan bagi lelaki daripada 26.6 tahun pada tahun 1980 kepada 28.2 tahun pada tahun 1991. Manakala bagi wanita umur min perkahwinan mereka meningkat daripada 23.5 tahun pada tahun 1980 kepada 24.7 tahun pada 1991. Peningkatannya ialah 1.6 tahun bagi lelaki dan 1.2 tahun bagi wanita.

## 2.2. Mean Age At First Marriage

*The Population Census data from the Department of Statistics shows an increase in mean age at first marriage for men from 26.6 years in 1980 to 28.2 years in 1991. As for the women mean age at first marriage increased from 23.5 years in 1980 to 24.7 years in 1991. The increase is 1.6 years for men and 1.2 years for women.*

Rajah 2.2 : Umur Min (Singulate) Perkahwinan Pertama Mengikut Jantina, Malaysia, 1980 Dan 1991

Figure 2.2 : Singulate Mean Age At First Marriage By Sex, Malaysia, 1980 And 1991



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia  
Source : Department of Statistics, Malaysia


### Nota / Note :

"Singulate mean age at first marriage" adalah berasaskan peratusan mereka (lelaki/perempuan) yang belum pernah berkahwin pada setiap kumpulan umur.

*Singulate mean age at first marriage is based on an estimate of the percentage of those (male/female) never married within each age group.*

Rajah 2.3 : Umur Min (Singulate) Perkahwinan Pertama Semenanjung Malaysia, 1984, 1988 Dan 1994

Figure 2.3 : Singulate Mean Age At First Marriage Peninsular Malaysia, 1984, 1988 And 1994



Sumber : Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1984, dan 1994  
Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia, 1988

Source : Malaysian Population and Family Survey, 1984, and 1994  
Malaysian Family Life Survey, 1988

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang meliputi Semenanjung Malaysia menunjukkan aliran umur min perkahwinan pertama yang sama. Bagi tahun 1984 umur min (singulate) perkahwinan pertama lelaki ialah 26.9 tahun dan ini meningkat kepada 28.0 tahun dalam tahun 1994. Manakala bagi wanita pula umur min (singulate) perkahwinan pertama telah meningkat dari 24.5 tahun dalam tahun 1984 kepada 24.9 dalam tahun 1994.

The Malaysian Population and Family Survey covering Peninsular Malaysia shows the same trend in mean age at first marriage. In 1984, the singulate mean age at first marriage for men was 26.9 years and this increased to 28.0 years in 1994. For women, it has increased from 24.5 years in 1984 to 24.9 years in 1994.

Nota:

Umur min perkahwinan pertama di sini di kira berdasarkan kepada wanita pernah berkahwin berumur 25-49 dan berkahwin sebelum berumur 25 tahun.

Note:

Mean age at first marriage is calculated based on ever married women aged 25-49 who were married before age 25.

Jadual 2.1 : Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (15-49) Mengikut Strata  
 Table 2.1 : Mean Age At First Marriage For Women (15-49) By Stratum

Tahun Years	Umur Min Perkahwinan Wanita 25 - 49 Mean Age at Marriage Women 25 - 49		
	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	Semua Lapisan All Stratum
1984	19.8	18.4	19.0
1988	19.9	19.1	19.4
1994	20.3	19.2	19.7

Sumber :  
 Source :

PPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KKPM), 1984  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey (MIFS), 1984

PPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia (KKKM), 1988  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Family Life Survey (MFLS), 1988

PPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

Jadual 2.2 : Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (15-49) Mengikut Etnik  
 Table 2.2 : Mean Age At First Marriage For Women (15-49) By Ethnic

Tahun Years	Umur Min Perkahwinan Wanita 25 - 49 Mean Age at Marriage Women 25 - 49		
	Melayu Malay	Cina Chinese	India Indian
1984	18.3	20.2	18.5
1988	19.0	20.5	19.5
1994	19.5	20.6	19.5

Sumber :  
 Source :

PPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1984

PPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1988

PPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

Umur min perkahwinan pertama bagi wanita telah meningkat daripada 19.0 tahun dalam tahun 1984 kepada 19.7 tahun dalam tahun 1994. Wanita bandar berkahwin lebih lewat daripada wanita luar bandar. Walaubagaimanapun, terdapat penurunan yang berterusan dalam perkahwinan pada usia muda, samada di bandar atau luar bandar. Pada tahun 1994, wanita bandar didapati berkahwin 1.1 tahun lebih lewat daripada wanita luar bandar.


*Mean age at first marriage among women has increased from 19.0 years in 1984 to 19.7 years in 1994. Urban women tend to marry later than their rural counterparts. But there has been a continual decline in young marriages for both urban and rural areas. In 1994, urban women married 1.1 year later than rural women.*

Umur min perkahwinan pertama adalah paling tinggi di kalangan wanita Cina berbanding dengan Melayu dan India. Walaupun bagaimanapun terdapat peningkatan yang ketara pada umur min perkahwinan pertama bagi kumpulan etnik Melayu dan India berumur 15-49. Pendidikan dan penyerapan wanita dalam tenaga buruh mungkin merupakan faktor sosio-ekonomi yang mempengaruhi umur perkahwinan.

*The mean age at first marriage is highest among the Chinese women compared to Malay and Indian women. However, there has been a significant increase in the mean age at first marriage among the Malay and Indian women aged 15-49. Education and participation of women in the labour force might be the main socio-economic factors affecting age at marriage.*

Rajah 2.4 : Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (25-49) Mengikut Umur

Figure 2.4 : Mean Age At First Marriage For Women (25-49) By Age



Sumber / Source :

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984  
NPFDL Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1984

LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988  
NPFDL Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1988


LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
NPFDL Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

Umur min perkahwinan pertama bagi semua kumpulan umur wanita yang pernah berkahwin telah meningkat. Wanita sekarang berkahwin lebih lewat daripada wanita pada masa lalu. Besar kemungkinannya wanita hari ini lebih cenderung melanjutkan pelajaran mereka ke institusi pengajian tinggi dan memberi keutamaan kepada kerjaya dan keserasian dalam pemilihan pasangan.

*The mean age at first marriage for ever married women aged 25-49 has increased for all age groups. The present cohort of women tend to marry later than the previous cohort. Probably, present women postpone marriage in order to pursue their education to a much higher level and give more priority to career and compatibility in choice of partner.*

Rajah 2.5 : Umur Min Perkahwinan Pertama Wanita (25-49) Mengikut Taraf Pendidikan

Figure 2.5 : Mean Age At First Marriage For Women (25-49) By Education Level



Sumber / Source :

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984  
NPFDL Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1984

LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988  
NPFDL Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1988

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
NPFDL Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

Wanita yang berpendidikan tinggi berkahwin lebih lewat daripada wanita yang mempunyai pendidikan rendah. Kajian LPPKN mendapati wanita yang mencapai pendidikan di peringkat pra-universiti dan ke atas berkahwin 4.9 tahun lebih lewat daripada mereka yang tidak bersekolah.

*Women with higher education tend to marry later than those with lower education. Studies by NPFDL show that women with pre-university education and above married 4.9 years later than those with no schooling.*

### 2.3. Kestabilan Perkahwinan

Data dari Banci mengenai status perkahwinan menunjukkan tren peratusan yang bercerai telah menurun. Ini mencerminkan tanda-tanda kestabilan mungkin dalam perkahwinan. Kajian yang dijalankan oleh LPPKN mengenai perkahwinan pertama menunjukkan pada keseluruhananya nisbah perkahwinan pertama bagi wanita berumur 15-49 tahun yang masih kekal telah meningkat. Ini seterusnya menunjukkan ke arah tren perkahwinan yang lebih stabil.

### 2.3. Marriage Stability

*Data on marital status from the Census has shown that the trend in the proportion divorced has decreased. This might be indicative of marriage stability. Data from studies done by NPFD on first marriages show that the proportion of first marriages for women aged 15-49 years remaining intact has generally increased. This further indicates that there has been a trend towards greater marital stability.*

Jadual 2.3 : Nisbah Perkahwinan Pertama Wanita 15-49 Mengikut Etnik  
Table 2.3 : Proportion Of First Marriage Among Women 15-49 By Ethnic

Tahun Years	Nisbah Perkahwinan Pertama Masih Kekal Proportion of First Marriage Still Intact (%)			
	Melayu Malay	Cina Chinese	India Indian	Semua Etnik All Ethnic
1984	83.7	95.7	87.1	88.1
1988	89.2	95.8	91.1	91.3
1994	89.8	95.7	90.0	91.1


Sumber :  
Source :

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984  
NPFD Malaysia - Malaysia Population and Family Survey 1984

LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988  
NPFD Malaysia - Malaysia Family Life Survey 1988

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
NPFD Malaysia - Malaysia Population and Family Survey 1994

Rajah 2.6 : Sebab Perceraian (Perkahwinan Pertama)  
 Figure 2.6 : Reasons For Divorce (First Marriage)



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994  
 Source : NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey, 1994

Mengikut Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, LPPKN 1994, masalah utama perceraian perkahwinan pertama di kalangan wanita disebabkan ketiadaan persefahaman di antara suami isteri serta suami yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga. Fenomena ini dilaporkan berlaku di bandar dan luar bandar.

Mengikut etnik, wanita Melayu dan Cina melaporkan "tiada persefahaman" sebagai punca utama perceraian mereka. Sementara wanita India bercerai kebanyakannya disebabkan "suami yang tidak bertanggungjawab".

Sungguhpun "penderaan" merupakan peratusan kecil menyebabkan perceraian, wanita India adalah yang tertinggi melaporkannya.

*The NPFDB 1994 Population and Family Survey showed that the main reason for dissolution of first marriage among women is the lack of understanding between husband and wife and being irresponsible towards the family. This phenomena exists both among the urban and rural families.*

*Ethnically, Malay and Chinese women reported that "lack of understanding" is the main reason for their divorce. While Indian women divorced mainly due to "husband being irresponsible".*

*Although "abuse" forms a small proportion among the reasons for divorce, Indian women however reported the highest of such.*

## 2.4. Perkahwinan Semula

Amalan sosio-budaya banyak mempengaruhi amalan berkahwin semula dalam masyarakat. Dalam masyarakat Melayu dan agama Islam, perkahwinan semula selepas perceraian adalah digalakkan. Di kalangan masyarakat India pula, wanita tidak digalakkan berkahwin semula. Manakala masyarakat Cina lebih bersikap liberal mengenai perkara ini.


Data kajian KPKM menunjukkan peratusan wanita berkahwin semula selepas mengakhiri perkahwinan pertama bagi semua etnik telah menurun kecuali etnik Cina. Namun demikian peratusan berkahwin semula adalah tertinggi di kalangan wanita Melayu.

## 2.4. Remarriage

The socio-cultural practices influence remarriages in society. The Malay society and the Islamic religion encourage remarriage. Among the Indian women remarriages is not common, while the Chinese society takes a more liberal stand on this issue.

The MPFS survey data shows the percentage of women remarrying after terminating their first marriage, declined among all ethnic group except for the Chinese. However, remarriages are still highest among the Malays..

Rajah 2.7 : Peratus Berkahwin Semula Di Kalangan Wanita (15-49) Mengikut Etnik  
Figure 2.7 : Percentage Remarriage Among Women (15-49) By Ethnic



Sumber :  
Source :

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1984  
NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1984

LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988  
NPFDB Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1988

LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

### 3. ISIRUMAH DAN KELUARGA HOUSEHOLD AND FAMILY

Satu isirumah bermaksud sekumpulan individu yang tinggal bersama di bawah satu bumbung dan menggunakan kemudahan yang sama untuk memasak makanan. Pada kebiasaannya di Malaysia ialah mereka yang tinggal bersama dalam satu isirumah dan mempunyai hubungan kekeluargaan.

#### 3.1. Struktur Isirumah


Isirumah asas di Malaysia didapati semakin meningkat. Banci 1991 menunjukkan 60.0 peratus dari jumlah isirumah di Malaysia terdiri dari isirumah asas iaitu meningkat daripada 55.0 peratus dalam Banci 1980. Seterusnya, Kajian KPBM 1994 menunjukkan peningkatan isirumah asas kepada 68.0 peratus.

*A household refers to a group of individual staying under the same roof and using the same cooking facilities. In Malaysia it usually refers to those staying together in a household and having family relationship.*

#### 3.1. Household Structure

*Nuclear households in Malaysia are found to be on the increase. In the 1991 Census, nuclear households make up 60.0 per cent of the total households in Malaysia and thus is an increase from 55.0 per cent in the 1980 Census. The 1994 MPFS survey shows a further increase in nuclear households to 68.0 percent.*

Rajah 3.1 : Struktur Isirumah Mengikut Strata  
Figure 3.1 : Household Structure By Stratum



Sumber : Banci 1980 dan 1991, Jabatan Perangkaan Malaysia  
1980 and 1991 Census, Department of Statistics, Malaysia.  
LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994.  
MPFS Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994.

Nisbah isirumah asas adalah tinggi sedikit di luar bandar berbanding dengan bandar. Ini mungkin terjadi kesan daripada penghijrah ahli keluarga dari luar bandar ke bandar kerana bekerja atau mendapat pendidikan.

### 3.2. Struktur Keluarga

Struktur isirumah di Malaysia biasanya mencerminkan struktur keluarga. Dengan itu tren struktur keluarga adalah hampir sama dengan tren struktur isirumah.

Hasil Kajian KPBM 1994 menunjukkan corak yang sama dalam struktur keluarga di bandar dan di luar bandar di mana majoritinya adalah terdiri daripada keluarga asas.


*The proportion of nuclear households is higher comparatively in the rural than in urban areas. This could be due to the effect of migration of family members from rural to urban areas due to work or education.*

### 3.2. Family Structure

*The household structure in Malaysia usually reflects the family structure. Therefore the trend in family structure is almost similar to the trend in household structure.*

*The MPFS 1994 shows that there is a similar pattern in the family structure in both urban and rural areas whereby the majority being nuclear families.*

Rajah 3.2 : Struktur Keluarga Mengikut Strata Dan Etnik  
Figure 3.2 : Family Structure By Stratum And Ethnic



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994/95  
Source : NPFDB Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994/95

Mengikut etnik, keluarga nuklear adalah tertinggi di kalangan keluarga Melayu berbanding dengan kumpulan etnik lain. Besar kemungkinan ini adalah akibat daripada penghijrahan dari luar bandar ke bandar, yang mana kebanyakannya melibatkan orang Melayu yang sememangnya ramai berasal dari kawasan luar bandar.

### 3.3. Saiz Isirumah


Berasaskan kepada data Banci Jabatan Perangkaan dan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia oleh LPPKN, di dapatkan aliran saiz isirumah telah menurun daripada 5.2 orang bagi setiap isirumah pada tahun Banci 1980 kepada 4.8 orang pada tahun Banci 1991. Corak yang sama juga dapat dilihat di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia tahun 1988 dan 1994 yang meliputi Semenanjung Malaysia juga menunjukkan aliran yang sama. Penurunan dalam fertiliti telah menyumbang kepada pengurangan saiz isirumah.

*In terms of ethnic groups, nuclear families are highest among Malay families as compared to other ethnic groups. Most probably this could be due to the effect of rural-urban migration, which occurs more among the Malays who originally are predominantly from rural areas.*

### 3.3. Household Size

*Based on the Census data from Department of Statistics and Malaysian Population and Family Survey by NPFDB, it is found that the trend in household size has declined from 5.2 persons per household in 1980 to 4.8 persons per household in 1991. Similar pattern is observed in both urban and rural areas. The Population and Family Survey 1988 and 1994 which cover Peninsular Malaysia also shows a similar trend. Reduction in fertility has contributed to the decrease in household size.*

Rajah 3.3 : Purata Saiz Isirumah Untuk Malaysia Mengikut Strata  
Figure 3.3 : Average Household Size For Malaysia By Stratum



Sumber : Banci 1980 dan 1991, Jabatan Perangkaan Malaysia  
Source : 1980 and 1991 Census, Department of Statistics Malaysia


LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994  
NPFDB Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994

### 3.4. Ketua Isirumah

Lazimnya, isirumah di Malaysia diketuai oleh kaum lelaki. Berasaskan Banci Penduduk pada tahun 1980 dan 1991, nisbah isirumah yang diketuai oleh kaum lelaki adalah dalam lingkungan 82.0 peratus dan wanita dalam lingkungan 18.0 peratus.

Walaubagaimanapun Isirumah yang diketuai oleh wanita terbahagi kepada dua jenis. Yang pertama ialah disebabkan oleh kematian suami, bercerai atau berpisah dan yang kedua, wanita itu masih berkawwin tetapi mempunyai suami yang mungkin bekerja dan tinggal di tempat lain. Bagi ketua isirumah yang tanpa suami dikhawatir menanggung kesukaran dari segi kewangan, sosial dan emosi.

Rajah 3.4 : Taburan Peratus Ketua Isirumah Mengikut Jantina, Malaysia, 1980 Dan 1991  
Figure 3.4 : Percentage Distribution Of Head Of Household By Sex, Malaysia, 1980 And 1991



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia  
Source : Department of Statistics, Malaysia

### 3.5. Ibu Bapa Tunggal

Hasil dari Kajian Penduduk Daerah yang dilaksanakan oleh LPPKN dalam tahun 1992 menunjukkan 10.2 peratus daripada ketua isirumah yang berumur 20 tahun ke atas dan mempunyai anak 18 tahun ke bawah adalah ibubapa tunggal dan kebanyakannya terdiri daripada kaum wanita. Di kalangan ibu tunggal, 87.5 peratus disebabkan oleh kematian suami dan hanya 12.5 peratus disebabkan oleh perceraian dan perpisahan.

### 3.4. Head Of Household

Generally, households in Malaysia are headed by males. Based on the 1980 and 1991 Population Census households headed by males are around 82.0 per cent while those headed by females is about 18.0 per cent.

However, female headed households are of two types. Firstly, due to death of husband, divorce or separated. Secondly, the women are currently married but the husbands are working and living elsewhere. For these single female headed households, they maybe facing financial, social and emotional problems.

### 3.5. Single Parent

Findings from the Sub-National Population Survey of NPFDB in 1992 shows that 10.2 per cent of the head of household aged 20 and above with children aged 18 and below are single parents. Among them, 87.5 per cent are due to husbands' death and 12.5 per cent as a result of divorce and separation.

Kajian ke atas wanita sebagai ketua isirumah dalam konteks kemiskinan yang dilaksanakan oleh HAWA dan UPM menunjukkan masalah utama ibu tunggal ialah kewangan. Pencapaian pembelajaran anak-anak mereka juga didapati tidak menggalakkan. Kehidupan mereka ini menjadi lebih buruk kerana ketiadaan sokongan dari suami. Pada amnya kebanyakan ibu tunggal bergantung kepada sokongan keluarga kerana keadaan ekonomi mereka berada di bawah paras kemiskinan iaitu RM 350.00 sebulan.

### 3.5. Perubahan Kitaran Hidup Berkeluarga

Pada kebiasaannya, setiap keluarga perlu melalui setiap peringkat kitaran hidup iaitu perkahwinan, kehamilan dan membesarkan anak dan melalui hari tua. Namun demikian dengan pembangunan sosio-ekonomi yang pesat, kitaran corak hidup sesebuah keluarga mengalami perubahan di mana tempuh perkahwinan, kehamilan dan membesarkan anak telah berkurangan dan tempuh melalui hari tua telah bertambah.

Jadual 3.1 : Peratus Perubahan Dalam Bilangan Tahun Digunakan Dalam Setiap Peringkat Kitaran Hidup Antara 1984 Dan 1994

Table 3.1 : Percentage Change In The Number Of Years Spent In Each Stage Of The Life Cycle Between 1984 Dan 1994

Perubahan dalam bilangan tahun digunakan <i>Changes in number of years spent</i>	1984	1994	% Perubahan % Change (+ / - )
1. Untuk melahirkan anak <i>For deliveries</i>	8.2	5.6	- 31.7
2. Untuk menjaga anak <i>For child rearing and supervision</i>	30.7	28.4	- 7.5
3. Selepas persaraan <i>After retirement</i>	11.4	14.0	22.8
4. Untuk menyara ibu-bapa yang tua <i>For supporting old parents</i>	10.5	10.8	3.8
5. Sebagai balu <i>In widowhood</i>	9.0	6.8	- 24.4


*Survey on Women Head of Household in the context of Poverty by HAWA and UPM shows that the main problem encountered by single parents is financial. Their children's academic achievements are not so encouraging. Their life is made worst without the husband's support. In general, most single parents especially mothers depend on the support given by her family members because their economic status is below the poverty level of RM 350.00 per month.*

### 3.5. Changes In Family Life Cycles


*Generally, a family has to go through the stages of life cycle namely marriage, child bearing and rearing, and old age. However, with rapid socio-economic development the family life cycle pattern has undergone changes whereby marriage, child bearing and rearing have shortened and old age has lengthened.*

Rajah 3.5 : Perubahan Kitaran Hidup Berkeluarga  
 Figure 3.5 : Change In Family Life Cycle

1984



1994



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1984 dan 1994  
 Source : NPFSR Malaysia - Malaysian Population and Family Survey, 1984 and 1994

Jangkamasa membesarkan anak telah menurun daripada 30.7 tahun dalam tahun 1984 kepada 28.4 tahun dalam tahun 1994. Ini mungkin disebabkan oleh penangguhan yang lebih lewat perkahwinan pertama. Masa yang diambil untuk membesarkan anak ditakrifkan dari bermulanya kelahiran anak pertama sehingga selesainya pendidikan bagi anak yang terakhir ke peringkat universiti.

Selain dari itu, tempuh masa dalam menempuh hari tua pula telah bertambah disebabkan meningkatnya jangka hayat.

*The year spent on child rearing has decreased from 30.7 years in 1984 to 28.4 years in 1994. This is partly due to the later age at marriage. The child rearing years is defined as the period between the birth of the first child to the completion of the tertiary education of the last child.*

*On the other hand, the time spent during old age has lengthened because of the longer life expectancy at birth and at older age.*

## 4. AMALAN-AMALAN HIDUP BERKELUARGA FAMILY LIFE PRACTICES

### 4.1. Pembuat Keputusan Dalam Isirumah

Dalam masyarakat patriarkal, perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan keluarga biasanya diputuskan oleh kaum lelaki. Begitulah juga di Malaysia. Ekoran dari arus pembangunan sosio-ekonomi dan industrialisasi di mana sumbangan wanita dalam tenaga buruh telah meningkat, perkongsian tanggungjawab di antara suami dan isteri semakin ketara.

Penemuan dari KPKM 1994/95 menunjukkan hampir separuh keputusan dalam isirumah dibuat bersama oleh suami dan isteri. Ini dapat dilihat dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan anak, pembelian harta dan membeli atau membuat rumah. Manakala bagi perbelanjaan isirumah keputusan dibuat oleh suami (36.7 peratus).


### 4.1. Decision Maker In The Household

*In patriarchal society, decision-making pertaining to family matters are usually made by men. This is also true in Malaysia. However, with socio-economic development and industrialization where women's contribution in the labour force has become more significant, there is now a gradual increase in the sharing of responsibilities between husbands and wives.*

*Findings from MPFS 1994/95 indicate that almost half of the decisions in household matters are made by both husbands and wives. This can be clearly seen especially in matters relating to the children's education, buying of assets and buying or building a house. However, matters on household expenditure are mostly made by husbands (36.7 per cent)*

Rajah 4.1 : Taburan Peratus Orang Yang Membuat Keputusan Dalam Isirumah

Figure 4.1 : Percentage Distribution Of Persons Who Are Decision Maker In The Household



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994/95

Source : NPFDDB Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994/95

Jadual 4.1 : Kekerapan Suami Membantu Isteri Dalam Kerja Rumah Mengikut Taraf Gunatenaga Isteri

Table 4.1 : Frequency Of Husband Helping Wife In Household Chores By Wife's Employment Status

Kekerapan Suami Membantu Isteri Dalam Kerja-Kerja Dapur Frequency of Husband Helping Their Wife in The Kitchen	Status Gunatenaga Isteri Wife's Employment Status						Isteri Tidak Bekerja Wife Not Working	Semua Isteri All Wives
	Majikan Employer	Pekerja Employee	Kerja Sendiri Own Account Worker	Pekerja Tanpa Upah Unpaid Worker	Semua Isteri Bekerja All Working Wives			
Tidak Pernah Never	31.0	28.9	36.0	41.9	32.1	32.5	32.3	
Kadang-kadang Sometimes	27.6	35.5	38.7	38.6	36.5	44.1	40.3	
Sekali sebulan Once a month	3.5	1.9	2.2	-	1.8	1.7	1.8	
Sekali seminggu Once a week	3.5	3.6	3.1	-	3.1	4.0	3.5	
Selalu Always	34.5	30.0	20.0	19.5	26.5	17.7	22.2	
Jumlah Total (N=100%)	29	1,355	491	246	2,121	2,072	4,193	

Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994/95

Source : NPTDR Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994/95

Penemuan kajian KPKM mendapati 22.2 peratus daripada semua suami selalu membantu isteri mereka dalam kerja-kerja rumah bagi kedua-dua golongan isteri yang bekerja dan yang tidak bekerja. Di kalangan isteri yang tidak bekerja cuma 17.7 peratus suami selalu membantu isteri dalam kerja-kerja rumah. Sebaliknya, di kalangan isteri yang bekerja pula, 26.5 peratus suami yang berbuat demikian. Mengikut status gunatenaga isteri, peratusan suami yang selalu membantu dalam kerja rumah adalah paling tinggi di kalangan isteri yang bekerja sebagai majikan (34.5 peratus) dan paling rendah dikalangan pekerja tanpa upah (19.5 peratus). Kekerapan suami yang membantu isteri meningkat dengan meningkatnya taraf gunatenaga isteri.


The findings of MPFS 1994 show that 22.2 per cent of the husbands always helped their wives in household chores for both groups of working and non-working wives. Among the non-working wives, only 17.7 per cent of their husbands who always helped in the household chores. On the other hand, among working wives, 26.5 per cent of their husbands do so. In terms of wives' employment status, the proportion of husbands who always helped in household chores is highest among those wives working as employers (34.5 per cent) and lowest among unpaid family workers (19.5 per cent). The frequency of husbands always helping their wives increases with the higher level of wife's employment status.

#### 4.2. Persepsi Isteri Terhadap Asas Utama Kebahagiaan Keluarga

Norma dan nilai murni dalam keluarga merupakan benteng yang dapat memperkuatkan institusi keluarga sebagai satu unit sosial melaksanakan peranannya untuk mencapai kestabilan, keharmonian dan kebahagiaan keluarga. Wawasan negara telah memberi penekanan betapa perlunya menanam nilai moral yang murni terutama sekali di kalangan golongan muda bagi memastikan pembangunan yang seimbang dan berterusan.

Rajah 4.2 : Peratus Persepsi Isteri Terhadap Asas Utama Kebahagiaan Keluarga Mengikut Kumpulan Umur

Figure 4.2 : Percentage Of Wife's Perception On The Main Basis For A Happy Family By Age Group



Sumber : LPPKN Malaysia: Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994/95  
Sourse : NPFDB Malaysia: Malaysian Population and Family Survey - 1994/95

LPPKN telah membuat tinjauan di kalangan responden wanita mengenai persepsi ke atas kebahagiaan keluarga. Kebanyakan para isteri berpendapat "persefahaman dan saling mempercayai" merupakan asas utama untuk mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia. Ini lebih tinggi dirasakan oleh wanita muda (kurang dari 35 tahun) daripada wanita yang lebih tua.

#### 4.2. Wife's Perception On The Main Basis For A Happy Family

*Family norms and values act as a fort in upholding the family institution as the main social unit implementing its role in establishing a stable, harmonious and happy family. The National Vision has stressed the need to inculcate good moral values especially among the young to ensure a balanced and sustainable development.*

*NPFDB attempted to gauge the perception of a happy family among women respondents through its research on family in 1994. The findings found that the majority of women viewed "understanding and trusting each other" as the basis to create a happy family life. This statement was felt more among younger women (less than 35 years of age) compared to the older women.*

Sebaliknya, persepsi "kewangan yang cukup" sebagai asas utama kebahagiaan keluarga, lebih tinggi dirasakan oleh wanita yang lebih tua (umur 35 tahun dan ke atas).

#### 4.3. Persepsi Isteri Terhadap Punca Utama Masalah Keluarga

Kajian KPKM 1994 juga meninjau masalah utama yang biasa dihadapi dalam hidup berkeluarga.

Data menunjukkan lebih kurang 58.0 peratus daripada responden beranggapan "kewangan tidak mencukupi" sebagai punca utama masalah yang dihadapi oleh keluarga kini. Ini dinyatakan oleh kedua-dua kumpulan umur.

*On the other hand, older women felt that the perception that "financial stability" as the main factor for a happy family is felt more among older women (35 years and above).*


#### 4.3. Wife's Perception On The Main Cause For Family Problem

*The MPFS 1994 survey also examines the main problems usually encountered in family life.*

*Data show that around 58.0 per cent of the respondents perceived "insufficient finance" as the main factor that caused family problems. This was clearly mentioned by both age groups.*

Rajah 4.3 : Peratus Persepsi Isteri Terhadap Punca Utama Masalah Keluarga  
Mengikut Kumpulan Umur

Figure 4.3 : Percentage Of Wife's Perception On The Main Cause For Family Problem  
By Age Group




Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994  
Source : NPFDB Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994

#### 4.4. Masalah Keluarga Yang Merunsingkan Isteri

Kajian LPPKN 1994 cuba meninjau apakah masalah keluarga yang sedang melanda keluarga Malaysia masakini. Pada keseluruhannya, hasil menunjukkan 19 peratus daripada jumlah pasangan menyatakan menghadapi masalah keluarga. Dari jumlah ini hampir 42 peratus menyatakan "kewangan" punca utama masalah tersebut. Ini dinyatakan oleh kedua-dua kumpulan umur. Masalah kedua yang dinyatakan ialah "penjagaan anak", dan ini lebih ramai dilaporkan oleh kumpulan umur yang lebih muda. "Campur tangan ibu mertua" juga menjadi masalah keluarga walaupun peratusannya rendah.

Rajah 4.4 : Peratus Isteri Yang Menyatakan Masalah Keluarga Yang Merunsingkan Mereka Mengikut Kumpulan Umur

Figure 4.4 : Percentage Of Wives Who Mentioned Family Problem Which Worried Them By Age Group



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia - 1994  
Source : NPFDB Malaysia, Malaysian Population and Family Survey - 1994

#### 4.4. Family Problem Which Worried Female Spouse


The 1994 NPFDB's study tries to find out some of the family problems faced by the present Malaysian families. In general, 19 per cent out of the total couples in the study mentioned they have had family problems. Out of this, almost 42 per cent said that the main cause of the problem was "financial". This was mentioned by both age-group. The second problem mentioned was "child care" and this was mostly reported by the younger age-group. "Mother-in-laws interference" too is causing problems and worries to wives although the percentage is low.

#### 4.5. Kebimbangan Dan Kerisauan Harian Dalam Keluarga

Perubahan persekitaran sekarang disebabkan oleh pembangunan kini telah membangkitkan beberapa cabaran dalam keluarga melalui hidup sehari-hari. Kajian ini telah mengutarkan satu persoalan mengenai kebimbangan harian yang dialami oleh keluarga. Penemuan hasil kajian menunjukkan kebimbangan dan kerisauan yang paling utama bagi keluarga adalah penjagaan anak-anak serta pendidikan mereka, kesihatan dan kemalangan jalan raya.

Rajah 4.5 : Peratus Isteri Yang Menyatakan Kebimbangan Dan Kerisauan Harian Dalam Keluarga Mengikut Jenis Kebimbangan

Figure 4.5 : Percentage Of Wives Who Mentioned Daily Anxieties And Worries Of Families By Type Of Anxiety



Sumber : Kajian Kesan Pembangunan Sosio-Ekonomi ke atas Keluarga dan Hubungan Gender di Kuala Lumpur, 1995.  
Source : A Survey on the Effects of Economic Development on Family and Gender Relations in Kuala Lumpur, 1995.

#### 4.5. Daily Anxieties And Worries Of Families


The present environmental change due to development has given rise to various challenges in pursuing daily life. This survey has put forward a question on daily anxieties and worries of families. The findings indicate that the main worries and anxieties of most families are children and their education, health and safety on the roads.

#### 4.6. Tanggapan Terhadap Norma-norma Keluarga

Terdapat banyak norma-norma keluarga yang mempengaruhi hidup berkeluarga. LPPKN telah melaksanakan kajian pada tahun 1995 ke atas penduduk Kuala Lumpur untuk mengkaji kesan-kesan pembangunan ke atas keluarga dan perkara yang berkaitan dengan gender.

Beberapa kenyataan mengenai nilai terhadap perkahwinan, seksualiti, peranan gender dan hormat-menghormati di kalangan ahli-ahli keluarga telah diajukan kepada responden. Persepsi responden terhadap perkara-perkara ini sedikit sebanyak membayangkan sikap mereka. Antara lapan nilai keluarga yang dipaparkan di atas tiga nilai yang paling dominan adalah: hormat pada orang tua, perkongsian tanggungjawab ke atas penjagaan anak dan amalan mengelakkan seks sebelum kahwin. Keseluruhannya, perbezaan persepsi dari segi gender adalah kecil.

Rajah 4.6 : Persepsi Terhadap Norma-norma Keluarga Mengikut Jantina  
Figure 4.6 : Perception Towards Family Norms By Sex



Sumber : Kajian Kesan Pembangunan Sosio-Ekonomi ke atas Keluarga dan Hubungan Gender di Kuala Lumpur, 1995.  
Source : A Survey on the Effects of Economic Development on Family and Gender Relations in Kuala Lumpur, 1995.


#### 4.6. Perception Towards Family Norms

There are many family norms which influence family life. NPFDB conducted a survey in 1995 on Kuala Lumpur residents to find out the effects of development on families and gender relations.

Several statements concerning the norms on marriage, sexuality, gender roles and respect among family members were asked. The level of agreement on these matters to some extent portrays their attitudes and perceptions. Among the eight family norms shown the three most dominant ones are: respect for elders, sharing responsibility on child care and avoiding premarital sex. Overall there is little difference in perception between gender.

Rajah 4.7 : Persepsi Terhadap Norma-Norma Keluarga Mengikut Kumpulan Umur

Figure 4.7 : Perception Towards Family Norms By Age Group



Sumber : Kajian-Kesan Pembangunan Sosio-Ekonomi ke atas Keluarga dan Hubungan Gender di Kuala Lumpur, 1999.  
 Source : A Survey on the Effects of Economic Development on Family and Gender Relations in Kuala Lumpur, 1999.


Satu tinjauan telah dibuat untuk melihat perbezaan persepsi antara golongan muda, berumur kurang dari 35 tahun dengan golongan lebih tua, berumur 50 tahun ke atas. Hasilnya menunjukkan bahawa terdapat sedikit sahaja perbezaan di antara yang muda dengan yang tua sepanjang yang diperkatakan mengenai tiga norma yang paling dominan. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan yang ketara antara dua kumpulan umur ini ke atas norma mengenai pendidikan seks dan wanita bekerja.

Mereka yang muda sangat bersetuju tentang pendidikan seks harus diajar secara terbuka. Sedangkan mengenai pernyataan wanita tidak perlu bekerja jika suaminya sudah cukup mampu adalah lebih dipersetujui oleh kumpulan umur yang tua.

An attempt was made to gauge any differential between the perception of younger people, aged less than 35 and the older people, aged 50 years and over. The findings show that there is little difference between the young and the old as far as the three dominant norms are concerned. There is a notable difference between the two age groups in their perception towards family norms concerning sex education and women going out to work.

The younger generation feel more strongly that sex education should be taught openly. The norms on women should not work if their husbands earn enough is more strongly supported by the older generation.

Rajah 4.8 : Persepsi Terhadap Norma-Norma Keluarga Mengikut Kumpulan Etnik  
 Figure 4.8 : Perception Towards Family Norms By Ethnic Group



Sumber : Kajian Kesan Pembangunan Sosio-Ekonomi ke atas Keluarga dan Hubungan Gender di Kuala Lumpur, 1995.  
 Source : A Survey on the Effects of Economic Development on Family and Gender Relations in Kuala Lumpur, 1995.

Tiada perbezaan yang ketara antara etnik dalam persepsi tiga norma keluarga yang paling dominan seperti yang ditunjukkan di rajah 4.8. Sebaliknya, terdapat perbezaan yang ketara sekali dikalangan etnik mengenai kenyataan terhadap pendidikan seks, perkahwinan, wanita bekerja dan penceraian.

*There is no ethnic differentials in the three dominant norms as shown in figure 4.8. However, there is some significant difference among ethnic groups on the perception regarding sex, education, marriage women going to work and divorce.*

#### 4.7. Persepsi Terhadap Norma Keluarga Di Kalangan Negara-Negara Asia

##### 4.7.1. Persepsi Terhadap Seks Sebelum Berkahwin

Kajian pada tahun 1995 yang dijalankan di Kuala Lumpur telah juga dijalankan di empat bandaraya yang pesat membangun di negara Asia; Fukuoka-Jepun, Seoul-Korea, Beijing-China dan Bangkok-Thailand. Hasil kajian menunjukkan perbezaan sikap di kalangan penduduk negara-negara Asia ini.


#### 4.7. Perception Towards Family Norms Among Asian Countries

##### 4.7.1. Perception Towards Premarital Sex

The 1995 study carried out in Kuala Lumpur was similarly carried out in four other cities in Asia; Fukuoka-Japan, Seoul-Korea, Beijing-China and Bangkok-Thailand. There is some variations seen in the attitude of the people among these Asian countries towards this particular family norm.

Rajah 4.9 : Peratus Yang Bersetuju Ke Atas Kenyataan "Elakkan Seks Sebelum Berkahwin" Mengikut Jantina Dan Negara

Figure 4.9 : Percentage Who Agree On The Statement "Avoid Premarital Sex" By Sex And Country



Sumber : 1. A study on life and consciousness of contemporary Urban Family in China, a research in Beijing with comparison among Bangkok, Seoul and Fukuoka, 1994

Source : 2. The study on Effects of Socio-economic Development on Family and Gender relationship, Kuala Lumpur, 1995

Gambaran yang dilihat ialah responden dari bandaraya yang lebih maju lebih cenderung bersetuju terhadap seks sebelum nikah. Fukuoka, bandaraya yang termaju antara kelima-lima bandaraya mempunyai peratus yang paling rendah bersetuju mengenai kenyataan menghindar seks sebelum nikah, manakala Bangkok dan Kuala Lumpur mempunyai peratus bersetuju paling tinggi.

*It can be seen that respondents from more advanced cities tend to be more agreeable towards premarital sex. Fukuoka, which is the most advanced among the five cities in terms of socio-economic development has the least proportion agreeing towards avoidance of premarital sex while Bangkok and Kuala Lumpur have the highest percentage of agreement on this statement.*

#### 4.7.2. Persepsi Terhadap Pendidikan Seksualiti


Kenyataan mengenai "pendidikan seks perlu diajar secara terbuka" telah dipersempujui oleh kebanyakan responden di kelima-lima bandaraya yang dikaji. Walaubagaimanapun, terdapat sebahagian besar responden di Beijing dan Kuala Lumpur merasakan bahawa pendidikan seks tidak patut diajar secara terbuka.

#### 4.7.2. Perception Towards Sex Education

The norm regarding "sex education should be taught openly" was widely agreed by respondents of all the five cities in the survey. However, a sizeable proportion of Beijing and Kuala Lumpur respondents feel that sex education should not be taught openly.

Rajah 4.10 : Peratus Yang Bersetuju Kenyataan "Pendidikan Seks Perlu Diajar Secara Terbuka" Mengikut Jantina

Figure 4.10 : Percentage Who Agree On The Statement "Sex Education Should Be Taught Openly" By Sex



Sumber : 1. A study on life and consciousness of contemporary Urban Family in China, a research in Beijing

Source : with comparison among Bangkok, Seoul and Fukuoka, 1994

2. The study on Effects of Socio-economic Development on Family and Gender relationship, Kuala Lumpur, 1995


#### 4.7.3. Persepsi Terhadap Menghormati Wargautua

Menghormati orang tua adalah satu nilai yang sangat murni dan sentiasa diamalkan oleh semua masyarakat terutama sekali masyarakat di Asia. Ini dapat dilihat melalui kajian yang sama dijalankan di lima bandaraya di Asia. Empat daripada lima bandaraya menunjukkan tahap persetujuan yang paling tinggi dan paling mengagumkan. Di Bangkok hampir 100 peratus responden bersetuju dengan kenyataan ini.

Bagaimanapun, peratusan yang rendah dalam kadar persetujuan di Beijing adalah disebabkan oleh masalah interpretasi soalan. Mereka bersetuju orang tua patut dihormati tetapi pada keseluruhannya tidak berapa bersetuju dengan amalan menyembah nenek moyang.

Rajah 4.11 : Peratus Yang Bersetuju Ke Atas Penyataan "Menghormati Orang Tua Adalah Penting" Mengikut Jantina Dan Negara

Figure 4.11 : Percentage Who Agree On The Statement "Respect For Elders Is Important" By Sex And Country



Sumber : 1. A study on life and consciousness of contemporary Urban Family in China, a research in Beijing  
Source : with comparison among Bangkok, Seoul and Fukoku, 1994

2. The study on Effects of Socio-economic Development on Family and Gender relationship, Kuala Lumpur, 1995

#### 4.7.3. Perception Towards Respect To Elders

Respect for elders is a very noble value and it has always been practiced by all communities, particularly in Asia. This can be seen from the findings of the surveys carried out in the five Asian cities. Out of the five cities, four cities show an astonishingly high degree of agreement on this family norm. In Bangkok almost 100 per cent agreed with this norm.

However, the lower proportion of agreement among Beijing respondents could be due to misinterpretation of the questions. They do agree that elders should be respected, but have some reservations towards ancestor worship.

#### 4.7.4. Persepsi Terhadap Perceraian


Kelima-lima bandaraya yang menjalankan kajian yang sama menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan kenyataan terhadap perceraian, terutamanya di Bangkok di mana kedua-dua kaum lelaki dan wanita paling ramai bersetuju mengenai "perceraian patut dibenarkan sekiranya ada alasan munasabah".

#### 4.7.4. Perception Towards Divorce

All the five cities in similar surveys that were carried out showed a very high degree of agreement towards the statement on divorce, especially in Bangkok where both males and females showed the strongest degree of agreement regarding "divorce should be permitted under acceptable circumstances".

Rajah 4.12 : Peratus Yang Bersetuju Penyataan "Perceraian Patut Dibenarkan Sekiranya Ada Alasan Munasabah" Mengikut Jantina

Figure 4.12 : Percentage Who Agree On The Statement "Divorce Should Be Permitted If There Are Justifications" By Sex



Sumber : 1. A study on life and consciousness of contemporary Urban Family in China, a research in Beijing  
 Source : with comparison among Bangkok, Seoul and Fukuoka, 1994

2. The study on Effects of Socio-economic Development on Family and Gender relationship,  
 Kuala Lumpur, 1995

## 5. REMAJA ADOLESCENT



Kebiasaannya zaman remaja didifinasikan sebagai suatu jangka masa peralihan antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa. Walaupun sesetengah menyamakan zaman remaja dengan akil baligh dan perubahan-perubahan fizikal yang berakhir dengan kematangan reproduktif, mungkin penggunaan lebih mudah tentang istilah ini ialah sebagai suatu tahap yang merujuk kepada jangka masa (sekitar umur 10-20 tahun) di mana beberapa corak pembangunan dan penyesuaian biasanya berlaku dalam hidup seseorang.

Zaman remaja mungkin mencabar ibu bapa atas beberapa sebab. Ianya mencabar kewibawaan dan tata keluaran ibu bapa. Dalam keadaan tertentu adalah dijangkakan bahawa zaman remaja itu disifatkan sebagai peningkatan konflik dengan ibu bapa, dan ini mungkin benar dalam keluarga dan budaya tertentu dimana kuasa ibu bapa begitu ketara.

*Adolescence is usually defined as the period of transition between childhood and adulthood. Although some equate adolescence with puberty and the cycle of physical changes culminating in reproductive maturity, perhaps a better usage of the term is as a convenient label referring to a period of years (approximately ages 10-20) in which certain patterns of development and adjustment typically occur in the life of an individual.*

*Adolescence may be threatening to parents for a number of reasons. There are threats to parental authority and to parental codes of conduct. Under certain circumstances it would be expected that adolescence would be characterized by increasing conflict with parents, and this is probably true in certain individual homes or in cultures where parental domination is marked.*

Anak gadis lebih cenderung mengalami peningkatan konflik dengan ibu bapa. Ini mungkin disebabkan oleh pengawasan dan pengawalan ketat yang diamalkan oleh ibu bapa ke atas mereka. Sebaliknya anak lelaki diberi lebih kebebasan dan latihan untuk berdiskiri.

Adalah tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa arus perkembangan anak remaja dan ibu bapa mungkin tidak terganggu jika kekecewaan yang tidak diingini dapat dikurangkan; jika remaja diberi lebih peluang untuk bebas dan menentukan arah tuju mereka sendiri, dan ibu bapa mengenakan sekatan jika perlu hanya setelah mengambil kira keinginan remaja. Inipun haruslah dilaksanakan setelah berbincang secara objektif tentang situasi dengan penuh timbangrasa dan bukannya secara autokratik dan tanpa sebab tertentu.

Berbanding dengan ibu bapa dan khususnya datuk-nenek, generasi muda pada hari ini lebih cenderung membuat pertimbangan dan kesimpulan terhadap moral dan etika berdasarkan pertimbangan intelektual dan ukuran estatik, bukan semata-mata berdasarkan salah-betul dari segi moral. Tren seumpama ini nampaknya yang diinginkan dan menggambarkan tahap kematangan yang lebih tinggi.

Penyesuaian kerjaya berkembang perlahan dan menggambarkan keperibadian dan struktur keperluan individu. Dengan tidak disedari remaja cenderung memilih kerjaya yang pada tanggapan mereka berpotensi dapat memenuhi keperluan. Pada masa yang sama ia juga sesuai dengan ciri-ciri keperibadian mereka. Masalah berkaitan dengan pemilihan kerjaya semasa zaman remaja adalah agak mendesak kerana persekolahan akan tamat dan lazimnya amat kritikal disebabkan sesetengah keputusan yang dibuat tidak dapat diubah lagi.

*The girls tend to experience increased conflict with parents, possibly because of the greater supervision and control exercised over daughters. In contrast, sons are more likely to be given greater freedom and training for independence than daughters.*

*It seems reasonable to expect that the path of development may be smoothed for both adolescents and their parents if unnecessary frustration are reduced; if the adolescents are given increasing opportunities for freedom and self-direction and if restrictions, when necessary, are imposed only with due consideration of the adolescents' commitments and desires and after objective discussion of the situation, that is, reasonably rather than autocratically and arbitrarily.*

*Compared with their parents and especially their grand-parents, the younger generation seem more inclined to make moral and ethical judgments on the basis of intelligent judgment and aesthetic standards rather than on a strict right-wrong moral basis. These trend would seem to be in a desirable direction and reflect greater maturity.*

*Career orientation develop slowly and reflect the personality and need structure of the individual. Consciously or unconsciously the adolescents will tend to select that career which they perceived as potentially satisfying to their needs which at the same time being compatible with their personality characteristics. Problems related to vocational choice in adolescence are relatively urgent because of the impending termination of school and are often critical because of the irreversibility of certain decisions.*

## 5.1. Remaja Dan Keluarga


Kajian Perilaku Sosial Remaja (KPSR) yang dijalankan oleh LPPKN pada tahun 1994-1995 di kalangan remaja berumur 10-20 tahun menunjukkan 91.7 peratus tinggal dengan kedua ibu bapa, 5.5 peratus dengan ibu tunggal, 1.4 peratus dengan bapa tunggal dan 1.4 peratus dengan penjaga di mana kedua ibu bapa mereka telah meninggal dunia.

### 5.1.1. Hubungan Dengan Ibu Bapa

Hubungan antara remaja dengan ibu didapati lebih baik daripada hubungan dengan bapa. Terdapat hampir 37 peratus remaja menyatakan hubungan yang sangat baik dengan ibu berbanding 28 peratus dengan bapa. Sebaliknya, peratusan yang menyatakan hubungan kurang baik dengan bapa adalah tinggi iaitu 7.7 peratus berbanding 4.5 peratus dengan ibu.

Rajah 5.1 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Kedua Ibu Bapa

Figure 5.1 : Percentage Distribution Of The Close Relationship Between Adolescent And Their Parents



Sumber : LPPKN Malaysia ; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
Source : NPFDB Malaysia ; Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

## 5.1. Adolescents And Family

A Survey on Social Behavior of Adolescents (SSBA) conducted by NPFDB in 1994-1995 among adolescents aged 10-20 years old shows that 91.7 per cent lived with both parents, 5.5 per cent with single parent mother, 1.4 per cent with single parent father and another 1.4 per cent with guardian whereby both parents had died.

### 5.1.1. Relationship With Parents


The relationship between adolescents and their mother seem to be better than their relationship with father. It was found that almost 37 per cent said that their relationship with mother is very good compared to only 28 per cent with their father. On the other hand, the proportion who said having poor relationship with father is slightly higher that is 7.7 per cent compared to 4.5 per cent with mother.

Analisis selanjutnya mendapati hubungan yang kurang baik dengan bapa meningkat dengan meningkatnya umur remaja. Ianya meningkat dari 6.8 peratus di kalangan yang berumur 10-12 tahun kepada 11.7 peratus bagi yang berumur 18-20 tahun. Peratusan remaja India yang mempunyai hubungan kurang baik dengan bapa adalah tertinggi iaitu 11.8 peratus, diikuti remaja Cina (9.2 peratus) dan Melayu (6.2 peratus) merupakan yang terendah. Remaja yang tinggal dengan bapa tunggal mencatat peratusan hubungan kurang baik yang tinggi iaitu 18.2 peratus berbanding 7.5 peratus di kalangan yang tinggal dengan kedua ibu bapa.

*Further analysis shows that the poor relationship with father increases with the increased in age of the adolescents. It increased from 6.8 per cent for those aged 10-12 years to 11.7 per cent among those aged 18-20 years old. The proportion of Indian adolescents having poor relationship with their father seems to be the highest with 11.8 per cent, followed by Chinese adolescents (9.2 per cent) and Malay adolescents (6.2 per cent) which is the lowest. Adolescents who lived with single fathers recorded a high proportion of having poor relationship with their fathers, that is 18.2 per cent compared to 7.5 per cent among those who lived with both parents.*

Rajah 5.2 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Bapa Mengikut Etnik

Figure 5.2 : Percentage Distribution Of The Close Relationship Between Adolescent And Their Father By Ethnic



Sumber : LPPKN Malaysia ; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
 Source : NPFDB Malaysia ; Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

### 5.1.2. Tanggapan Remaja Terhadap Ibu Bapa


Kajian yang dijalankan oleh LPPKN mendapati 37.0 peratus remaja beranggapan kedua ibu bapa mereka adalah liberal, 49.0 peratus bersifat sederhana dan 14.0 peratus lagi konservatif. Ciri-ciri ini didapati sedikit sebanyak mempengaruhi keakraban hubungan dengan ibu. Data menunjukkan hubungan yang sangat baik dengan ibu berkurangan dari 40.3 peratus kepada 31.7 peratus bagi ibu yang liberal, hubungan yang kurang baik meningkat dari 2.8 peratus kepada 5.6 peratus bagi ibu yang bersifat konservatif. Walaubagaimana pun ciri-ciri ini didapati tidak memberi kesan ke atas hubungan antara bapa dengan anak remaja mereka.

### 5.1.2. Adolescents' Perception Toward Parent

A study conducted by NPFDB shows 37.0 per cent of the adolescents perceived both their parents as liberal, 49.0 per cent moderate and 14.0 per cent conservative. These characteristics to a certain extent influence the closeness in the relationship with their mother. Data shows that adolescent having very good relationship with their mother decreased from 40.3 per cent to 31.7 per cent and poor relationship increased from 2.8 per cent to 5.6 per cent for liberal and conservative mothers respectively. These characteristics bears no effect on the relationship between fathers and their adolescents.

Rajah 5.3 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Ibu Mengikut Ciri-ciri Ibu

Figure 5.3 : Percentage Distribution Of The Close Relationship Between Adolescent And Their Mother By Mothers' Characteristics




Sumber : LPPKN Malaysia ; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
Source : NPFDB Malaysia ; Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

### 5.1.3. Sifat Ibu Bapa

Lebih kurang 25 peratus daripada remaja merasakan yang ibu bapa mereka garang, 73.0 peratus tegas dan 97.0 peratus bertimbang rasa. KPSR mendapati sifat ibu bapa yang garang dan tegas tidak mempengaruhi keakraban hubungan dengan anak remaja mereka.

Penganalisaan selanjutnya mendapat keakraban hubungan berkurangan di kalangan ibu bapa yang tidak bertimbang rasa. Hubungan yang sangat baik dengan bapa merosot daripada 28.4 peratus kepada 16.4 peratus dan dengan ibu, ianya merosot daripada 37.1 peratus kepada 26.7 peratus. Sebaliknya, hubungan yang kurang baik dengan bapa meningkat dari 7.3 peratus kepada 13.4 peratus, manakala dengan ibu meningkat dari 4.0 peratus kepada 17.3 peratus. Implikasinya ialah sikap timbangrasa ibu dan bapa adalah penting dalam perhubungan antara anak dan ibu bapa.

Rajah 5.4 : Taburan Peratus Keakraban Hubungan Antara Remaja Dengan Kedua Ibu Bapa Mengikut Ibu Bapa Bertimbang Rasa Atau Tidak  
*Figure 5.4 : Percentage Distribution Of The Closeness In The Relationship Between Adolescent And Their Parents By Whether Parents Are Considerate Or Not*



Sumber: LPPKN Malaysia ; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
Source : NPEDB Malaysia ; Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

### 5.1.3. Nature of Parents

Approximately 25.0 per cent of the adolescents felt that their parents were fierce, 73.0 per cent firm and 97.0 per cent considerate. The SSBA found that the fierceness and the firmness of both parents does not influence the closeness in the relationship with their adolescents.

Further analysis revealed that the close relationship decreases among the inconsiderate parents. The very good relationship with father decreased from 28.4 per cent to 16.4 per cent and with mother, it decreased from 37.1 per cent to 26.7 per cent. On the other hand, the poor relationship with father increased from 7.3 per cent to 13.4 per cent, while with mother it increased from 4.0 per cent to 17.3 per cent. This implies that considerate attitude of parents is important in parent child relationship.

#### **5.1.4. Pengharapan Ibu Bapa**

Data dari KPSR menunjukkan 85.1 peratus daripada remaja pernah berbincang pengharapan ibu bapa terhadap mereka dalam aspek pendidikan, 66.9 peratus bantuan hari tua, 61.6 peratus pekerjaan dan 57.3 peratus bantuan kewangan apabila bekerja kelak.

##### **Pendidikan**

Hampir 73.0 peratus dari kalangan remaja yang pernah berbincang aspek pendidikan begitu yakin dapat m e m e n u h i pengharapan ibu bapa masing-masing. Keakraban hubungan dengan ibu dan bapa didapati tidak b a n y a a k mempengaruhi tahap keyakinan ini, begitu juga dengan strata tempat tinggal dan jantina remaja. Tahap keyakinan remaja walaupun bagaimanapun berbeza mengikut kumpulan umur dari 81.5 peratus bagi kumpulan umur 10-12 tahun kepada 54.1 peratus bagi 18-20 tahun. Ini menunjukkan apabila umur semakin matang maka keyakinan remaja terhadap keupayaannya memenuhi aspirasi ibu bapa mereka dalam aspek pendidikan ini menurun.

##### **Pekerjaan**

Dari jumlah remaja yang pernah berbincang pengharapan ibu bapa dalam aspek pekerjaan, 75.0 peratus menyatakan dapat memenuhiinya. Seperti aspek pendidikan, keakraban hubungan dengan ibu dan bapa, strata tempat tinggal dan jantina remaja tidak mempunyai hubungan langsung dengan tahap keyakinan mereka dalam memenuhi pengharapan ibu bapa dalam aspek pekerjaan.

#### **5.1.4. Parents' Aspiration**

*Data from SSBA shows 85.1 per cent of the adolescents ever discussed their parents' aspiration with them on educational aspect, 66.9 per cent on help during old age, 61.6 per cent on occupation and 57.3 per cent on financial help after they start work.*

##### **Education**

*About 73.0 per cent of the adolescents who have ever discussed on educational aspect have a high level of confidence in fulfilling their respective parent's aspiration. The closeness in the relationship with mother and father have no influence on the level of confidence, that goes with place of stay and sex of the adolescents. But the level of confidence of these adolescents differ according to age group from 81.5 per*

*cent for those in 10-12 years age-group to 54.1 per cent in 18-20 years old. It appears that as the adolescents get older their level of confidence in fulfilling their parent's aspiration on education decreases.*

##### **Occupation**

*Out of those adolescents who have ever discussed about their parents aspiration on occupation , 75.0 per cent said they can fulfill it. Like the educational aspect, the closeness in the relationship with mother and father, place of stay and sex of the adolescents do not have any correlation with the level of confidence in fulfilling their parent's aspiration on occupation.*



Jadual 5.1 : Taburan Peratus Tahap Keyakinan Remaja Dalam Memenuhi Pengharapan Ibu Bapa Mengikut Kumpulan Umur Remaja Dan Isu Terpilih

Table 5.1 : Percentage Distribution Of The Confidence Level Of The Adolescents In Fulfilling Parents Aspiration By Age-group And Selected Issue

ISU TERPILIH/ TAHAP KEYAKINAN SELECTED ISSUES/ CONFIDENCE LEVEL	KUMPULAN UMUR AGE GROUP				SEMUA UMUR ALL AGES
	10 - 12	13 - 15	16 - 17	18 - 20	
(A) PENDIDIKAN <u>EDUCATION</u>					
Tidak No	4.0	6.3	12.4	25.1	9.1
Mungkin May Be	14.5	18.4	24.3	20.8	18.2
Ya Yes	81.5	75.3	63.3	54.1	72.7
(N = 100%)	822	620	338	307	2,087
(B) PEKERJAAN <u>OCCUPATION</u>					
Tidak No	2.0	3.9	7.5	10.1	4.8
Mungkin May Be	18.9	20.2	22.8	20.6	20.2
Ya Yes	79.1	75.9	69.7	69.3	75.0
(N = 100%)	561	440	254	257	1,512
(C) BANTUAN KEWANGAN <u>FINANCIAL HELP</u>					
Tidak No	0.4	0.2	1.4	2.6	0.9
Mungkin May Be	7.0	7.7	7.8	12.2	8.2
Ya Yes	92.5	92.1	90.8	85.2	90.9
(N = 100%)	559	401	217	219	1,405
(D) BANTUAN DI HARI TUA <u>OLD AGE HELP</u>					
Tidak No	0.3	0.0	0.0	0.4	0.2
Mungkin May Be	7.0	6.7	7.0	9.6	7.3
Ya Yes	92.7	93.3	93.0	90.0	92.5
(N = 100%)	640	508	243	249	1,640


Nota : Berasaskan bilangan responden yang pernah bincang sahaja  
Note : Based on the number of respondents who have ever discussed only

Sumber : LPPKN Malaysia : Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95

Source : NPTDR Malaysia : Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

Rajah 5.5 : Taburan Peratus Tahap Keyakinan Remaja Memenuhi Pengharapan Ibu Bapa Mengikut Isu Terpilih

Figure 5.5 : Percentage Distribution Of Adolescents' Level Of Confidence In Fulfilling Their Parents Aspiration By Selected Issues



Sumber : LPPKN Malaysia : Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95

Source : NPFDDB Malaysia : Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

### Bantuan Kewangan

Apabila ditanya tentang bantuan kewangan kepada ibu bapa selepas remaja mula bekerja, 91.0 peratus yakin dapat memenuhi pengharapan ibu bapa mereka. Variabel seperti keakraban hubungan dengan ibu dan bapa, tempat tinggal, umur dan jantina remaja mencatat korelasi yang lemah dengan tahap keyakinan ini. Ini bermakna pengaruh variabel-variabel ini terhadap keyakinan remaja tidak kuat.

### Bantuan Hari Tua

Data KPSR menunjukkan hampir 93.0 peratus begitu yakin dapat memenuhi pengharapan ibu bapa untuk membantu mereka di hari tua. Tahap keyakinan ini didapati tidak dipengaruhi oleh keakraban hubungan dengan ibu dan bapa, tempat tinggal, umur, etnik dan jantina remaja.

### Financial Help

When asked on whether the adolescents are able to help their parents after starting work, 91.0 per cent expressed confidence in fulfilling their parents aspiration. Variables such as closeness in the relationship with mother and father, place of stay, age and sex of adolescents showed a weak correlation with this level of confidence. This indicate that these variables do not have strong influence on the adolescents' level of confidence.

### Old Age Help

SSBA data shows approximately 93.0 per cent strongly believe that they could meet their parents' expectation to help them in their old age. This level of confidence has not been influenced by the closeness in the relationship with mother and father, place of stay, age, ethnic and sex of the adolescents.

### **5.1.5. Perhatian Ibu Bapa**

Ibu bapa sepatutnya memberi perhatian penuh terhadap setiap gerak-laku anak remaja mereka. Hasil Kajian LPPKN menunjukkan peratusan ibu yang memberi perhatian ke atas beberapa perkara tertentu sentiasa tinggi apabila dibandingkan dengan bapa. Juga terdapat ada korelasi antara perhatian ini dengan keakraban hubungan dengan ibu dan bapa, khususnya di kalangan bapa.

#### **Berpakaian**

Terdapat hanya 62.4 peratus di kalangan bapa memberi perhatian terhadap cara anak remaja mereka berpakaian berbanding 76.6 peratus di kalangan ibu. Bapa yang tidak memberi perhatian terhadap cara anak remaja mereka berpakaian mencatat hubungan kurang baik yang tinggi iaitu 11.5 peratus berbanding 5.7 peratus di kalangan yang beri perhatian.

#### **Bahan Bacaan**

Peratusan ibu bapa yang memberi perhatian terhadap bahan bacaan anak remaja mereka masih rendah, iaitu 72.0 peratus dan 68.0 peratus masing-masing bagi ibu dan bapa. Keakraban hubungan khususnya yang kurang baik dengan kedua ibu bapa adalah tinggi di kalangan yang tidak memberi perhatian. Peratusan masing-masing ialah 5.1 peratus dan 14.3 peratus bagi ibu dan bapa.

#### **Berkawan**

Lebih daripada tiga per empat (77.0 peratus) bapa dan 86.0 peratus ibu memberi perhatian terhadap siapa kawan anak remaja mereka. Bapa yang tidak beri perhatian terhadap perkara ini mempunyai hubungan kurang baik dengan anak remaja mereka yang tinggi iaitu 17.5 peratus berbanding 5.7 peratus di kalangan bapa yang beri perhatian. Corak yang sama didapati dikalangan ibu tetapi dengan peratusan yang lebih rendah.

### **5.1.5. Parents Attention**

*Parents should supervise their adolescents behaviour. NPFDB's study findings show that the proportion of mothers who supervise their adolescents specific behaviour is always high when compared to fathers. There is a correlation between the attention given with closeness of the relationship with mother and father, especially fathers.*

#### **Dressing**

*Only 62.4 per cent of the fathers give attention to the way their adolescents dress up compared to 76.6 per cent by the mother. Fathers who did not give attention to their adolescents dressing recorded a high percentage of poor relationship that is 11.5 per cent compared to 5.7 per cent among those who give attention.*

#### **Reading Materials**

*The proportion of parents who give attention to the reading materials of their adolescents is low, that is 72.0 per cent and 68.0 per cent by mothers and fathers respectively. The poor relationship with both parents are high among those who did not give attention. Their percentages are 5.1 per cent and 14.3 per cent for mothers and fathers respectively.*

#### **Friends**

*More than three quarters of fathers (77.0 per cent) and 86.0 per cent of mothers did give attention with whom their adolescents make friends. Fathers who did not give attention to this issue have a high percentage of poor relationship with their adolescents, that is 17.5 per cent compared to 5.7 per cent among those who give attention. A similar pattern was found among mother but with lower percentages.*

## Kesopanan


Ibu mencatat peratusan memberi perhatian yang tinggi terhadap kesopanan anak remaja mereka iaitu 93.3 peratus berbanding 86.5 peratus di kalangan bapa. Hubungan dengan kedua ibu bapa khususnya yang kurang baik didapati tinggi di kalangan yang tidak memberi perhatian terhadap perkara ini. Peratusan masing-masing ialah 9.2 peratus dan 23.5 peratus bagi ibu dan bapa.

## Manners

Mothers recorded a high percentage who give attention to the way their adolescents behave, that is 93.3 per cent compared to 86.5 per cent among fathers. The relationship especially the poor relationship with both parents are high among those who did not give attention to this issue. Their percentages are 9.2 per cent and 23.5 per cent for mothers and fathers respectively.

Rajah 5.6 : Peratus Remaja Yang Mempunyai Hubungan Kurang Baik Dengan Ibu Bapa Mengikut Samada Ibu Bapa Beri Perhatian Atau Tidak Kepada Beberapa Perkara Terpilih

Figure 5.6 : Percentage Adolescents Having Poor Relation With Mother And Father By Whether Parents Give Attention Or Not On Selected Items



Sumber : LPPKN Malaysia ; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
 Source : NPFDB Malaysia ; Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

### **5.1.6. Sikap Remaja**

Kajian oleh LPPKN ini juga menunjukkan lebih dari 70.0 peratus remaja dalam kajian ini meminta izin ibu bapa mereka sebelum melakukan sesuatu aktiviti sosial. Hubungan dengan ibu bapa khususnya yang kurang baik didapati mempengaruhi remaja untuk meminta izin atau tidak.

#### **Pergi Berdisko**

Hampir 82.0 peratus remaja yang pergi berdisko meminta izin ibu bapa mereka terlebih dahulu. Hasil kajian seterusnya mendapati peratusan yang mempunyai hubungan kurang baik dengan ibu dan bapa kurang meminta izin. Peratus remaja yang mempunyai hubungan kurang baik dengan bapa kurang meminta izin iaitu 13.1 peratus tidak minta izin berbanding 7.3 peratus minta izin dan dengan ibu 7.7 peratus tidak minta izin dan 4.0 peratus minta izin.

#### **Tidur Di Rumah Kawan**

Peratus remaja yang meminta izin ibu bapa untuk tidur di rumah kawan agak tinggi iaitu 86.0 peratus. Peratusan yang mempunyai hubungan kurang baik dengan bapa tidak minta izin iaitu 14.5 peratus. Hanya 7.6 peratus minta izin. Coraknya adalah sama bagi ibu tetapi peratusannya adalah lebih rendah.

#### **Keluar Dengan Teman Istimewa**

Terdapat 72.0 peratus remaja meminta izin ibu bapa untuk keluar dengan teman istimewa masing-masing. Keakraban hubungan dengan ibu dan bapa tidak banyak mempengaruhi sikap remaja untuk meminta izin atau tidak bagi aktiviti sosial ini.

### **5.1.6. Adolescents Attitude**

*The study by NPFDDB also shows more than 70.0 per cent of the adolescents in this study did ask their parents' permission before doing certain social activities. The relationship especially the poor relationship with parent was found to have influence on the adolescents attitude on whether to ask for permission or not.*

#### ***Going For A Disco***

*Approximately 82.0 per cent of the adolescents who went for a disco did ask their parents for permission. Further analysis shows the proportion of adolescents having poor relationship with father tend to not permission to go for a disco 13.1 per cent compared to those who asked permission from father 7.3 per cent. Similar pattern is observed with mother but the percentages are lower i.e 7.7 per cent did not ask permission and 4.0 percent asked permission.*

#### ***Sleep At Friend's House***

*The proportion of adolescents who did ask their parents' permission to sleep at their friends' house is quite high that is 86.0 per cent. The proportion having poor relationship with father who did not ask permission was 14.5 per cent and those who asked was 7.6 per cent. The pattern is the same with mother but the percentages are lower.*


#### ***Going Out With Special Boy Or Girl Friend***

*It was found that 72.0 per cent of the adolescents did ask their parents' permission to go out with their special boy or girl friend. The closeness in the relationship with mother and father does not have much influence on the adolescents attitude towards this social activity.*


Rajah 5.7 : Peratus Remaja Yang Mempunyai Hubungan Kurang Baik Dengan Bapa Dan Ibu Mengikut Samada Minta Izin Atau Tidak Untuk Melakukan Aktiviti Sosial Terpilih

Figure 5.7 : Proportion Of Adolescents Having Poor Relationship With Father And Mother By Whether Ask Permission Or Not To Do Selected Social Activities

(a) Pergi Berdisko *Going For A Disco*



(b) Tidur Di Rumah Kawan *Sleep At Friends' House*



(c) Keluar Dengan Teman Istimewa *Going Out With Special Boy or Girl Friend*



Tidak Minta Izin  
Never Ask Permission



Maklum Sahaja  
Just Inform



Minta Izin  
Asked Permission

Sumber : LPPKN Malaysia ; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95

Source : NPFD Malaysia ; Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescent, 1994/95

## 5.2. Remaja Dan Rakan Sebaya


Kajian yang dijalankan oleh LPPKN mendapati remaja lebih selesa berbincang dengan rakan sebaya berhubung perkara-perkara sult dan peribadi seperti pergaulan bebas, hubungan seksual dan mimpi. Sebaliknya pula perkara-perkara seperti perubahan fizikal semasa akil baligh dan haid, remaja lebih suka berbincang dengan ibu bapa khususnya ibu.

## 5.2. Adolescent And Peer Group

The study conducted by NPFDB shows that adolescents are more comfortable discussing with peer group regarding personal and confidential matters such as sexual relations, freedom and wet dreams. Matters such as physical changes during puberty and menstruation, adolescents prefer discussing them with parents especially mother.

Rajah 5.8 : Peratus Remaja Yang Berbincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Bagi Perkara Tertentu.

Figure 5.8 : Percentage Of Adolescents Ever Discussed With Parent And Peer Group For Selected Issues.



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesehatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996  
Source : NPFDB Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

### 5.2.1. Akil Baligh


Dari sejumlah 68.5 peratus remaja yang pernah bincang tentang perubahan fizikal semasa akil baligh, 54.3 peratus berbincang dengan ibu bapa dan 31.6 peratus dengan rakan sebaya. Peratusan yang berbincang dengan rakan sebaya meningkat dengan umur dari 17.7 peratus (10-12 tahun) kepada 40.4 peratus (18-20 tahun). Sebaliknya, peratusan yang berbincang dengan ibu bapa berkurangan dari 68.0 peratus kepada 47.0 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun.

### 5.2.1. Puberty

*Out of 68.5 per cent adolescents who ever discussed the physical changes during puberty, 54.3 per cent discussed with parents and 31.6 per cent with peer group. The proportion who discussed with peer group increases with age from 17.7 per cent (10-12 years) to 40.4 per cent (18-20 years). On the other hand, the proportion who discussed with parents decreased from 68.0 per cent to 47.0 per cent for age-groups 10-12 years and 18-20 years respectively.*

Rajah 5.9 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Perubahan Fizikal Semasa Akil Baligh Mengikut Kumpulan Umur Remaja

Figure 5.9 : Proportion Of Adolescent Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Physical Changes During Puberty By Age-group Of Adolescent



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesehatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996  
Source : NPFDB Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

Remaja lelaki agak selesa berbincang tentang perubahan ini dengan rakan sebaya berbanding perempuan, peratusan masing-masing ialah 43.4 peratus dan 22.6 peratus. Keakraban hubungan dengan kedua ibu bapa boleh mempengaruhi kecenderungan remaja untuk berbincang dengan rakan sebaya mereka. Peratusan yang berbincang dengan rakan sebaya di kalangan yang mempunyai hubungan kurang baik dengan ibu ialah 39.7 peratus berbanding 27.6 peratus bagi sangat baik. Bagitu juga yang mempunyai hubungan kurang baik dengan bapa, peratusan yang berbincang dengan rakan sebaya ialah 38.8 peratus berbanding 26.8 peratus bagi mereka yang mempunyai hubungan sangat baik.

### 5.2.2. Haid

Lebih sedikit dari separuh (51.3 peratus) remaja pernah berbincang tentang haid. Dari jumlah tersebut 57.6 peratus berbincang dengan ibu bapa dan 20.7 peratus dengan rakan sebaya. Remaja perempuan lebih gemar membincangkan perkara ini. Peratusan pernah berbincang di kalangan remaja perempuan ialah 80.6 peratus.

Peratusan berbincang dengan rakan sebaya didapati meningkat dengan umur, dari 11.7 peratus (10-12 tahun) kepada 29.5 peratus (18-20 tahun). Manakala yang berbincang dengan ibu bapa berkurangan dari 67.1 peratus kepada 51.5 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun.

Peratusan yang berbincang dengan rakan sebaya didapati berkurangan dengan keakraban hubungan dengan kedua ibu bapa. Bagi mereka yang akrab, perbincangan dengan rakan sebaya berkurangan dari 23.5 peratus bagi hubungan kurang baik dengan ibu kepada 16.5 peratus di kalangan yang mempunyai hubungan sangat baik dengan ibu. Sementara dengan bapa, coraknya adalah dari 25.0 peratus kepada 16.2 peratus.

*The boys feel more comfortable discussing these changes with peer group compared to girls and their proportion are 43.4 per cent and 22.6 per cent respectively. The closeness in the relationship with both parents can influence the tendency of the adolescents to discuss with peer group. The proportion who discussed with peer group among those having poor relationship with mother is 39.7 per cent compared to 27.6 per cent among those having very good relationship. While those having poor relationship with father, the proportion who discussed with peer group was 38.8 per cent compared to 26.8 per cent among those having very good relationship with father.*


### 5.2.2. Menstruation

*Slightly more than half (51.3 per cent) of the adolescents ever discussed menstruation. 57.6 per cent of them discussed with parents and 20.7 per cent with peer group. Girls are more likely to discuss this issue. The proportion who ever discussed among the girls was 80.6 per cent.*

*The proportion who discussed with peer group was found to increase with age, from 11.7 per cent (10-12 years) to 29.5 per cent (18-20 years). Meanwhile the proportion who discussed with parents decreased from 67.1 per cent to 51.5 per cent for age-group 10-12 years and 18-20 years old respectively.*

*The proportion who discussed with peer group was found to be decreasing when the relationship with both parents is close. Those who are close with mothers, the proportion who discussed with peer group decreased from 23.5 per cent among those having poor relationship with mother to 16.5 per cent for those having very good relationship. While with father, the pattern was a decrease from 25.0 per cent to 16.2 percent.*

Rajah 5.10 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Haid Mengikut Kumpulan Umur Remaja  
 Figure 5.10 : Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Menstruation By Age-group Of Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesihatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996  
 Source : NPTDR Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

### 5.2.3. Ihtilam

Lebih sedikit dari satu per empat (26.0 peratus) remaja berumur 10-20 tahun pernah berbincang tentang ihtilam atau mimpi basah. Dari jumlah tersebut 50.5 peratus berbincang dengan rakan sebaya dan 31.6 peratus dengan ibu bapa. Seperti dijangkakan peratus pernah berbincang perkara ini adalah tinggi di kalangan remaja lelaki (30.7 peratus).

Kecenderungan membincangkan perkara ini dengan ibu bapa dan rakan setaya banyak dipengaruhi oleh umur remaja. Kajian menunjukkan peratusan yang bincang dengan rakan sebaya meningkat dari 25.8 peratus (10-12 tahun) kepada 65.5 peratus (18-20 tahun). Sebaliknya, peratus yang berbincang dengan ibu bapa pula berkurangan dari 50.0 peratus kepada 19.4 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun.

### 5.2.3. Wet Dreams

*Slightly more than a quarter (26.0 per cent) of the adolescents aged 10-20 years ever discussed wet dreams. Out of these, 50.5 per cent ever discussed with peer group and 31.6 per cent with parents. As expected the proportion ever discussed this issue is high among the boys (30.7 percent).*

*The tendency to discuss this issue with parents and peer group is influenced by the age of the adolescents. Study shows the proportion who discussed with peer group increased from 25.8 per cent (10-12 years) to 65.5 per cent (18-20 years). On the other hand, the proportion who discussed with parents decreased from 50.0 per cent to 19.4 per cent for those in the age-group 10-12 years and 18-20 years respectively.*

Rajah 5.11 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Tentang Ihtilam Mengikut Kumpulan Umur Remaja  
 Figure 5.11 : Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Wet Dreams By Age-group Of Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesihatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996  
 Source : NPFDB Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

Data juga menunjukkan peratusan yang berbincang dengan rakan sebaya berkurangan dari 53.0 peratus kepada 47.0 peratus masing-masing bagi yang mempunyai hubungan kurang baik dan sangat baik dengan ibu. Sementara dengan bapa pula, peratusnya berkurangan dari 54.0 peratus kepada 43.0 peratus masing-masing bagi hubungan kurang baik dan sangat baik.

#### 5.2.4. Hubungan Seksual


Dari sejumlah 27.0 peratus remaja yang pernah berbincang tentang hubungan seksual, hanya 22.0 peratus membincangkannya dengan ibu bapa dan 53.0 peratus berbincang dengan rakan sebaya. Peratus berbincang dengan rakan sebaya didapati tinggi di kalangan remaja lelaki (63.0 peratus) berbanding perempuan (43.0 peratus).

*Data also shows that the proportion who discussed with peer group decreased from 53.0 per cent to 47.0 per cent for those having poor and very good relationships with mother. While with father, the proportion decreased from 54.0 per cent to 43.0 per cent for those having poor and very good relationships.*

#### 5.2.4. Sexual Relationship

*Out of 27.0 per cent of the adolescents who ever discussed about sexual relationship, only 22.0 per cent discussed with parents and 52.0 per cent with peer group. The proportion who discussed with peer group was found to be higher among the boys (63.0 percent) than the girls (43.0 percent).*

Rajah 5.12 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa dan Rakan Sebaya Tentang Hubungan Seksual Mengikut Kumpulan Umur Remaja  
 Figure 5.12 : Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group Regarding Sexual Relationship By Age-Group Of Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesihatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996

Source : NPFDB Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

Keseluruhananya peratusan pernah berbincang perkara ini didapati meningkat dengan umur, dari 10.2 peratus (10-12 tahun) kepada 43.0 peratus (18-20 tahun). Sementara peratusan berbincang dengan rakan sebaya meningkat dengan lebih ketara dari 24.0 peratus kepada 71.3 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun. Sebaliknya, peratusan berbincang dengan ibu bapa menurun dengan mendak dari 54.0 peratus (10-12 tahun) kepada 20.5 peratus (13-15 tahun) dan stabil pada 14.6 peratus (18-20 tahun). Ini menunjukkan umur amat penting dalam menentukan dengan siapa remaja lebih selesa berbincang tentang hubungan seksual. Semakin meningkat umur remaja semakin berkurangan remaja berbincang tentang perkara seksual dengan ibu bapa.

Kecenderungan membincangkan perkara ini dengan ibu bapa dan rakan sebaya banyak dipengaruhi oleh keakraban hubungan dengan ibu dan bapa. Peratusan berbincang dengan rakan sebaya berkurangan dari 58.3 peratus kepada 43.6 peratus masing-masing bagi remaja yang mempunyai hubungan kurang

*Overall, the proportion who ever discussed this issue increases with age from 10.2 percent (10-12 years) to 43.0 per cent (18-20 years). While the proportion who discussed with peer group increased considerably from 24.0 per cent to 71.3 per cent for both age-groups 10-12 years and 18-20 years old. On the other hand, the proportion who discussed with parents decreased drastically from 54.0 per cent (10-12 years) to 20.5 per cent (13-15 years) and stabilized at 14.6 per cent (18-20 years). This shows that age is very important in determining with whom the adolescents feel comfortable to discuss this sexual relationship. The older the adolescents are the less they discuss sexual issues with their parents.*


*The tendency to discuss this issue with parents and peer group is being influenced by the closeness in relationship with mother and father. The proportion who discussed with peer group decreased from 58.3 per cent to 43.6 per cent for those having poor relationship and very good relationship with mother.*

baik dan sangat baik dengan ibu. Dan dengan bapa ianya berkurangan dari 62.7 peratus kepada 52.3 peratus masing-masing bagi remaja yang mempunyai hubungan kurang baik dan sangat baik. Perhubungan yang baik dan sangat baik antara remaja dan ibu bapa menggalakkan remaja berbincang dengan ibu bapa mereka.

#### 5.2.5. Pergaulan Bebas Lelaki Dan Perempuan

Separuh daripada remaja yang ditemubual menyatakan mereka pernah berbincang tentang pergaulan bebas lelaki dan perempuan. Sebahagian besar membincangkan perkara ini dengan rakan sebaya (60.0 peratus) dan hanya 27.0 peratus dengan ibu bapa. Mengikut etnik, semua remaja lebih suka memilih rakan sebaya untuk berbincang perkara ini dengan peratus tertinggi di kalangan remaja India (74.0 peratus) diikuti oleh Cina (65.0 peratus) dan Melayu (56.0 peratus).

Rajah 5.13 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa  
Dan Rakan Sebaya Tentang Pergaulan Bebas Lelaki  
Dan Perempuan Mengikut Kumpulan Umur Remaja  
*Figure 5.13 : Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents  
And Peer Group Regarding Boys And Girls On Unprohibited  
Mixing With The Opposite Sex By Age-group Of Adolescents*



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesihatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996

Source : NPFDB Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

*And with father, the proportion decreased from 62.7 per cent to 52.3 per cent both for those having poor relationship and very good relationship. Good relationship with parents influence adolescents to discuss with their parents.*

#### 5.2.5. Unprohibited Mixing Among Boys And Girls

*Half of the adolescents interviewed said they had ever discussed about boys and girls on unprohibited mixing. A large proportion discussed this issue with their peer group (60.0 per cent) and only 27.0 per cent did so with parents. Ethnically, adolescents from all ethnic groups preferred peer group to discuss this issue especially with Indian adolescent registering the highest proportion (74.0 per cent) followed by Chinese (65.0 per cent) and Malays (56.0 percent).*

Kajian menunjukkan kecenderungan membincangkan perkara ini dengan ibu bapa dan rakan sebaya dipengaruhi oleh umur remaja. Peratusan berbincang dengan rakan sebaya mengenai pergaulan bebas meningkat dari 42.3 peratus (10-12 tahun) kepada 70.0 peratus (18-20 tahun). Sebaliknya yang berbincang dengan ibu bapa berkurangan dari 44.5 peratus kepada 19.2 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun. Ini menunjukkan semakin meningkat umur, remaja lebih suka memilih rakan sebaya untuk berbincang perkara ini.

Di samping umur, keakraban hubungan dengan ibu bapa juga boleh mempengaruhi kecenderungan membincangkan perkara ini dengan ibu bapa atau rakan sebaya. Peratusan berbincang dengan rakan sebaya didapati berkurangan dari 70.0 peratus kepada 56.0 peratus masing-masing bagi yang mempunyai hubungan kurang baik dan sangat baik dengan ibu. Bagi remaja yang mempunyai hubungan kurang baik dan sangat baik dengan bapa pula, peratusannya berkurangan dari 63.0 peratus kepada 55.0 peratus. Ini menunjukkan semakin akrab hubungan dengan ibu dan bapa, kecenderungan berbincang dengan rakan sebaya berkurangan dan akibat dari itu kecenderungan berbincang dengan ibu bapa akan meningkat.

#### 5.2.6. Jika Ada Masalah

Jika ada masalah, kajian mendapati remaja lebih gemar berbincang dengan ibu bapa (60.0 peratus) berbanding dengan rakan sebaya (23.6 peratus). Walaubagaimana pun bagi mereka yang berbincang dengan rakan sebaya, mengikut etnik, peratusannya adalah tinggi lebih di kalangan remaja Cina (27.0 peratus) berbanding Melayu (22.8 peratus) dan India (18.8 peratus). Suatu keadaan di luar jangkaan ialah peratusan yang lebih tinggi di kalangan remaja perempuan (25.8 peratus) berbincang dengan rakan sebaya berbanding lelaki (21.3 peratus).

Perbincangan dengan rakan sebaya jika remaja mempunyai masalah didapati meningkat mengikut kumpulan umur dari 12.1 peratus (10-12 tahun) kepada 36.2 peratus (16-17 tahun) dan stabil pada 33.6 peratus (18-20 tahun).

*The study shows that the tendency to discuss this issue with parents and peer group is influenced by the age of the adolescents. The proportion who discussed with peer group regarding this issue increased from 42.3 per cent (10-12 years) to 70.0 per cent (18-20 years). On the other hand, the proportion who discussed with parents decreased from 44.5 per cent to 19.2 per cent for age-groups 10-12 years and 18-20 years respectively. This shows that as the age increases, the more the adolescents prefer to discuss this issue with peer group.*

*Besides the age, closeness of the relationship with parents can also influence the tendency to discuss this issue with parents or peer group. The proportion who discussed with peer group decreased from 70.0 per cent to 56.0 per cent for those having poor relationship and very good relationship with mother respectively. For those having poor relationship and very good relationship with father, the proportion decreased from 63.0 per cent to 55.0 per cent respectively. This shows the closer the relationship with mother and father, the less tendency for adolescents to discuss this issue with peer group and consequently the tendency to discuss with both parents will increase.*

#### 5.2.6. If Having Problems

*When having problem, the study found that the adolescent would prefer to discuss with parents (60.0 per cent) rather than peer group (23.6 per cent). However for those who discussed with peer group, ethnically, the proportion was higher among the Chinese adolescents (27.0 per cent) compared to Malays (22.8 per cent) and Indian (18.8 per cent). Surprisingly the proportion was also higher among the girls (25.8 per cent) compared to boys (21.3 percent).*

*Discussion with peer group when adolescents have problem was found to be increasing by age-group from 12.1 per cent among 10-12 years old to 36.2 per cent for the 16-17 years old and stabilized at 33.6 per cent among the 18-20 years old.*

Akibat dari ini, kecenderungan berbincang dengan ibu bapa berkurangan dari 73.3 peratus (10-12 tahun) kepada 44.7 peratus (16-17 tahun) dan stabil pada 46.2 peratus (18-20 tahun). Ini menunjukkan semakin meningkat umur remaja semakin meningkat kecenderungan mereka untuk berbincang perkara ini dengan rakan sebaya dan semakin berkurangan kecenderungan berbincang dengan ibu bapa.

Rajah 5.14 : Peratus Remaja Yang Bincang Dengan Ibu Bapa Dan Rakan Sebaya Jika Mereka Ada Masalah Mengikut Kumpulan Umur Remaja

Figure 5.14 : Proportion Of Adolescents Who Discussed With Parents And Peer Group If They Are Having Problem By Age-group Of Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kesihatan Reproduktif Dan Seksualiti Remaja Malaysia, 1994/1996  
 Source : NPFDDB Malaysia - Study On Reproductive Health And Sexuality Of Adolescents In Malaysia, 1994/1996

Keakraban hubungan dengan ibu dan bapa juga didapati boleh mempengaruhi kecenderungan untuk berbincang tentang masalah dengan rakan sebaya. Data menunjukkan peratusan berbincang dengan rakan sebaya berkurang dari 31.4 peratus kepada 19.2 peratus masing-masing bagi remaja yang mempunyai hubungan kurang baik dan sangat baik dengan ibu. Peratusan di kalangan yang mempunyai hubungan kurang baik dan sangat baik dengan bapa pula ialah masing-masing 31.0 peratus dan 19.3 peratus. Ini menunjukkan semakin akrab hubungan dengan ibu dan bapa semakin berkurangan kecenderungan remaja berbincang dengan rakan sebaya tentang masalah mereka.

Consequently the tendency to discuss with parents declined from 73.3 per cent (10-12 years old) to 44.7 per cent (16-17 years old) and stabilized at 46.2 per cent (18-20 years old). This shows that as the age increases the tendency to discuss this issue with peer group also increases and the tendency to discuss with parents decreases.

The close relationship with mother and father was also found to have influenced the tendency to discuss problems with peer group. Data shows the proportion who discussed with peer group decreased from 31.4 per cent to 19.2 per cent for those adolescents having poor relationship and very good relationship with mother respectively. The proportion among those having poor relationship and very good relationship with father was 31.0 per cent and 19.3 per cent respectively. This shows that the closer the relationship with mother and father the less tendency for adolescents to discuss their problems with peer group.

### 5.3. Remaja Dan Media

Secara amnya media massa boleh dikategorikan kepada dua kategori, iaitu media elektronik dan media cetak. Fungsi utama media massa ialah untuk menyampaikan maklumat.


#### 5.3.1. Media Elektronik

##### 5.3.1.1. Televisyen

Melalui media elektronik seperti televisyen, segala maklumat penting dapat disampaikan dengan pantas dan berkesan. Antara program yang paling diminati oleh remaja ialah tayangan drama dan filem. Lebih dari separuh (51.5 peratus) remaja yang ditemui menyatakan mereka meminati rancangan ini, diikuti oleh rancangan hiburan nyanyian (10.8 peratus), berita (7.8 peratus), pendidikan (7.2 peratus) dan sukan (6.5 peratus). Rancangan keagamaan paling kurang diminati oleh remaja dengan hanya 2.1 peratus.

Rajah 5.15 : Taburan Peratus Rancangan Televisyen Yang Paling Diminati Oleh Remaja

Figure 5.15 : Percentage Distribution Of Enthusiastic Television Programs By Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia 1994/95.  
Source : NPEIDB Malaysia, Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescents 1994/95.

### 5.3. Adolescent And Media

Generally mass media can be categorised into two categories, that is electronic media and print media. The main function of the mass media is to disseminate messages.

#### 5.3.1. Electronic Media

##### 5.3.1.1. Television

Through electronic media such as television all important information can be transmitted fast and effectively. Among the programs that most enthused adolescents is drama and film. More than half (51.5 per cent) of the adolescents in the survey said so, followed by singing entertainment (10.8 per cent), news (7.8 per cent), educational program (7.2 per cent) and sport (6.5 per cent). Religious program seemed to be the least attractive to adolescents with only 2.1 per cent watching.

Umur, jantina, tempat tinggal dan hubungan dengan ibu dan bapa tidak banyak menentukan kecenderungan remaja meminati rancangan drama bersiri dan tayangan filem. Bagi rancangan hiburan nyanyian, kajian mendapati remaja Melayu dan Cina yang tinggal di bandar lebih berminat dengan rancangan ini. Kecenderungan mereka meningkat dengan umur dan di kalangan ibu bapa yang liberal.

Rancangan sukan pula, minat remaja meningkat mengikut umur dari 4.7 peratus di kalangan kumpulan umur 10-12 tahun kepada 9.0 peratus bagi 18-20 tahun. Remaja lelaki dari etnik India dan tinggal di bandar didapati lebih berminat dengan rancangan ini. Keakraban hubungan dengan ibu dan bapa didapati tidak mempengaruhi minat remaja terhadap rancangan ini.

### 5.3.2. Media Cetak

#### 5.3.2.1. Surat Khabar

Kajian menunjukkan 84.0 peratus remaja membaca surat khabar, memandangkan iaanya paling murah di antara penerbitan media cetak. Terdapat berbagai ruangan dalam surat khabar, dari ruangan agama hingga ke ruangan sukan, dari berita ekonomi hingga gosip artis hiburan dan banyak lagi.

Satu penemuan yang memberangsangkan di mana 36.0 peratus daripada remaja yang membaca surat khabar meminati ruangan berita dalam dan luar negara, berbanding ruangan sukan (23.4 peratus) dan hiburan (18.7 peratus).

#### Ruangan Berita

Kajian menunjukkan peratusan remaja yang meminati ruangan berita meningkat dengan umur remaja, dari 33.0 peratus di kalangan 10-12 tahun kepada 40.0 peratus bagi 18-20 tahun. Tempat tinggal dan keakraban hubungan dengan ibu dan bapa tidak banyak mempengaruhi minat ini. Walau bagaimanapun kecenderungan remaja perempuan Melayu mengatasi lelaki dan etnik lain.

*Age, sex, place of stay and relationship with mother and father have little influence on adolescents' strong interest for serial drama and film show program. For singing entertainment, the study found that Malay and Chinese adolescents residing in urban areas were very enthusiastic with this program. Their enthusiasm increases with age and among both parents who are liberal.*

*As for sport program, the enthusiasm increases with age from 4.7 per cent among age-group 10-12 years old to 9.0 per cent for those 18-20 years old. Male adolescents of Indian ethnicity and residing in urban areas was found to be very enthusiastic with this program. The closeness in the relationship with mother and father have no influence on the enthusiasm for this program.*

### 5.3.2. Print Media

#### 5.3.2.1. News Paper

*The study shows that 84.0 per cent of the adolescents read newspaper, since it is the cheapest among the printed media. There are various columns in the newspaper, from religious column to sports column, from economic news to entertaining artists, gossip and others.*

*One encouraging finding was where 36.0 per cent of the adolescents who read newspaper have strong liking for local and international news column, compared to sport column (23.4 per cent) and entertainment (18.7 per cent).*

#### News Column

*Study shows the proportion of adolescents who read the news column increases with age, from 33.0 per cent among 10-12 years old to 40.0 per cent for 18-20 years old. Place of stay and the closeness in the relationship with mother and father have little influence on this interest. But the strong interest among girls and Malay adolescents for this column supersedes boys and other ethnic groups.*

## Ruangan Sukan

Peratusan remaja lelaki yang meminati ruangan sukan adalah tiga setengah kali ganda lebih tinggi dari perempuan. peratus masing-masing ialah 38.7 peratus dan 8.6 peratus. Mengikut etnik, remaja Melayu mencatat peratus tertinggi meminati ruangan ini dengan 31 peratus berbanding 19 peratus dan 18 peratus masing-masing bagi remaja Cina dan India. Tempat tinggal, umur dan keakraban hubungan dengan ibu dan bapa tidak banyak mempengaruhi minat remaja terhadap ruangan ini.

## Ruangan Hiburan

Remaja Cina mencatat peratusan yang tinggi meminati ruangan hiburan dengan 28.0 peratus berbandingan 17.0 peratus dan 8.0 peratus masing-masing bagi Melayu dan India. Kajian juga menunjukkan minat ruangan ini meningkat dengan umur dari 13.0 peratus (10-12 tahun) kepada 23.0 peratus (18-20 tahun) dan tinggi di kalangan perempuan iaitu 23.0 peratus, berbanding 14.0 peratus di kalangan lelaki. Keakraban hubungan dengan ibu dan bapa tidak banyak mempengaruhi minat remaja terhadap ruangan ini.

## Sport Column


The proportion of boys interested in sport column is three and half folds higher than girls, their percentages are 38.7 per cent and 8.6 per cent respectively. By ethnicity, Malay adolescents registered the highest proportion interested in this column with 31 per cent compared to 19 per cent and 18 per cent for Chinese and Indians respectively. Place of stay, age and closeness in the relationship with mother and father have little influence on their enthusiasm for this column.

## Entertainment Column

The Chinese adolescent recorded the highest percentage of interest in entertainment column with 28.0 per cent compared to 17.0 per cent and 8.0 per cent for Malays and Indians respectively. The study also shows the enthusiasm for this column increases with age from 13.0 per cent (10-12 years old) to 23.0 per cent (18-20 years old) and high among the girls, that is 23.0 per cent as against 14.0 per cent for boys. The closeness in the relationship with mother and father have little influence on the adolescents' enthusiasm for this column.

Rajah 5.16 : Taburan Peratus Ruangan Akhbar Yang Paling Diminat Oleh Remaja


Figure 5.16 : Percentage Distribution Of Enthusiastic Newspaper Column By Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia 1994/95.  
Source : NPFDDB Malaysia, Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescents 1994/95.

Rajah 5.17 : Peratus Remaja Yang Meminati Ruangan Akhbar Tertentu Mengikut Etnik

Figure 5.17 : Percentage Of Adolescents Who Show Enthusiasm In Selected Column Of Newspaper By Ethnic



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia 1994/95.

Source : NPFDB Malaysia, Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescents 1994/95

### 5.3.2.2. Majalah

Terdapat pelbagai jenis majalah di pasaran samada yang diterbitkan oleh penerbit tempatan atau luar negara. Ada majalah ilmiah dan ada juga majalah hiburan dan tidak kurang yang berunsur lucuah.

#### Majalah Ilmiah

Hampir 46.0 peratus remaja membaca majalah ilmiah dalam sebulan yang lepas, dengan remaja perempuan dan yang tinggal di bandar mencatat peratusan yang tinggi masing-masing 48.3 peratus dan 51.0 peratus. Tabiat membaca majalah ilmiah di kalangan remaja didapati berkurangan dengan meningkatnya umur dari 52.0 peratus (10-12 tahun) kepada 31.0 peratus (18-20 tahun).

### 5.3.2.2. Magazine

*There are various types of magazine available in the market which are either published locally or imported. There are educational and entertainment magazines and not least some pornographic magazines.*

#### Educational Magazine


*Approximately 46.0 per cent of the adolescents ever read educational magazines in the last one month, with girls and those who reside in urban areas registering a high proportion of 48.3 per cent and 51.0 per cent respectively. Reading habit on educational magazines among the adolescents declines with age from 52.0 percent (10-12 years old) to 31.0 percent (18-20 years old).*

Hubungan kekeluargaan khususnya keakraban hubungan dengan bapa mencatat hubungan yang positif dengan tabiat ini. Peratus yang membaca majalah ilmiah meningkat dari 36.0 peratus (hubungan kurang baik) kepada 51.5 peratus (hubungan sangat baik). Etnik remaja didapati tiada kaitan dengan kecenderungan remaja untuk membaca majalah ini.

*Family relationship especially the closeness in the relationship with father has positive relation with this habit. The proportion who read educational magazine increases from 36.0 per cent (poor relationship) to 51.5 per cent (very good relationship). The ethnic background of the adolescents does not have any relation with this habit of reading educational magazines.*

Rajah 5.18 : Peratus Remaja Yang Membaca Majalah Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Majalah

Figure 5.18 : Proportion Of Adolescents Who Read Magazine By Age-group And Type Of Magazine



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia 1994/95.  
 Source : NPFDDB Malaysia, Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescents 1994/95

## **Majalah Hiburan**

Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia 1994/95 mendapati 35.0 peratus remaja membaca majalah hiburan dalam sebulan sebelum kajian. Remaja dari etnik Melayu, jantina perempuan dan tempat tinggal di bandar mencatat peratus membaca majalah hiburan yang tinggi, peratusan masing-masing ialah 39.8 peratus, 37.5 peratus dan 38.4 peratus. Tabiat suka membaca majalah hiburan didapati mempunyai hubungan positif dengan umur remaja, di mana ianya meningkat dari 27.0 peratus (10-12 tahun) kepada 44.0 peratus (18-20 tahun). Suatu hubungan yang tidak diduga iaitu hubungan positif antara kecenderungan membaca majalah hiburan dengan hubungan kekeluargaan khususnya dengan ibu. Peratusan membaca majalah hiburan meningkat dengan meningkatnya keakraban hubungan dengan ibu iaitu dari 25.0 peratus (hubungan kurang baik) kepada 37.0 peratus (hubungan sangat baik).

## **Majalah/Gambar Lucah**

Kajian tersebut juga mendapati 10.5 peratus remaja pernah membaca atau melihat majalah atau gambar lucah dalam sebulan sebelum kajian. Remaja Melayu dan jantina lelaki mencatat peratus yang tinggi iaitu masing-masing 11.8 peratus dan 14.0 peratus. Remaja yang samada tinggal di bandar atau luar bandar mempunyai peluang yang sama mendapatkan bahan lucah ini. Kajian selanjutnya menunjukkan tabiat membaca atau melihat bahan lucah meningkat dari 3.1 peratus dikalangan umur 10-12 tahun kepada 26.5 peratus dikalangan umur 18-20 tahun. Dan ianya berkurangan dengan keakraban hubungan dari 16.6 peratus di kalangan yang mempunyai hubungan kurang baik dengan bapa kepada 8.9 peratus di kalangan hubungan yang sangat baik.


## **Entertainment Magazine**

*The Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescents 1994/95 found that 35.0 per cent of the adolescents ever read entertainment magazine in the last one month prior to the study. Malay, female adolescents living in urban areas recorded a high proportion of ever reading entertainment magazine, with 39.8 per cent, 37.5 per cent and 38.4 per cent respectively. The habit of reading entertainment magazine was found to have positive relation with age, where the proportion increases from 27.0 per cent among the 10-12 years old to 44.0 per cent among the 18-20 years old. There is a positive relation between the tendency to read entertainment magazine and family relationship especially the closeness in the relationship with mother. The proportion who ever read entertainment magazine increases with the closeness in the relationship with mother, that is from 25.0 per cent (poor relationship) to 37.0 per cent (very good relationship).*

## **Pornographic Magazine/Picture**

*The study also found that 10.5 per cent of the adolescents ever read or seen pornographic magazine or picture in the last one month prior to the study. Malays and male registered a high proportion, that is 11.8 per cent and 14.0 per cent respectively. Adolescents whether residing in urban or rural areas, have equal access to this pornographic materials. Further investigation shows the habit of reading or seeing pornographic materials increased from 3.1 per cent among the 10-12 years old to 26.5 per cent among the 18-20 years old. And it decreased with closeness of relationship from 16.6 per cent among those having poor relationship with father to 8.9 per cent among those having very good relationship.*

Rajah 5.19 : Peratus Remaja Yang Membaca Majalah Mengikut Keakraban Hubungan Dengan Ibu Bapa Dan Jenis Majalah  
 Figure 5.19 : Proportion Of Adolescents Who Read Magazine By Closeness Of Relationship With Parent And Type Of Magazine



Sumber : LPPKN Malaysia, Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia 1994/95.  
 Source : NPFDDB Malaysia, Survey on Social Behaviour of Malaysian Adolescents 1994/95

## 5.4. Aspirasi Remaja

Liputan aspirasi remaja di sini adalah bagi mengetahui tanggapan mereka terhadap tahap akademik minimum untuk keselesaan hidup di masa hadapan, kerjaya dan umur perkahwinan pertama.

### 5.4.1. Tahap Akademik Minimum

Lebih dari separuh (59.0 peratus) remaja beranggapan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) merupakan tahap akademik minimum untuk keselesaan hidup di masa hadapan. Corak yang hampir sama diperhatikan antara remaja lelaki dan perempuan, dan mereka yang tinggal di bandar dan di luar bandar.

Jadual 5.2 : Taburan Peratus Tanggapan Remaja Terhadap Tahap Akademik Minimum Mengikut Jantina Dan Lapisan Tempat Tinggal

Table 5.2 : Percentage Distribution Of Adolescents' Perception Towards Minimum Academic Level By Sex And Stratum

TAHAP AKADEMIK MINIMUM MINIMUM ACADEMIC LEVEL	JANTINA SEX		LAPISAN STRATUM		SEMUA REMAJA ALL ADOLESCENTS
	Lelaki Boys	Perempuan Girls	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	
SRP/PMR (LCE/LSA)	7.4	5.2	5.4	7.3	6.3
SPM/SPMV (MCE/MCEV)	35.0	34.8	34.6	35.2	34.9
STPM (HSC)	14.4	16.5	14.2	16.6	15.4
Sijil Teknikal ( <i>Technical Certificate</i> )	1.7	0.4	1.1	1.1	1.1
Diploma ( <i>Diploma</i> )	8.1	7.3	8.4	7.1	7.7
Ijazah ( <i>Degree</i> )	31.6	35.1	35.0	31.7	33.4
Lain-Lain ( <i>Others</i> )	1.7	0.8	1.3	1.1	1.2
Jumlah (N=100%) Total	1,230	1,204	1,222	1,212	2,434

Nota : Tidak termasuk 21 kes di mana tahap akademik mereka tidak diperolehi

Note : Excludes 21 cases where their academic level not available

Sumber : LPPKN Malaysia; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95

Source : NPFDB Malaysia; Study On Social Behaviour Of Adolescents In Malaysia, 1994/95

## 5.4. Adolescents Aspiration

The coverage for the aspiration of the adolescents here is to understand their perception towards minimum academic level for a comfortable living in the future, career and the age at first marriage.

### 5.4.1. Minimum Academic Level


More than half (59.0 per cent) of the adolescents perceived that Higher School Certificate (HSC) is the minimum academic level for a comfortable living in the future. Similar pattern was observed among boys and girls, and between those who resides in urban and rural areas.

Terdapat satu corak yang menarik di mana peratus yang beranggapan SPM dan Diploma sebagai tahap akademik minimum untuk keselesaan hidup meningkat dengan umur. Ini menunjukkan remaja yang berumur lebih matang mempunyai tanggapan tahap pendidikan yang lebih tinggi untuk kehidupan yang lebih selesa dimasa hadapan berbanding dengan remaja yang berumur lebih muda. Peratusan yang beranggapan SPM sebagai tahap minimum akademik meningkat dari 29.5 peratus bagi kumpulan umur 10-12 tahun kepada 48.5 peratus bagi kumpulan umur 18-20 tahun dan Diploma dari 4.7 peratus kepada 11.0 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun. Manakala yang beranggapan Ijazah sebagai tahap minimum akademik berkurangan dari 40.3 peratus dikalangan mereka berumur 10-12 tahun kepada 20.8 peratus bagi kumpulan umur 18-20 tahun.

*There was an interesting pattern where the proportion who perceived MCE and Diploma as the minimum academic level for a comfortable living increases by age. This shows the adolescents in the more mature age-group perceived a higher level of educational attainment for a comfortable living in the future compared to younger adolescents. The proportion who perceived MCE as the minimum academic level increased from 29.5 per cent among the 10-12 years old to 48.5 per cent among the 18-20 years old and for Diploma from 4.7 per cent to 11.0 per cent for age-groups 10-12 years old and 18-20 years old respectively. While the proportion who perceived degree as the minimum academic level decreased from 40.3 per cent among the 10-12 years old to 20.8 per cent among the 18-20 years old.*

Rajah 5.20 : Peratus Tanggapan Remaja Terhadap Tahap Akademik Minimum Terpilih Mengikut Umur Remaja

Figure 5.20 : Percentage Of Adolescents' Perception Towards Selected Minimum Academic Level By Age Of Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
 Source : NPFDB Malaysia; Study On Social Behaviour Of Adolescents In Malaysia, 1994/95

Kajian seterusnya mendapati peratusan yang beranggapan Ijazah sebagai tahap pendidikan minimum bagi keselesaan hidup di masa hadapan adalah tinggi di kalangan remaja India dengan 38.4 peratus, diikuti oleh remaja Melayu dan Cina masing-masing dengan 34.9 peratus dan 28.2 peratus. Juga didapati remaja India mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi iaitu 83.0 peratus untuk mencapai aspirasi ini, diikuti oleh Melayu (79.0 peratus) dan Cina (53.0 peratus). Tahap keyakinan yang tinggi untuk mencapai harapan tahap pendidikan yang tinggi di kalangan remaja dari kumpulan umur muda adalah satu petanda baik untuk pembangunan sumber manusia dan pembinaan bangsa.

#### 5.4.2. Kerjaya

Kajian yang sama oleh LPPKN menunjukkan hampir dua per tiga (62.5 peratus) remaja berumur 10-20 tahun bercita-cita menjadi pekerja profesional, teknikal dan yang berkaitan, diikuti pekerja perkhidmatan (17.8 peratus), pekerja pentadbiran dan pengurusan (10.0 peratus) dan lain-lain pekerjaan (6.5 peratus) dengan 3.1 peratus lagi belum terfikir sebarang pekerjaan yang diharapkan. Data kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan dalam kerjaya yang diharapkan mengikut jantina, tempat tinggal dan umur remaja.

Lebih dari tiga per empat (78.3 peratus) remaja perempuan bercita-cita ingin menjadi pekerja profesional dan teknikal berbanding dengan hanya 47.0 peratus di kalangan remaja lelaki. Akibat dari ini, peratusan remaja lelaki yang bercita-cita menjadi pekerja pentadbiran dan pengurusan, dan pekerja perkhidmatan didapati hampir tiga kali ganda lebih tinggi dari remaja perempuan. Dari hampir 1,200 remaja perempuan yang ditemui, tiada seorang pun yang bercita-cita untuk bekerja dalam sektor pertanian, sementara di kalangan remaja lelaki terdapat kurang dari satu peratus ingin bekerja dalam sektor ini.

Data juga menunjukkan remaja bandar lebih cenderung untuk menjadi pekerja profesional dan teknikal, dan pekerja pentadbiran dan pengurusan. Sebaliknya, remaja luar bandar pula lebih cenderung menjadi pekerja perkhidmatan dengan peratusan 22.4 peratus berbanding 13.3 peratus rakan mereka dari bandar.

*Further investigation found that the proportion who perceived degree as a minimum academic level for a comfortable living in the future was high among the Indian adolescents with 38.4 per cent, followed by the Malays and Chinese with 34.9 per cent and 28.2 per cent respectively. It was also found that the Indian adolescents had a high level of self confident in achieving this aspiration that is 83.0 per cent, followed by Malays (79.0 per cent) and Chinese (53.0 per cent). This high level of confident in achieving the aspiration of high level of education among the younger age-group adolescents is a good sign for human resource development and nation building.*

#### 5.4.2. Career

*The same study by NPFDB shows that approximately two-third (62.5 per cent) of adolescents aged 10-20 years old aspired to be professional and technical workers, followed by service workers (17.8 per cent), administrative and managerial workers (10.0 per cent) and others (6.5 per cent) with 3.1 per cent having no career aspiration. Data from the study also shows that there are differentials in the career aspiration by sex, place of stay and the age of the adolescents.*

*More than three quarters (78.3 per cent) of the girls aspired to be professional and technical workers compared to only 47.0 per cent among the boys. Consequently the proportion of boys who aspired to be administrative and managerial workers, and service workers was found almost three fold higher than the girls. Out of approximately 1,200 girls interviewed, none aspired to work in the agricultural sector, while a small proportion of less than one per cent of the boys aspired to work in this sector.*

*Data also shows adolescents from urban areas having a high inclination to be professional and technical workers as well as administrative and managerial workers. On the other hand, adolescents from rural areas aspired to be service workers with a proportion of 22.4 per cent compared to 13.3 per cent among their counter part in urban areas.*

Jadual 5.3 : Taburan Peratus Kerjaya Yang Diharap Mengikut Jantina Dan Lapisan Tempat Tinggal Remaja

Table 5.3 : Percentage Distribution Of Aspired Career By Sex And Stratum Of Adolescents

KERJAYA YANG DIHARAP ASPIRED CAREER	JANTINA SEX		LAPISAN STRATUM		SEMUA REMAJA ALL ADOLESCENTS
	Lelaki Boys	Perempuan Girls	Bandar Urban	Luar Bandar Rural	
Pekerja Profesional, Teknikal dan Yang Berkaitan <i>Professional, Technical and Related Workers</i>	46.9	78.3	66.6	58.4	62.5
Pekerja Pentadbiran dan Pengurusan <i>Administrative and Managerial Workers</i>	15.4	4.8	11.4	8.9	10.1
Pekerja Perkeranian dan Yang Berkaitan <i>Clerical and Related Workers</i>	1.3	2.9	2.5	1.7	2.1
Pekerja Jualan <i>Sales Workers</i>	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Pekerja Perkhidmatan <i>Service Workers</i>	28.2	7.3	13.3	22.4	17.8
Pekerja Pertanian dan Yang Berkaitan <i>Agricultural and Related Workers</i>	0.6	-	-	0.6	0.3
Pekerja Pengeluaran, Pengangkutan dan Buruh Am <i>Production, Transport and General Workers</i>	4.7	3.3	3.5	4.4	4.0
Belum Terfikir <i>Have Not Thought</i>	2.8	3.4	2.7	3.6	3.1
<b>Jumlah (N=100%)</b> <b>Total</b>	<b>1,201</b>	<b>1,191</b>	<b>1,198</b>	<b>1,194</b>	<b>2,392</b>

Nota : Tidak termasuk 63 kes di mana maklumat kerjaya yang diharapkan tidak diperolehi

Note : Excludes 63 cases where information on aspired career not available


Sumber : LPPKN Malaysia; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95

Source : NPFDB Malaysia; Study On Social Behaviour Of adolescents In Malaysia, 1994/95

Data juga menunjukkan peratusan remaja yang bercita-cita untuk menjadi pekerja profesional dan teknikal berkurangan dengan umur. Ianya berkurangan dari 65.7 peratus bagi kumpulan umur 10-12 tahun kepada 43.4 peratus bagi kumpulan umur 18-20 tahun. Peratusan remaja yang ingin menjadi pekerja perkhidmatan juga berkurangan dari 23.2 peratus kepada 13.1 peratus masing-masing bagi remaja dalam kumpulan umur 10-12 tahun dan 18-20 tahun. Dalam masa yang sama peratusan yang ingin menjadi pekerja pentadbiran dan pengurusan meningkat dari 3.0 peratus bagi kumpulan umur 10-12 tahun kepada 20.8 peratus bagi kumpulan umur 18-20 tahun. Remaja didalam kumpulan umur muda didapati amat berminat untuk menjadi pekerja profesional dan teknikal, dan pekerja perkhidmatan, dan kurang berminat untuk menjadi pekerja pentadbiran dan pengurusan berbanding remaja yang lebih matang.

*Data also shows the proportion who aspire to be professional and technical workers decreases with age of the adolescents. It decreased from 65.7 per cent for the 10-12 years old to 43.4 per cent for the 18-20 years old. The proportion who aspire to be service workers also decreased from 23.2 per cent to 13.1 per cent for those in age-group 10-12 years old and 18-20 years old respectively. At the same time, the proportion wishing to be administrative and managerial workers increased from 3.0 per cent for the 10-12 years old to 20.8 per cent for the 18-20 years old. The generation of young adolescents appear to be more interested in becoming professional, technical and service workers, and less interested in administrative and managerial work compared to the generation of older adolescents.*

Rajah 5.21 : Peratus Cita-cita Kerjaya Terpilih Mengikut Umur Remaja  
Figure 5.21 : Percentage Of Selected Aspired Career By Age Of Adolescents



Sumber : LPPKN Malaysia; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
Source : NPFDB Malaysia; Study On Social Behaviour Of Adolescents In Malaysia, 1994/95

#### 5.4.3. Umur Perkahwinan Pertama

Apabila ditanya apakah umur yang difikirkan sesuai untuk mendirikan rumah tangga, 76.0 peratus remaja menyatakan antara 18 hingga 40 tahun, 22.0 peratus belum terfikir dan kurang dari satu peratus tidak mahu berkahwin.

Di kalangan remaja yang akan berkahwin, sebahagian besar (61.4 peratus) menyatakan akan berkahwin antara umur 25-29 tahun, hampir 28.0 peratus sebelum 25 tahun dan 10.8 peratus akan berkahwin menjelang umur 30 tahun dan lebih dengan purata umur sesuai berkahwin 25.5 tahun.

#### 5.4.3. Age At First Marriage

*When asked on what is a suitable age to get married, 76.0 per cent of the adolescents said between 18 to 40 years old, 22.0 per cent have not thought about it and less than one per cent do not want to get married.*

*Among those adolescents who want to get married, a large proportion (61.4 per cent) said they will get married between the age of 25-29 years old, approximately 28.0 per cent before reaching 25 years old and 10.8 per cent by age 30 years old and over with the ideal mean age of marriage at 25.5 years old.*

Jadual 5.4 : Taburan Peratus Umur Sesuai Berkahwin Mengikut Lapisan Dan Umur Semasa Remaja

Table 5.4 : Percentage Distribution Of Suitable Age For Marriage By Stratum And Current Age Of Adolescents

LAPISAN / UMUR SEMASA STRATUM / CURRENT AGE	Umur Sesuai Berkahwin (Tahun) Suitable Age For Marriage (Years)					Semua Responden All Respondents (N=100%)	Purata Umur Mean Age
	< 20	20 - 24	25 - 29	30 - 34	35+		
Semua Lapisan/Umur All Strata/Ages	0.9	26.9	61.4	9.5	1.3	1,873	25.5
Bandar Urban	0.2	23.8	64.8	9.9	1.3	936	25.7
Luar Bandar Rural	1.5	30.2	58.0	9.1	1.4	937	25.2
10 - 12 Tahun Years	1.8	30.5	54.4	11.2	2.1	614	25.5
13 - 15 Tahun Years	0.7	25.5	63.5	9.0	1.4	589	25.4
16 - 17 Tahun Years	-	23.6	64.5	11.3	0.6	335	25.7
18 - 20 Tahun Years	0.3	26.3	67.5	5.4	0.6	335	25.3

Nota : Tidak termasuk 582 kes yang belum terfikir dan tidak mahu kahwin serta maklumat tidak diperolehi

Note : Excludes 582 cases of have not think and don't want to marry and also the not available

Sumber : LPPKN Malaysia; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
Source : NPFDB Malaysia; Study On Social Behaviour Of Adolescents In Malaysia, 1994/95

Remaja yang tinggal di luar bandar menyatakan keinginan untuk berkahwin 6 bulan lebih awal dari rakan mereka di bandar. Purata umur sesuai berkahwin masing-masing ialah 25.2 tahun dan 25.7 tahun. Mengikut umur semasa, terdapat hampir tidak ada perbezaan dalam purata umur sesuai berkahwin antara awal dan lewat remaja.

Mengikut etnik, remaja Melayu menyatakan akan berkahwin hampir setahun lebih awal dari remaja Cina dan purata umur sesuai berkahwin masing-masing ialah 25.3 tahun dan 26.1 tahun.


Keakraban hubungan dengan ibu dan bapa tidak mempengaruhi umur sesuai berkahwin. Remaja yang pada masa ini mempunyai teman istimewa berlainan jantina mempunyai kecenderungan untuk berkahwin setahun lebih awal dari rakan mereka yang tidak mempunyai teman. Purata umur sesuai berkahwin masing-masing ialah 24.7 tahun dan 25.8 tahun.

*Adolescents who reside in the rural areas stated that they will get married 6 months earlier than their counterpart in the urban areas. The mean age which they considered suitable to get married are 25.2 and 25.7 years old respectively. There is almost no difference in the mean age suitable to get married between the younger and older adolescents.*

*The Malay adolescents' stated age to get married is about one year earlier than the Chinese and the mean age considered suitable to get married are 25.3 and 26.1 years old respectively.*

*The closeness of the relationship with mother and father does not influence the suitable age to get married. But those adolescents who currently have special boy or girl friend have higher tendency to get married one year earlier than their counter part who don't have. The mean age regarded as suitable to get married are 24.7 and 25.8 years old respectively.*

Rajah 5.22 : Timbun-tambah Peratus Umur Sesuai Berkahwin Mengikut Jantina  
Figure 5.22 : Cummulative Percentage Of Suitable Age For Marriage By Sex



Sumber : LPPKN Malaysia; Kajian Perilaku Sosial Remaja Malaysia, 1994/95  
Source : NPFDB Malaysia; Study On Social Behaviour Of Adolescents In Malaysia, 1994/95

## **5.5. Perilaku Sosial Remaja**

Isu perilaku sosial di kalangan remaja khususnya yang negatif telah mendapat perhatian masyarakat dan media massa serta kerajaan walaupun ianya belum di tahap yang serius. Ini memandangkan kejadian salahlaku sosial yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini dan banyak diperkatakan melalui media massa.

### **5.5.1. Ponteng Sekolah**

Kajian menunjukkan 18.6 peratus remaja Terengganu dan 26.0 peratus remaja Kuala Lumpur pernah ponteng sekolah. Remaja lelaki lebih cenderung ponteng sekolah dengan kadar sekali ganda lebih tinggi dari perempuan.

Peratusan pernah ponteng meningkat dengan meningkatnya umur remaja dari 13.2 peratus dikalangan umur 13-15 tahun kepada 29.3 peratus dikalangan umur 18-20 tahun bagi remaja Terengganu dan dari 18.8 peratus kepada 42.7 peratus bagi remaja Kuala Lumpur.

Juga didapati peratusan pernah ponteng tinggi di kalangan remaja dari keluarga tunggal dan nuklear yang mungkin disebabkan oleh ketiadaan sistem sokongan keluarga dan kekurangan pengawasan ibu bapa yang sering sibuk dengan tugas-tugas masing-masing khususnya di Kuala Lumpur.

Kajian selanjutnya mendapati remaja yang sering ponteng sekolah amat cenderung merokok dan terfikir hendak lari dari rumah. Peratusan merokok di kalangan remaja yang sering ponteng sekolah ialah 47.0 peratus berbanding 9.3 peratus di kalangan tidak pernah ponteng. Sementara peratusan terfikir hendak lari dari rumah di kalangan yang sering ponteng pula ialah 23.4 peratus berbanding 11.3 peratus di kalangan tidak pernah ponteng.

## **5.5. Social Behaviour Of Adolescents**

*Social issues among the adolescents especially the negative behaviour has been given a lot of attention by society, mass-media and the government although it is not serious. This is due to the increasing incidence of negative behaviour of late and lots of discussion by the mass-media.*

### **5.5.1. School Absenteeism**

*The study shows 18.6 per cent of the adolescents in Terengganu and 26.0 per cent in Kuala Lumpur ever absent from school. The tendency to be absent from school is high among the boys as their rate is double that of the girls.*


*The proportion ever absent from school increases with age of the adolescents from 13.2 per cent among the 13-15 years old to 29.3 per cent among the 18-20 years old for Terengganu and from 18.8 per cent to 42.7 percent for Kuala Lumpur.*

*It was also found that the proportion ever absent is high among those adolescent who live with single parent and nuclear family, which may be due to the absence of the family support system and lack of monitoring by parents who are always busy with their work especially in Kuala Lumpur.*

*On further investigation it was found that the adolescents who are always absent from school are more likely to smoke cigarette and think of running away from home. The proportion who smoked cigarette among school absences is 47.0 per cent compared to 9.3 per cent among those who were never absent from school. While the proportion of those who ever thought of running away from home among school absences is 23.4 per cent compared to 11.3 per cent among those who were never absent from school.*

Rajah 5.23 : Peratus Remaja Pernah Ponteng Sekolah Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga; Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993

Figure 5.23 : Proportion Of Adolescents Ever Absent From School By Age-group And Type Of Family, Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Perilaku Sosial Remaja Terengganu 1994 dan Kuala Lumpur 1993  
Source : NPFDB Malaysia - Study On Social Behaviour Of Adolescents Terengganu 1994 and Kuala Lumpur 1993.

### 5.5.2. Vandalsme


Perbuatan merosakan harta benda awam dilakukan oleh sebilangan kecil remaja, tetapi nilai kerosakan amat tinggi dan kesusahan kepada awam amat dikesali. Kajian mendapati sebanyak 4.1 peratus remaja Terengganu dan 4.6 peratus remaja Kuala Lumpur mengakui pernah merosakkan harta benda awam, dengan tiga per empat daripada mereka adalah lelaki.

### 5.5.2. Vandalsme

*The act of vandalism involve a very small proportion of adolescents, but the value of the damage done is enormous and the inconvenience caused to the public is regrettable. The study shows 4.1 per cent of adolescents in Terengganu and 4.6 per cent in Kuala Lumpur admit they ever vandalize, with three out of four being boys.*

Rajah 5.24 : Peratus Remaja Pernah Melakukan Vandalsme Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga; Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993

Figure 5.24 : Proportion Of Adolescents Ever Vandalize By Age-group And Type Of Family; Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Perilaku Sosial Remaja Terengganu 1994 dan Kuala Lumpur 1993.  
Source : NPFDB Malaysia - Study On Social Behaviour Of Adolescents Terengganu 1994 and Kuala Lumpur 1993.

Bagi remaja dalam kajian di Terengganu, peratusan tertinggi yang melakukan vandalisme dicatat oleh remaja berumur 13-15 tahun dan berkorelasi dengan meningkatnya umur remaja. Manakala bagi remaja Kuala Lumpur terdapat corak yang berbeza dengan peratusan tertinggi (7.7 peratus) dicatatkan oleh kumpulan umur 16-17 tahun dan paling rendah (2.9 peratus) oleh 18-20 tahun.

Hasil kajian juga menunjukkan remaja dari keluarga tunggal mencatat peratusan pernah merosakkan harta benda awam yang tertinggi iaitu 11.8 peratus di Kuala Lumpur.

Juga didapati remaja yang suka merosakkan harta benda awam ini amat cenderung untuk tidak mematuhi ibu bapa (87.0 peratus), melanggar peraturan sekolah (80.0 peratus), mencuri (67.0 peratus), bergaduh (57.0 peratus) dan merokok (50.0 peratus). Ini menunjukkan walaupun insiden merosakkan harta benda awam agak kecil tetapi boleh mempengaruhi remaja untuk melakukan perlakuan negatif lain.

#### 5.5.3. Mencuri

Peratusan remaja pernah mencuri dalam kajian di Terengganu ialah 10.8 peratus dan di Kuala Lumpur pula ialah 4.9 peratus dan sebahagian besar (70.0 peratus) daripada mereka adalah remaja lelaki.

Bagi remaja dalam kajian di Terengganu peratusan mencuri tertinggi (13.5 peratus) adalah di kalangan kumpulan umur 13-15 tahun, dan berkorelasi hingga 7.1 peratus dengan meningkatnya umur. Tetapi bagi remaja dalam kajian di Kuala Lumpur terdapat corak yang bertentangan di mana peratusannya meningkat dengan umur.

Remaja dari keluarga tunggal dalam kajian di Terengganu mencatat peratusan pernah mencuri tertinggi iaitu 15.3 peratus. Sebaliknya di kedua-dua kawasan, remaja dari keluarga luas mencatat peratusan pernah mencuri terendah. Ini mungkin kerana sistem sokongan keluarga yang wujud dalam keluarga luas membantu mengurangkan perlakuan negatif di kalangan remaja.

*The highest proportion causing vandalism recorded by those in 13-15 years age-group and decreases at higher age-group for adolescents in the Terengganu study. While in the Kuala Lumpur study there was a different pattern with those in the age-group 16-17 years recording the highest (7.7 per cent) vandalism act and the lowest (2.9 per cent) among the 18-20 years old.*

*Findings of the study also indicate that adolescents from single parent family in Kuala Lumpur recorded the highest vandalism ever done with a proportion of 11.8 per cent.*

*The study also found that the adolescent who vandalize had a tendency not to obey their parents (87.0 per cent), to break school regulations (80.0 per cent), stealing (67.0 per cent), fighting (57.0 per cent), and smoking (50.0 per cent). This show that though the incident of vandalism is quite small but it can influence adolescents toward other negative behaviour.*

#### 5.5.3. Stealing

*The proportion of adolescents in the Terengganu study who ever steal is 10.8 per cent and in Kuala Lumpur it is 4.9 per cent with the majority (70.0 per cent) being boys.*


*For adolescents in the Terengganu study, the highest proportion (13.5 per cent) was recorded by those in the age-group 13-15 years old and this decreased to 7.1 per cent with the increase in age. But for adolescents in the Kuala Lumpur study the pattern was reversed where the proportion ever caught stealing increases with age.*

*Adolescents from single parent family in the Terengganu study recorded the highest proportion ever steal, that is 15.3 per cent. In both areas, adolescent from extended family registered the lowest proportion ever steal. This could be due to the existence of family support system which help in reducing the incidence of negative behaviour among the adolescents.*


Rajah 5.25 : Peratus Remaja Pernah Mencuri Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga; Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993

Figure 5.25 : Proportion Of Adolescents Ever Steal By Age-group And Type Of Family; Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993

(i) Mengikut Kumpulan Umur  
By Age-Group



(ii) Mengikut Jenis Keluarga  
By Type of Family



Terengganu



Kuala Lumpur

Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Perilaku Sosial Remaja Terengganu 1994 dan Kuala Lumpur 1993

Source : NPFDB Malaysia - Study On Social Behaviour Of Adolescents Terengganu 1994 and Kuala Lumpur 1993.

#### **5.5.4. Bergaduh**

Lebih kurang 16.0 peratus remaja dalam kajian di Terengganu dan 20.8 peratus remaja dalam kajian di Kuala Lumpur mengakui mereka pernah terlibat dalam pergaduhan sebelum ini. Remaja lelaki lebih cenderung bergaduh berbanding remaja perempuan.

Kecenderungan bergaduh adalah tinggi di kalangan remaja berumur lebih muda iaitu 13-15 tahun dalam kajian di Terengganu dengan peratusan 17.7 peratus dan berkurangan apabila umur mereka meningkat. Berlainan pula halnya dengan remaja dalam kajian di Kuala Lumpur dimana peratusannya meningkat dengan umur dari 19.5 peratus (13-15 tahun) kepada 25.0 peratus (18-20 tahun).

Remaja dari kawasan tidak tersusun seperti setinggan dalam kajian di Kuala Lumpur mencatatkan peratusan remaja pernah bergaduh yang tertinggi iaitu 30.0 peratus, berbanding dengan 16.1 peratus di kawasan perumahan.

Mengikut jenis keluarga, kajian mendapati remaja dari keluarga tunggal amat cenderung bergaduh dengan peratusan 47.1 peratus mengikut kajian di Kuala Lumpur dan 20.3 peratus di Terengganu. Di kalangan remaja ini, kajian seterusnya mendapati mereka begitu cenderung hendak lari dari rumah pada nisbah 18.3 peratus berbanding dengan 9.5 peratus di kalangan remaja yang tidak pernah terlibat dalam sebarang pergaduhan sebelum ini.

#### **5.5.4. Fighting**

*Approximately 16.0 per cent of adolescents in the Terengganu study and 20.8 per cent in the Kuala Lumpur study admit that they ever got involved in a fight before. The tendency to fight is high among the boys compared to girls.*

*In the Terengganu study, early adolescents of 13-15 years old had a high tendency to fight and the proportion is 17.7 per cent and this decreases with age. The adolescent in the Kuala Lumpur study registered the opposite trend where it increases with age from 19.5 per cent for the 13-15 years old to 25.0 per cent for the 18-20 years old.*


*Adolescent from squatter areas in the Kuala Lumpur study registered a high proportion ever involved in a fight before, that is 30.0 per cent compared to 16.1 per cent in housing areas.*

*By type of family, the study found that adolescent from single parent family had a high tendency to fight with a proportion of 47.1 per cent according to the Kuala Lumpur study and 20.3 per cent in the Terengganu study. Among these it was found that they had a high tendency to run away from home with a proportion of 18.3 per cent compared to 9.5 per cent among those who never got involved in any fight before.*


Rajah 5.26 : Peratus Remaja Pernah Bergaduh Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga; Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993

Figure 5.26 : Proportion Of Adolescents Ever Involved In A Fight By Age-group And Type Of Family; Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993

(i) Mengikut Kumpulan Umur  
By Age-Group



(ii) Mengikut Jenis Keluarga  
By Type of Family



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Perilaku Sosial Remaja Terengganu 1994 dan Kuala Lumpur 1993.  
Source : NPFDB Malaysia - Study On Social Behaviour Of Adolescents Terengganu 1994 and Kuala Lumpur 1993.


### 5.5.5. Merokok

Kajian mendapati 16.3 peratus remaja dalam kajian di Terengganu dan 8.1 peratus remaja dalam kajian di Kuala Lumpur mengakui mereka pernah merokok. Lebih 90.0 peratus daripada mereka adalah lelaki.

Di kedua-dua kawasan, peratus remaja yang pernah merokok meningkat dengan umur dari 9.3 peratus bagi kumpulan umur 13-15 tahun kepada 25.9 peratus bagi kumpulan umur 18-20 tahun di Terengganu dan bagi Kuala Lumpur peningkatannya adalah dari 2.0 peratus kepada 17.7 peratus bagi kumpulan umur yang sama.

Rajah 5.27 : Peratus Remaja Pernah Merokok Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga; Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993

Figure 5.27 : Proportion Of Adolescents Ever Smoke Cigarette By Age-group And Type Of Family; Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Perilaku Sosial Remaja Terengganu 1994 dan Kuala Lumpur 1993  
Source : NPFDR Malaysia - Study On Social Behaviour Of Adolescents Terengganu 1994 and Kuala Lumpur 1993.

### 5.5.5. Smoking

The study found that 16.3 per cent of adolescent in the Terengganu study and 8.1 per cent in the Kuala Lumpur study admit they ever smoke cigarette before. More than 90.0 percent of them were boys.

In both areas, the proportion ever smoke increases by age-groups from 9.3 per cent for the 13-15 years old to 25.9 per cent for the 18-20 years old in Terengganu and for Kuala Lumpur the increase was from 2.0 per cent to 17.7 per cent respectively.

Mengikut jenis keluarga, kajian di Terengganu mendapati remaja dari keluarga nukliaj lebih cenderung merokok berbanding dengan remaja dari keluarga luas. Manakala kajian di Kuala Lumpur pula mendapati remaja dari keluarga tunggal amat cenderung merokok.

Kajian selanjutnya menunjukkan sebahagian besar (95.2 peratus) remaja tidak akan merokok jika dilarang oleh ibu bapa, 1.6 peratus menyatakan kadang-kadang mereka akan merokok dan 3.2 peratus tetap akan merokok. Merokok di kalangan remaja menunjukkan sebahagian besar daripada mereka merokok tanpa pengetahuan ibu bapa dan dalam masa yang sama ibu bapa juga tidak pernah menasihati dan mlarang anak remaja mereka dari merokok.

#### 5.5.6. Lari Dari Rumah

Hasil kajian menunjukkan 13.6 peratus remaja dalam kajian di Terengganu dan 14.9 peratus remaja dalam kajian di Kuala Lumpur menyatakan mereka pernah terfikir hendak lari dari rumah. Di Terengganu, peratusan terfikir hendak lari dari rumah adalah tinggi sedikit di kalangan remaja lelaki (14.7 peratus) berbanding perempuan (12.6 peratus). Bagi remaja dalam kajian di Kuala Lumpur keadaan adalah sebaliknya dimana perempuan lebih cenderung hendak lari dari rumah berbanding lelaki dengan peratusan masing-masing 16.6 peratus dan 13.4 peratus.

Juga didapati peratusan terfikir hendak lari dari rumah meningkat dengan umur di kedua-dua kawasan. Di Terengganu ianya meningkat dari 2.4 peratus (13-15 tahun) kepada 19.5 peratus (18-20 tahun), sementara di Kuala Lumpur dari 9.4 peratus kepada 23.5 peratus masing-masing bagi kumpulan umur 13-15 tahun dan 18-20 tahun.

Di Terengganu, remaja dari keluarga luas (17.4 peratus) dan keluarga tunggal (18.6 peratus) khususnya bapa tunggal (71.4 peratus) didapati amat cenderung hendak lari dari rumah. Di Kuala Lumpur adalah didapati remaja dari keluarga luas sahaja yang mempunyai kecenderungan yang sama.

*By type of family, the study in Terengganu reveal that adolescents from nuclear family have higher tendency to smoke compared to adolescents from other families. While the study in Kuala Lumpur showed that adolescents from single parent family have a higher tendency to smoke.*

*Further investigation shows that a large proportion (95.2 per cent) of the adolescent will not smoke if their parent prohibit them from doing so. 1.6 per cent said they may smoke and 3.2 per cent strongly said they will smoke. Smoking among the adolescents show a large proportion of those who smoke, do so without the knowledge of their parents and at the same time their parents never advice and forbid them from smoking.*

#### 5.5.6. Running Away From Home

*Findings from the study shows that 13.6 per cent of the adolescents in the Terengganu study and 14.9 per cent in the Kuala Lumpur study said they ever thought of running away from home. In Terengganu, the proportion who ever think of running away from home is high among the boys (14.7 per cent) compared to girls (12.6 per cent). The opposite pattern was found in the Kuala Lumpur study where girls have a higher tendency to run away from home compared to boys. Their proportion are 16.6 per cent and 13.4 per cent respectively.*


*It was also found that the proportion who ever thought of running away from home increases with age in both areas. In Terengganu it increased from 12.4 per cent among the 13-15 years old to 19.5 per cent among the 18-20 years old, while in Kuala Lumpur it increased from 9.4 per cent to 23.5 per cent for age-group 13-15 years and 18-20 years old respectively.*

*In the Terengganu study adolescents from the extended family (17.4 per cent) and single parent family (18.6 per cent) especially single father (71.4 per cent) appears to have a higher tendency to run away from home. In the Kuala Lumpur study it was found that only adolescent from extended family were having the same tendency.*

Kajian selanjutnya mendapati peratusan terfikir hendak lari dari rumah adalah tinggi di kalangan remaja dalam kajian di Terengganu, mereka yang sering bertengkar dengan ibu bapa (24 peratus), mencuri wang ibu bapa (24 peratus), langgar peraturan sekolah (24 peratus), ponteng sekolah (23 peratus), bergaduh (24 peratus), merosakkan harta benda awam (33 peratus), mencuri (24 peratus) dan merokok (22 peratus). Ini menunjukkan remaja yang terlibat dalam perilaku negatif juga cenderung untuk lari dari rumah.

Rajah 5.28 : Peratus Remaja Pernah Terfikir Lari Dari Rumah Mengikut Kumpulan Umur Dan Jenis Keluarga; Terengganu 1994 Dan Kuala Lumpur 1993

Figure 5.28 : Proportion Of Adolescents Ever Think Of Running Away From Home By Age-Group And Type Of Family; Terengganu 1994 And Kuala Lumpur 1993



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Perilaku Sosial Remaja Terengganu 1994 dan Kuala Lumpur 1993.  
Source : NPFDB Malaysia - Study On Social Behaviour Of Adolescents Terengganu 1994 and Kuala Lumpur 1993.

*Further investigation found that the proportion who ever thought of running away from home are high among those adolescents in the Terengganu study, those who discord with parents (24 per cent), steal parents' money (24 per cent), break school regulations (24 per cent), absent from school (23 per cent), involve in a fight (24 per cent), vandalize (33 per cent), stealing in public places (24 per cent) and smoke cigarette (22 per cent). This indicate that adolescents involved in negative behaviour are also more likely to run away from home.*

## 6. PENJAGAAN ANAK CHILD CARE

Apabila bilangan keluarga luas semakin berkurangan, maka implikasinya ialah sokongan keluarga, khususnya dalam penjagaan anak kecil juga semakin kurang.

Masalah berkaitan dengan penjagaan anak merupakan salah satu rungutan yang sering dihadapi terutama di kalangan wanita bekerja. Ini jelas dilihat dari hasil Kajian KPKM 1994 yang dijalankan oleh LPPKN.

Tinjauan ke atas penjagaan anak bagi wanita bekerja diberi penumpuan kepada mereka yang mempunyai anak berumur 12 tahun dan kurang. Hampir tiga perempat daripada wanita bandar bekerja dan mempunyai anak berumur kurang daripada 6 tahun dijaga oleh orang lain. Manakala satu perempat dijaga oleh responden sendiri. Bagi wanita luar bandar coraknya lebih kurang sama. Namun, terdapat sedikit perbezaan dalam penjagaan anak oleh ahli keluarga lain yang mana peratusnya lebih tinggi di luar bandar berbanding di bandar. Ini mungkin disebabkan saudara-mara lain di luar bandar ramai tinggal berdekatan.

Untuk penjagaan anak yang berumur 6-12 tahun corak penjagaan berbeza sedikit dengan penjagaan anak kecil di bawah 6 tahun. Wanita bandar yang menjaga sendiri anak mereka ialah 31.3 peratus berbanding dengan mereka yang bekerja di luar bandar (25.3 peratus). Bagi anak-anak yang tinggal bersendirian, peratusnya adalah tinggi di luar bandar (32.5 peratus) berbanding dengan bandar (25.2 peratus). Ini adalah benar bagi wanita yang mempunyai kedua-dua kumpulan anak. Analisis selanjutnya menunjukkan bahawa penjagaan anak oleh responden sendiri kebanyakannya adalah mereka yang bekerja sendiri.

*As the number of extended families decrease, the implication will be that the family supports especially in caring for young children also decrease.*

*Problems relating to childcare have been one of the issues often faced by working women. This can obviously be seen from findings of MPFS 1994 conducted by NPFDB.*

*Observation on childcare among working women is focused on those having children 12 years of age and below. Almost three quarters of urban working women with children less than 6 years old have their children looked after by someone else, whilst another one fourth are under the care of the respondents themselves. For rural women, similar pattern is being observed. Nevertheless, there is a slight difference with regards to children being looked after by other family members whereby the percentage is much higher in rural compared to urban areas. This situation arises probably because in rural areas most relatives live within close vicinity with one another.*




*Slight difference is also being observed by the types of childcare rendered to children between 6-12 years old. More urban women take care of their own children 31.3 per cent as compared to rural working women (25.3 per cent). For children who are left alone by themselves it is higher in the rural areas (32.5 per cent) as compared to urban areas 25.2 per cent. Further analysis of data on childcare by occupation of mother who are self employed, it appears that these group of respondents look after their children themselves. This is true for both age groups of children.*

## 6.1. Jenis Penjagaan Anak

### 6.1. Child Care Arrangement


Rajah 6.1 : Jenis Penjagaan Anak Mengikut Umur Anak Dan Strata, 1994  
 Figure 6.1 : Child Care By Age Of Child And Stratum, 1994



Sumber :  
 Source :


LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1994  
 NPFDB Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1994

Rajah 6.2 : Penjagaan Anak Mengikut Status Pekerjaan Ibu, 1994  
 Figure 6.2 : Child Care By Occupation Status Of The Mother, 1994



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1994  
 Source : NPFDDB Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1994

Rajah 6.3 : Jenis Penjagaan Anak Mengikut Status Pekerjaan Ibu, 1988  
 Figure 6.3 : Type Of Childcare By Work Status Of The Mother, 1988



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Kehidupan Keluarga Malaysia 1988  
 Source : NPFDL Malaysia - Malaysian Family Life Survey 1988

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1988 pula menunjukkan terdapat perbezaan dalam jenis penjagaan anak di antara wanita bekerja dan yang tidak bekerja. Kedua-dua kumpulan wanita ini melaporkan mereka lebih bergantung kepada ibubapa atau mertua untuk menjaga anak mereka (masing-masing 39.3 peratus dan 42.1 peratus bagi wanita bekerja dan yang tidak bekerja). Adik beradik yang lebih tua juga memainkan peranan penting untuk menjaga adik mereka. Terdapat juga wanita yang mendapat bantuan suami untuk menjaga anak terutama sekali bagi wanita yang tidak bekerja. Keadaan ini mungkin disebabkan suami mereka bekerja di sektor-sектор tidak formal atau bekerja sendiri, di mana ada masa diperuntukan untuk menjaga anak iaitu masing-masing 7.0 dan 20.0 peratus bagi wanita bekerja dan yang tidak bekerja. Bantuan dari pembantu rumah dalam penjagaan anak cuma diperolehi oleh wanita yang bekerja sahaja (7.8 peratus).

Jiran juga memainkan peranan dalam penjagaan anak iaitu 12.1 peratus bagi wanita bekerja dan 7.7 peratus bagi wanita yang tidak bekerja.

The MFLS 1988 indicated that there were differences in types of childcare between currently and non-currently working women. Both groups reported that they depended more on their parents or in-law to look after their children (39.3 and 42.1 per cent for working and non-working women, respectively). Older siblings too played an important role in taking care of the younger ones. Quite a significant proportion of women received help from their husbands to look after their children especially among non-working mothers. This maybe due to the fact that the husbands might be working in informal sectors or working on their own. Hence, they have more time to devote to childcare i.e about 7.0 and 20.0 per cent of both working and non-working women. Maids were reported as source of care only by working mothers (7.8 per cent).

Neighbours too play a role in childcare and the score is 12.1 per cent for working women and 7.7 per cent for non-working women.

## 7. WARGATUA ELDERLY

Wargatua mengikut takrifan negara-negara ASEAN dan Asia adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Berasaskan takrifan ini, data banci tahun 1991 menunjukkan Malaysia mempunyai hampir 6.0 peratus penduduk tua dan ini akan mencapai tahap 7.0 peratus pada tahun 2000.

Mengikut definisi antarabangsa, wargatua ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 65 tahun ke atas. Apabila penduduk tua sesebuah negara itu mencapai tahap kepada 7.0 peratus daripada anggaran jumlah penduduknya, maka penduduk negara itu dianggap sebagai sudah menua.

Jika takrifan umur 65 tahun ke atas sebagai penduduk tua dipakai maka Malaysia akan mencapai taraf penuaan penduduknya pada tahun 2020 di mana pada masa itu bilangan penduduk tuanya akan mencapai tahap 7.0 peratus atau bilangannya berjumlah 2.2 juta orang daripada jumlah 33 juta penduduk. Walau bagaimanapun jika takrifan penduduk tua ialah 60 tahun ke atas, maka Malaysia akan menghadapi penuaan penduduk lebih awal iaitu pada tahun 2010 dan keatas.

Penduduk Malaysia telah beransur-ansur menua disebabkan oleh penurunan kadar fertiliti yang berterusan. Kadar mortaliti juga telah menurun ke tahap yang rendah iaitu hampir sama dengan tahap mortaliti di negara-negara maju. Penurunan kadar fertiliti dan mortaliti yang berterusan beberapa dekad yang lalu telah menyebabkan struktur penduduk Malaysia beransur-ansur menua. Jangka hayat lelaki dan wanita telah meningkat kepada 70 dan 74 tahun.

Kini Malaysia masih lagi mempunyai penduduk yang muda. Di kalangan negara-negara ASEAN, Malaysia adalah negara yang kedua mempunyai penduduk termuda. Vietnam, Indonesia, Thailand dan Singapura masing-masing mempunyai penduduk yang lebih tua.

*ASEAN and Asian countries define aged as those aged 60 years old and above. Based on this definition data from the 1991 Census showed that approximately 6.0 per cent of the total population is aged and this will reach the 7.0 per cent level in the year 2000.*

*According to the international definition, the aged are those 65 years old and above. When the percentage of aged population in a country reaches the 7.0 per cent level, then the population of the country is said to be ageing.*


*Malaysian population will be an ageing population in the year 2020 when the percent aged 65 years old reach the 7.0 per cent level or in absolute terms 2.2 million of total population of 33 million. However, when based on 60 years old as the definition for aged in ASEAN and Asian countries the Malaysian population will be ageing much earlier beginning in the year 2010.*

*Malaysian population is gradually ageing because of the continuous decline in fertility. Mortality rate too has declined to a very low level comparable to that of a developed country. The continuous decline of both fertility and mortality a few decades ago has lead to the gradual change of the population structure towards an ageing population. Life expectancy for both men and women have increased to 70 and 74 years old respectively.*

*Today, Malaysia still has a young population. Among ASEAN countries, Malaysia is the second country that has the youngest population. Vietnam, Indonesia, Thailand and Singapore have a much older population.*

Rajah 7.1 : Tahap Penuaan Penduduk (60+) Di Antara Negara-negara Asean, Anggaran Pertengahan Tahun 1997

Figure 7.1 : The Level Of Ageing Of Population (60+) Among Asean Countries, Mid-year Estimates 1997



Sumber / source : 1997 ESCAP Population Data Sheet

### 7.1. Indeks Keumuran

Terdapat beberapa cara untuk menggambarkan tahap penuaan penduduk dalam sesebuah negara. Kaedah yang lazim digunakan ialah peratusan wargatua sebagai perkadarannya daripada jumlah penduduk.

Indeks keumuran adalah satu lagi kaedah yang menunjukkan tahap keumuran dalam sesuatu penduduk, dikira dengan membahagikan jumlah bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dengan bilangan anak berumur 14 tahun kebawah dan diharabkan dengan 100.

Bagi negara Malaysia, di antara tahun 1990-2020 Indeks Keumuran dijangka meningkat hampir dua kali ganda. Pada tahun 1990 indeks keumuran menunjukkan Malaysia mempunyai 9 orang wargatua (65+) bagi setiap 100 orang kanak-kanak (0-14 tahun). Pada tahun 2020 nisbahnya akan meningkat kepada 17.1 wargatua bagi setiap 100 orang kanak-kanak.

### 7.1. Ageing Index

*There are several methods which can be utilised to show the level of population ageing in a country. One of the methods often used is percentage of aged out of the total population.*


*Ageing Index is another method used to indicate the level of ageing in a given population, calculated by dividing the total number of population aged 65+ by the number of children aged 14 years and below and multiply by 100.*

*For Malaysia, in the period 1990-2020 Ageing Index is expected to double the current level. In 1990 the index showed that there were 9 elderly persons (65+) for every 100 children (0-14 years). In 2020, this ratio will increase to 17.1 elderly per 100 children.*

Dengan demikian, apabila bilangan wargatua bertambah besar, beberapa implikasi penting perlu diberi perhatian dan pertimbangan. Di antaranya ialah bantuan dan penjagaan wargatua.

Thus, when the number of elderly becomes relatively large, there are certain important implications which will need due attention and consideration. This include the support and care of the elderly.

Rajah 7.2 : Indeks Keumuran Masakini Dan Masa Hadapan Bagi Malaysia, 1990-2020  
Figure 7.2 : Current And Future Ageing Index For Malaysia, 1990-2020




Sumber : Dikira dengan menggunakan data Unit Perancang Ekonomi  
Source : Calculated using data from Economic Planning Unit

**Indeks Keumuran**  
= Wargatua umur 65 tahun dan lebih  
Kanak-kanak umur 14 tahun dan bawah  $\times 100$

*Ageing Index*  
= Persons age 65 years and above  
Children age 14 years and below  $\times 100$

Rajah 7.3 : Nisbah Wargatua Kepada Orang Bekerja Bagi Malaysia 1990-2020  
 Figure 7.3 : The Ratio Of Elderly To The Working Population For Malaysia 1990-2020



Sumber : Dikira menggunakan data dari Unit Perancangan Ekonomi  
 Source : Calculated using data from Economic Planning Unit

## 7.2. Sokongan Terhadap Wargatua

Apabila masyarakat Malaysia semakin menua, bilangan orang bekerja (15-64) sebagai nisbah kepada seorang wargatua (65+) juga akan berkurangan.

Dalam tahun 1990, seorang wargatua telah mendapat sokongan daripada 15 orang dalam kumpulan umur bekerja. Sedangkan menjelang tahun 2020 seorang wargatua dijangka akan mendapat sokongan daripada hanya 10 orang dalam kumpulan umur bekerja. Keadaan ini akan menimbulkan cabaran besar di masa hadapan memandangkan bilangan wargatua semakin meningkat dan mereka akan hidup lebih lama dan dalam masa yang sama bilangan orang yang boleh memberi sokongan semakin berkurangan.

## 7.2. Support For The Elderly

As Malaysian society ages, the number of working age group (15-64) as a ratio to the elderly (65+) also decreases.

In 1990, one elderly person receives support from 15 persons of working age group. While in the year 2020, one elderly is expected to get support from only 10 persons of the working-age groups. This situation will impose great challenges in the future because, while the elderly continue to live longer, the number of people who provide support will become smaller.

### 7.3. Status Aktiviti Ekonomi Wargatua


Umur bersara wajib di sektor formal di Malaysia adalah 55 tahun. Dengan peningkatan jangkahayat, sebahagian besar daripada wargatua Malaysia akan terus aktif dari segi fizikal dan ekonomi jika ada peluang untuk bekerja. Walauapagaimanapun, terdapat perbezaan yang besar bagi mereka yang aktif bekerja dari segi kumpulan umur dan jantina. Seperti dapat dilihat lazimnya semakin ramai orang mengundur diri dari melakukan aktiviti ekonomi apabila umur mereka semakin meningkat.

### 7.3. Economic Activity Status Of Elderly

The compulsory retirement age in the formal sector for Malaysia is 55 years old. With the increase in life expectancy, a substantial proportion of the Malaysian elderly will remain physically and economically active if there are employment opportunities. However, there is a great difference in the proportion of active older persons in terms of age groups and gender. As can be seen, the tendency is that more and more people withdraw from economic activity as they get much older.


Rajah 7.4 : Wargatua Masih Aktif Dari Segi Ekonomi, Malaysia 1994

Figure 7.4 : Elderly Who Are Active Economically, Malaysia 1994



Sumber : Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994 - Semenanjung Malaysia  
Source : Malaysian Population and Family Survey, 1994 - Peninsular Malaysia

Rajah 7.5 : Status Pekerjaan Wargatua Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 1994  
 Figure 7.5 : Employment Status Of The Elderly By Age Group, Malaysia, 1994




Sumber : Data dihitung daripada Laporan Banci Penduduk, 1991 - Jabatan Perangkaan Malaysia  
 Source : Data calculated from 1991 Census Report - Department of Statistics, Malaysia

Sungguhpun masih ramai wargatua di Malaysia meneruskan pekerjaan selepas umur 55 tahun, sebahagian besar daripada mereka bekerja sendiri. Sebahagian besar daripada wargatua yang semakin meningkat umurnya perlu bekerja sendiri kerana sukar mendapat pekerjaan di pasaran tenaga buruh. Hanya segelintir wargatua bekerja sebagai majikan.

*Although most of the elderly in Malaysia continue to work after age 55, a large proportion of them work as own account workers. A large proportion of the elderly have to opt for self employment because of the difficulty in getting employment through the labour market. Only a small percentage of elderly work as employer.*

Rajah 7.6 : Sektor Aktiviti Ekonomi Wargatua Mengikut Negara  
 Figure 7.6 : Economic Activity Sector Of The Elderly By Country



Sumber : 1. Dihitung daripada Laporan Banci Penduduk 1991, Jabatan Perangkaan Malaysia  
 2. Indonesia and Japan : Population Ageing in Asia and Pacific, United Nation 1996

Source : 1. Calculated from 1991 Census Report, Department of Statistics Malaysia  
 2. Indonesia and Japan : Population Ageing in Asia and Pacific, United Nation 1996

Wargatua di Malaysia, seperti juga dengan wargatua lain di rantau Asia yang aktif, sebahagian besar daripada pekerjaan mereka tertumpu kepada sektor pertanian yang mana kebanyakannya adalah bekerja sendiri.


*The elderly in Malaysia, like elderlys in other Asian countries who are active, a large proportion of their activities are concentrated in the agricultural sector where most of them work as own account workers.*

#### 7.4. Aturan Kediaman Wargatua Malaysia

Di Malaysia, kadar wargatua yang terus tinggal dengan anak-anak serta ahli-ahli keluarga yang lain masih tinggi. Hanya segelintir sahaja yang tinggal bersendirian. Walaubagaimanapun, kadar wanita tinggal bersendirian adalah 4 kali lebih tinggi dari wargatua lelaki. Sebaliknya, di kalangan yang tinggal dengan pasangan sahaja, kadar wargatua lelaki 2 kali lebih tinggi daripada wargatua wanita. Ini adalah disebabkan kebanyakkan wargatua wanita mempunyai jangkahayat yang lebih panjang dan tidak pula berkahwin semula selepas kematian suami. Sebaliknya wargatua lelaki jarang-jarang membujang dan akan berkahwin semula jika kematian isteri.

Rajah 7.7 : Peratus Wargatua (60+) Mengikut Aturan Kediaman, Semenanjung Malaysia, 1994

Figure 7.7 : Percentage Of Elderly (60+) By Living Arrangement, Peninsular Malaysian, 1994




Sumber : Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994 - Semenanjung Malaysia  
Source : Malaysia Population and Family Survey, 1994 - Peninsular Malaysia

#### 7.4. Living Arrangement Of Malaysian Elderly

In Malaysia a very high proportion of elderly continue to live with their children and other family members. Only a small proportion live alone. However, the proportion of female elderly living alone is four times higher than male elderly. Among those elderly who live with spouse only, it is two times higher among male than female elderly. This is because most female elderly live longer and rarely remarry after the death of their spouses. On the other hand male elderly normally remarry after the death of their spouses and rarely remain single.

Rajah 7.8 : Peratus Wargatua Mengikut Aturan Kediaman Di Beberapa Negara  
 Figure 7.8 : Per Cent Of Elderly By Living Arrangement For Various Countries



Sumber : 1. Population Ageing in Asia and the Pacific , United Nation 1996  
 2. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994

Source : 1. Population Ageing in Asia and Pacific. United Nation 1996  
 2. Malaysian Population and Family Survey 1994.

"Dengan siapa wargatua tinggal" sangat berbeza di antara negara sedang membangun (seperti negara-negara Tenggara Asia) dengan negara-negara maju (seperti di United Kingdom dan di Jepun).

Di Asia Tenggara (seperti Filipina, Thailand dan Malaysia) wargatua masih terus tinggal dengan keluarga luas. Di Barat (United Kingdom) pula ramai wargatua tinggal hidup bersendirian.

"With whom the elderly live" shows significant difference between developing countries (e.g South East Asian Countries) and developed countries (e.g United Kingdom and Japan).

In South East Asia (e.g Philippines, Thailand and Malaysia) most elderly still continue to live with their extended families. While in the West (United Kingdom) most elderly live by themselves.

## 7.5. Persepsi Generasi Kini Terhadap Aturan Tempat Tinggal Di Masa Hadapan


Semua responden dalam KPKM 1994 iaitu wanita berumur 15 - 19 tahun yang pernah berkahwin telah ditanya mengenai rancangan mereka untuk tinggal dengan siapa di hari tua nanti. Penemuan kajian menunjukkan bahawa harapan mereka adalah konsisten dengan aturan yang sedang berlaku masakini, iaitu majoriti lebih suka tinggal dengan anak, cucu dan keluarga. Walaubagaimanapun, harapan mereka untuk tinggal bersama pasangan masing-masing semakin meningkat.

## 7.5. Perception Of The Present Generation Towards Future Living Arrangement

All respondents in the MPFS 1994, that is, women aged 15-49 and ever married were asked on their plans for future living arrangement when they are old. The survey findings show that their perception is consistent with what is being practiced currently, that is, the majority prefer to stay with children, grand children and family. However, the perception to stay only with own spouse seems to increase.

Rajah 7.9 : Taburan Peratus Responden Mengikut Persepsi Aturan Tempat Kediaman, Semenanjung Malaysia, 1994

Figure 7.9 : Percentage Distribution Of Respondents By Perceived Living Arrangement, Peninsular Malaysia, 1994



Sumber : Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994 - Semenanjung Malaysia  
Source : Malaysian Population and Family Survey, 1994 - Peninsular Malaysia

## 7.6. Sokongan Emosi Kepada Wargatua


Terdapat berbagai cara bagaimana kita boleh memberi sokongan emosi kepada ibubapa kita yang sudah tua. Antara cara-cara yang dinyatakan oleh majoriti daripada responden dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994 ialah "wargatua perlu sentiasa ada seseorang menemaninya". Apa yang dimaksudkan di sini ialah wargatua tidak sepatutnya tinggal bersendirian.

## 7.6. Emotional Support For Elderly

*There are various ways in which we can provide emotional support for our aged parents. According to the majority of the respondents in the Malaysian Population and Family Survey 1994, emotional support could be provided by having someone to be always with the elderly. In other words they should not be left by themselves.*

Rajah 7.10 : Taburan Peratus Jawapan Responden Mengikut Perkara Yang Boleh Dilakukan Supaya Wargatua Merasa Diberi Perhatian

Figure 7.10 : Percentage Distribution Of Responses Of Respondents By Things That Could Be Done To Make Elderly Feel They Are Given Attention



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
Source : NPFDR Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

## 7.7. Kesihatan Dan Penjagaan Kesihatan Wargatua

Kesihatan merupakan suatu isu yang penting dalam penuaan. Oleh kerana lebih ramai wargatua lelaki dan wanita dijangka hidup lebih lama di masa hadapan, maka penekanan atas penjagaan kesihatan wargatua adalah perlu.


Kajian Penduduk Daerah 1992, menunjukkan semakin umur meningkat, semakin tinggi kadar wargatua yang sakit (seperti yang ditanggalkan oleh responden iaitu anak kepada wargatua). Ini adalah benar bagi kedua-dua kalangan wargatua lelaki dan wanita, baik di bandar atau di luar bandar. Walaubagaimanapun menurut kajian ini wargatua wanita lebih teruk menderita berpenyakit daripada kaum lelaki.

## 7.7. Health Status And Health Care Of The Elderly

*Health is one of the important issues in ageing. As more elderly men and women are expected to live longer in the future, there is therefore a need to give emphasis on the health care of the elderly.*

*The Sub National Survey in 1992, has shown that as the age of the elderly increases, the proportion of elderly who suffer from illness also increases (as perceived by the respondents who are the children of the elderly). This is true for male as well as female elderly, both in urban and rural areas. However, the female elderly are more prone to suffer from illness than male elderly.*


Rajah 7.11 : Persepsi Taraf Kesihatan Wargatua Mengikut Strata Dan Kumpulan Umur  
Figure 7.11 : Perceived Health Status Of The Elderly By Stratum And Age Group



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk Daerah 1992  
Source : NPFDB Malaysia - Sub-national Population Survey 1992

Rajah 7.12 : Peratus Wargatua Yang Memerlukan Penjagaan Mengikut Strata Dan Kumpulan Umur

Figure 7.12 : Percentage Of Elderly Who Need Care By Stratum And Age Group




Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
 Source : NPFD Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

Dalam Kajian KPKM, 1994 responden (anak kepada wargatua berumur 60 tahun dan ke atas) ditanya mengenai keperluan penjagaan ke atas ibubapa mereka. Jawapan mereka menunjukkan corak yang konsisten dengan penemuan Kajian Penduduk Daerah, 1992 iaitu semakin umur wargatua meningkat, maka semakin bertambahlah keperluan penjagaan ke atas mereka. Ini adalah benar bagi wargatua lelaki dan juga wanita, samada di bandar atau luar bandar.

*In MPFS 1994, the respondents (the children of the elderly, aged 60 years and above) were asked on the need for care of their aged parents. Their responses revealed a pattern consistent with the findings from the Sub National Survey 1992, which depicted that, as the age of the elderly increases, the needs for care also increases. This is true both for male and female elderly, in both urban and rural areas.*

Rajah 7.13 : Taburan Peratus Wargatua Mengikut Jenis Penjagaan Semasa Mereka Sakit Dan Mengikut Jantina, Semenanjung Malaysia, 1992

Figure 7.13 : Percentage Distribution Of Elderly By Type Of Care When They Are Ill And By Sex, Peninsular Malaysia, 1992



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk Daerah 1992  
Source : NPFDB Malaysia - Sub-national Population Survey 1992

Penjagaan wargatua oleh ahli keluarga, terutama semasa sakit, wujud dikalangan semua kumpulan etnik, serta dalam semua lapisan masyarakat. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan yang ketara dari segi penjagaan untuk wargatua lelaki dan wargatua wanita. Kajian Penduduk Daerah 1992 menunjukkan wargatua lelaki lebih cenderung mendapatkan bantuan daripada pasangan mereka berbanding dengan wargatua wanita. Manakala wargatua wanita lebih cenderung mendapatkan bantuan daripada anak-anak atau ahli keluarga lain. Perbezaan seperti ini mungkin disebabkan oleh peraturan tempat tinggal wargatua itu sendiri, yang mana wargatua lelaki lebih cenderung tinggal dengan isteri mereka dan wargatua wanita tanpa pasangan lebih cenderung tinggal dengan anak-anak mereka.

*Family care given to the elderly, especially during illness, occurs among all ethnic groups, and all social classes. However there is a notable difference in terms of care givers for male elderly and female elderly. The Sub National Survey, 1992 showed that male elderly are more likely than female elderly to receive care from their spouses. Whereas the female elderly are more likely to receive care from their children or other family members. This is most likely due to the living arrangement of the elderly themselves, whereby male elderly are more likely to stay with their wives and single female elderly with their children.*

## 7.8. Bantuan Ekonomi Daripada Anak-Anak Yang Tidak Tinggal Bersama Ibu Bapa Wargatua


Di Malaysia keluarga memainkan peranan penting dalam memberi bantuan kewangan kepada wargatua mereka, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana tidak wujud skim persaraan dan jaminan saraan masa tua yang komprehensif untuk wargatua. Kajian KPBM 1994, menunjukkan bahawa **wang tunai** merupakan bantuan utama yang diberikan kepada ibubapa tua oleh anak-anak yang tinggal berjauhan dengan mereka. Lain-lain bentuk bantuan yang diberikan ialah **wang tunai dan mata benda dan mata benda sahaja**. Keadaan ini sama sahaja di bandar dan di luar bandar, tetapi anak-anak yang tinggal di bandar lebih cenderung memberi wang tunai sahaja. Ini mungkin disebabkan oleh jarak tempat tinggal yang berjauhan di antara ibubapa dan anak yang telah berhijrah dari luar bandar ke bandar. Amalan bantuan seperti ini dapat meringankan beban wargatua khususnya bagi mereka yang tiada sumber tetap untuk menyara diri. Nilai murni seperti ini masih kekal sehingga kini dan diharapkan akan terus kekal pada masa hadapan.

## 7.8. Economic Support From Children Living Away From Aged Parents

The family plays a very important role in the financial support of the elderly in Malaysia, especially in the absence of comprehensive pension or other kinds of old-age security schemes. The MPFS 1994 survey, shows that **cash** is the main form of financial support that children living far away give to their aged parents, followed by **cash and kind** and **in kind only**. The pattern is the same for both urban and rural areas although the children living in urban areas tend to help more only in the form of cash. This is probably due to the distance between place of residence of the children and that of their parents as a result of rural-urban migration. This practice of financial support can help reduce the burden of the elderly especially for those with a fixed source of income to support themselves. Good moral values of this nature is still being practiced today and it is hoped that it will be maintained for the future.

Rajah 7.14 : Taburan Peratus Jenis Bantuan Untuk Wargatua Mengikut Strata, Semenanjung Malaysia, 1994

Figure 7.14 : Percentage Distribution Type Of Support To Elderly By Stratum, Peninsular Malaysia, 1994



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia, 1994  
Source : NPFDN Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994


## 7.9. Perkara Yang Membimbangkan Wargatua

Kajian yang dijalankan oleh LPPKN di Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan ke atas wargatua yang berumur 55 tahun ke atas turut meninjau kebimbangan hidup wargatua.

**Kekurangan wang** adalah peratus yang paling tinggi disebutkan oleh wargatua. Yang kedua tinggi peratusnya ialah **kesihatan kurang baik**. Peratus yang menyatakan kebimbangan mereka untuk menempuh **kesunyian** agak tinggi juga. Respon yang diterima membayangkan beberapa kebimbangan yang tersimpan dalam hati sanubari kebanyakan orang tua yang sedang menempuh hari tua mereka.

Rajah 7.15 : Peratus Wargatua Yang Menyatakan Kebimbangan Mereka Mengikut Jenis Kebimbangan

Figure 7.15 : Percentage Of Elderly Who Mentioned Their Anxiety Worries By Type Of Anxiety



Sumber : LPPKN Malaysia - Penyiasatan Akibat Sosio-Ekonomi daripada Keumuran Penduduk Malaysia 1986  
Source : NPFDB Malaysia - Socio-Economic Consequences of Ageing Population, in Malaysia 1986

## 7.9. Things That Worry The Elderly

*A survey done in Selangor, Melaka and Negeri Sembilan by NPFDB 1986 on elderly aged 55 years old and over tried to explore the things that the elderly worry about in life.*

*Insufficient money was the highest percentage mentioned by the elderly. The next highest mentioned was poor health. Quite a sizable proportion felt that they feared facing loneliness. The responses from this question portray some of the hidden anxieties in most old people in their old age.*

## 7.10. Persepsi Kemudahan Yang Diperlukan Oleh Wargatua


Dalam kajian KPKM 1994, responden (wanita berumur 15-49 tahun, pernah berkahwin, dan anak kepada wargatua) telah ditanya pendapat mereka mengenai keperluan untuk memperbaiki kehidupan wargatua. Kebanyakannya daripada anak-anak dewasa menyatakan wargatua memerlukan keperluan asas seperti makanan, kediaman dan pakaian. Keperluan lain ialah kewangan dan penjagaan khas.

## 7.10. Perceived Facilities Needed By Elderly

In the MPFS 1994 survey, a question was asked of the respondents (women aged 15-49, ever married, who are children to the elderly) on the facilities they thought the elderly would need to improve their quality of life. Majority of them felt that basic needs such as sufficient food, housing and clothings were much needed by elderly. Other things needed were finance and nursing care.

Rajah 7.16 : Peratus Persepsi Kemudahan Yang Diperlukan Oleh Wargatua Mengikut Jenis Kemudahan, Semenanjung Malaysia, 1994

Figure 7.16 : Percentage Of The Perception Perceived Facilities Needed By Elderly By Type Of Facilities, Peninsular Malaysia, 1994



Sumber : LPPKN Malaysia - Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994  
Source : NPFDB Malaysia - Malaysian Population and Family Survey 1994

## 7.11. Putus Haid Di Kalangan Wanita Berumur 40-49 Tahun

Putus haid ditakrifkan sebagai tempuh terhentinya pengeluaran darah haid iaitu sebahagian dari satu fenomena fisiologi dalam pusingan hidup seseorang wanita itu. Peristiwa ini sangat berkait rapat dengan proses penuaan. Beberapa soalan asas mengenai putus haid turut diajukan kepada wanita berumur 40-49 tahun dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 1994. Penemuannya adalah seperti berikut:

### 7.11.1. Umur Putus Haid

Daripada 1,364 orang wanita berumur 40-49 yang dikaji hanya 128 orang atau 9.4 peratus sahaja yang telah mengalami putus haid pada masa kajian dijalankan. Keseluruhananya umur min putus haid dikalangan wanita berumur 40-49 ini ialah 43.8 tahun. Wanita Cina mengalami putus haid lebih lewat daripada wanita Melayu dan India..

### 7.11.2. Tanda-Tanda Putus Haid

Turun darah terlalu banyak atau terlalu sedikit adalah tanda putus haid yang paling kerap dinyatakan oleh responden

Jadual 7.1 : Umur Min Putus Haid Mengikut Etnik, Semenanjung Malaysia, 1994

Table 7.1 : Mean Age Of Menopause By Ethnic, Peninsular Malaysia, 1994

#### Umur min putus haid Mean age at menopause

Melayu Malay	43.7
Cina Chinese	44.9
India Indian	40.9
Semua All	43.8

## 7.11. Menopause Among Women Aged 40-49 Years

Menopause, defined as the period of natural cessation of menstruation, is part of a physiological phenomena in the life cycle of a woman. This event is very closely related to the process of ageing. In the MPFS 1994, some basic questions about menopause were asked to women aged 40-49 years. The findings are shown below.

### 7.11.1. Age Of Menopause

From a total of 1,364 women aged 40-49 being surveyed, only 128 or 9.4 per cent of them had ever experienced menopause at the time of the survey. On the whole, the mean age at menopause of these women aged 40-49 was 43.8 years. Chinese women experienced menopause at the later age than Malays and Indians

### 7.11.2. Symptoms And Signs Of Menopause

Menstruation flow being too heavy or too little is the most reported signs of menopause mentioned by respondents.

Jadual 7.2 : Peratus Wanita 40-49 Yang Mengalami Tanda-tanda Putus Haid Mengikut Tanda-tanda Putus Haid, Semenanjung Malaysia, 1994

Table 7.2 : Per Cent Of Women 40-49 Who Experienced Symptoms And Sign Of Menopause By The Symptoms Of Menopause, Peninsular Malaysia, 1994

#### Umur min putus haid Mean age at menopause

	(%)
Haid datang tidak menentu / Irregular menstruation cycle	43.7
Turun darah terlalu banyak / sedikit / Menstruation flow too heavy / little	44.9
Gangguan kesihatan / Health problems	40.9
Gangguan emosi / Emotional stress	43.8
Gangguan fizikal / Physical problems	2.8

## Rumusan dan Penutup

Keluarga di Malaysia sedang melalui transisi dalam proses pembangunan, seperti modenisasi, urbanisasi dan industrialisasi. Mereka telah terdedah kepada persekitaran baru, dengan suasana, keperluan dan cabaran yang baru. Gabungan daripada semua faktor-faktor ini telah menimbulkan beberapa keadaan baru di kalangan keluarga Malaysia.

Beberapa keadaan yang ketara ialah:-

- @ Keluarga Malaysia semakin menjadi kecil.
- @ Keluarga luas semakin berkurangan.
- @ Umur perkahwinan pertama semakin meningkat bagi lelaki dan wanita Malaysia dan untuk semua kumpulan etnik.
- @ Peratusan mereka yang hidup membujang semakin meningkat.
- @ Terdapat peningkatan dalam perkongsian peranan dan tanggongjawab antara suami isteri.
- @ Perhubungan dan interaksi keluarga antara anak remaja dengan ibu bapa adalah lebih berat kepada ibu.
- @ Terdapat peningkatan bilangan ibu bapa tua dalam keluarga Malaysia.
- @ Wargatua wanita tinggal bersendirian semakin meningkat.
- @ Jangkamasa wargatua hidup selepas bersara semakin meningkat.

Kesemua tren di atas mencerminkan beberapa implikasi yang perlu dikaji dan dianalisis secara lebih mendalam, terutama oleh para penggubal dasar dan para perancang pembangunan untuk mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman mereka mengenai interaksi antara keluarga dan proses pembangunan dalam konteks Malaysia sebenar-benarnya.

## **Summary and Conclusions**

*Families in Malaysia are going through a transition in the development process, such as modernization, urbanization and industrialization. They are exposed to the new environment with new circumstances, requirements and challenges. The combination of all these factors has resulted in a number of emerging trends in Malaysian families.*

*Some of the more obvious ones are:-*

- @ Malaysian families have become smaller.*
- @ There is a continuing decrease.*
- @ The age at first marriage has increased both for Malaysian men and women for all ethnic groups.*
- @ The proportion of those remaining single is increasing.*
- @ There is an increased sharing of roles and responsibilities between husbands and wives.*
- @ Communication and interaction between adolescent children and parents are more inclined towards mothers.*
- @ There is an increasing number of elderly parents in the Malaysian families.*
- @ Elderly women living alone is on the increase.*
- @ The life span of the elderly after retirement is on the increase.*

*All of the above trends do portray a number of implications which need to be further studied and analysed especially by policy-makers and development planners to increase their awareness and understanding on the interactions between families and the process of development in the true Malaysian context.*

## Glosari

## Glossary

### 1. Perkahwinan

#### *Marriage*

Perkahwinan boleh didefinisikan kepada dua jenis iaitu perkahwinan sivil dan persetujuan pasangan untuk hidup bersama. Perkahwinan sivil ialah mengikut peraturan undang-undang negara contohnya, perkahwinan yang didaftarkan atau peraturan keagamaan masing-masing. Manakala perkahwinan melalui persetujuan bersama pasangan ialah apabila seorang lelaki dan seorang wanita mengambil keputusan untuk tinggal bersama sebagai suami dan isteri tetapi tidak didaftarkan mengikut penguatkuasaan undang-undang dan dimana pasangan ini akan terdedah kepada risiko kehamilan. Perkahwinan di Malaysia berasaskan kepada definisi perkahwinan sivil.

*The definition of marriage can be defined in two ways that is, civil marriage and consensual unions. Civil marriages are those which comply with the legal requirements of the country, for example, marriage by registration or through a religious denomination. Consensual unions are those in which a man and woman mutually agree to live together as husband and wife but whose union is not registered by legal authorities and within which the partners are exposed to the risk of conception. Marriage in Malaysia is usually based on the civil marriage.*

### 2. Umur perkahwinan pertama

#### *Age at first marriage*

Merujuk kepada umur ketika kali pertama bagi seorang wanita berkahwin. Umur ketika perkahwinan pertama ini menandakan bermulanya pendedahan keupayaan seorang wanita itu mempunyai anak dan dengan demikian mempunyai pengaruh penting ke atas tahap kesuburan.

*Refers to the first age at which a woman first get married. This age at first marriage marks the beginning of a woman's exposure to the risk of childbearing and thus has an important influence on fertility*

### 3. Umur Min Perkahwinan 'Singulate' Pertama

#### *Singulate Mean Age At First Marriage*

Umur min perkahwinan "singulate" pertama adalah satu kaedah tidak langsung untuk mengukur umur min pada pertama kali berkahwin bagi sekumpulan mereka (lelaki dan wanita) yang akan berkahwin. Ianya diperolehi daripada perkadaruan mereka yang belum pernah berkahwin di setiap kumpulan umur yang berbeza.

*The singulate mean age at first marriage (SMAM) is one of the indirect indicators to measure the mean age at first marriage for those (males and females) who are getting married. This is derived from the proportion of those never married within different each age groups.*

**4. Umur Min Perkahwinan Pertama**

*Mean Age At First Marriage*

Umur min perkahwinan pertama diambil kira berdasarkan kepada wanita yang pernah berkahwin berumur 25 - 49 tahun dan berkahwin sebelum berumur 25 tahun.

*Mean age at first marriage is calculated based on ever married women aged 25 - 49 who were married before age 25.*

**5. Pernah Berkahwin**

*Ever Married*

Istilah 'pernah berkahwin' merujuk kepada mereka yang masih berkahwin, bercerai/berpisah dan balu/duda.

*Ever married refers to those who are currently married, divorce/separated and widow/widower.*

**6. Balu/Duda**

*Widow/Widower*

Merujuk kepada mereka yang telah kematian suami/isteri dan belum berkahwin semula.

*Refers to those whose wives/husbands have died and they have not remarried.*

**7. Bercerai/Berpisah Tetap**

*Divorce/Separated*

Merujuk kepada mereka yang perkahwinannya telah dimansuhkan secara undang-undang atau mengikut peraturan keagamaan atau tidak lagi tinggal bersama bagi satu jangka masa yang lama dan tiada kemungkinan bersatu.

*Refers to those whose marriage has dissolved either by legal or religious procedures or they no longer stay together for a long period of time and with no possibility of reuniting.*

**8. Belum Pernah Berkahwin**

*Never Married*

Merujuk kepada mereka yang melaporkan sebagai belum pernah berkahwin.

*Refers to those who reported that they have never been married.*

**9. Keluarga Asas**

*Nuclear Family*

Keluarga asas bermakna keluarga yang terdiri daripada ibu/bapa dan anak-anak sahaja.

*Nuclear family means a family consisting of father/mother and their children.*

**10. Keluarga Luas**

*Extended Family*

Keluarga luas bermakna keluarga yang terdiri daripada ibu/bapa, anak-anak dan lain-lain ahli keluarga, seperti datuk, nenek, sepupu dan sebagainya.

*Extended family means a family consisting of father/mother, children, and other family members such as grandfather, grandmother, cousins, uncles etc.*

## **Senarai Kajian-Kajian**

### *List of Surveys*

1. Kajian penduduk dan keluarga Malaysia, 1984  
*Malaysian population and family survey, 1984*
2. Penyiasat akibat sosio-ekonomi daripada keumuran penduduk Malaysia, 1986  
*Survey of socio-economic consequences of ageing population in Malaysia, 1986*
3. Kajian kehidupan keluarga Malaysia, 1988  
*Malaysian family life survey, 1988*
4. Kajian penduduk daerah, 1992  
*Sub-national population survey, 1992*
5. Kajian perilaku sosial remaja Kuala Lumpur, 1993  
*Study on social behaviour of adolescents Kuala Lumpur, 1993*
6. Kajian perilaku sosial remaja Terengganu, 1994  
*Study on social behaviour of adolescents Terengganu, 1994*
7. Kajian penduduk dan keluarga Malaysia, 1994  
*Malaysian population and family survey, 1994*
8. Kajian kehidupan keluarga Malaysia, 1994  
*Malaysian family life survey, 1994*
9. Kajian perilaku sosial remaja Malaysia, 1994/95  
*Survey on social behaviour of Malaysian adolescents, 1994/95*
10. Kajian kesihatan reproduktif dan seksualiti remaja Malaysia, 1994/96  
*Study on reproductive health and sexuality on adolescents in Malaysia, 1994/96*
11. Kajian kesan pembangunan sosio-ekonomi ke atas keluarga dan hubungan gender di Kuala Lumpur, 1995  
*A survey on the effects of socio-economic development on family and gender relations in Kuala Lumpur, 1995*